



**MALAYSIA**

ISSN 2600-9870



9 772600 987005

**LAPORAN  
SOSIOEKONOMI  
NEGERI PERAK  
2019**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**



MALAYSIA

# LAPORAN SOSIOEKONOMI **NEGERI PERAK** 2019

**Pemakluman:**



Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan  
Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

7.7.2020 – 30.9.2020 (e-Census)

7.10.2020 – 24.10.2020 (Bersemuka/Face-to-face)

[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan  
Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.  
Tema sambutan MyStats Day tahun ini adalah  
"Connecting the world with data we can trust"

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

Diterbitkan dan dicetak oleh:

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

**Department of Statistics, Malaysia**

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

**MALAYSIA.**

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: <a href="https://www.dosm.gov.my">https://www.dosm.gov.my</a>
Facebook / Twitter / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM35.00

Diterbitkan pada Ogos 2020

#### **Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

**ISSN 2600-9870**

## KATA PENGANTAR

Laporan Sosioekonomi Negeri yang diterbitkan secara tahunan mengandungi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dari tahun 2015 hingga 2019 mengikut negeri di Malaysia. KDNK tersebut dianggarkan mengikut aktiviti ekonomi pada harga malar 2015 berdasarkan kaedah pengeluaran. Selain daripada statistik KDNK, maklumat berkenaan indeks harga pengguna, pendapatan dan perbelanjaan, kependudukan, tenaga buruh, pelancongan domestik dan statistik kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan turut dimuatkan dalam laporan ini.

Penyusunan statistik yang dianggarkan adalah berdasarkan rangka kerja manual antarabangsa antaranya *System of National Accounts 2008, Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP), Manual I - Methods of Estimating Total Population for Current Dates, The Method & Materials of Demography* dan *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts & Methods*. Selaras dengan perubahan pada peringkat nasional, anggaran KDNK pada tahun 2017 telah dimuktamadkan berdasarkan data terkini dan sumber-sumber lain. Semakan semula data juga dilaksanakan bagi KDNK 2018 manakala KDNK tahun 2019 merupakan data awalan.

Laporan ini mengandungi lima bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan senario ekonomi global, prestasi ekonomi Malaysia dan ringkasan penemuan prestasi ekonomi bagi setiap negeri. Bahagian kedua membentangkan perincian prestasi ekonomi negeri, pertumbuhan mengikut aktiviti ekonomi serta indeks harga pengguna. Seterusnya, statistik sosial demografi seperti penduduk, tenaga buruh serta pendapatan & perbelanjaan dibentangkan dalam bahagian ketiga laporan ini. Prestasi pelancongan domestik turut dimuatkan di bahagian keempat manakala statistik kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan diperihalkan pada bahagian kelima. Paparan berkenaan nota teknikal, jadual perangkaan dan indikator-indikator daripada agensi terpilih turut dipaparkan. Maklumat mengenai metodologi, sumber data dan glosari boleh didapati melalui portal Jabatan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan laporan ini.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

Ogos 2020

## SINGKATAN

BE	: Banci Ekonomi
EMDE	: <i>Emerging Market and Developing Economies</i>
HIES	: <i>Household Income &amp; Expenditure Survey</i>
IHP	: Indeks Harga Pengguna
IMF	: <i>International Monetary Fund</i>
ISIC	: <i>International Standard Industrial Classification</i>
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KEGA	: <i>Key Economic Growth Activities</i>
LNG	: <i>Liquefied Natural Gas</i>
MB	: Majlis Bandaraya
MD	: Majlis Daerah
MIDA	: <i>Malaysian Investment Development Authority</i>
MP	: Majlis Perbandaran
MPOB	: <i>Malaysian Palm Oil Board</i>
MSIC	: <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
OECD	: <i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
OPR	: <i>Overnight Policy Rate</i>
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
ST	: Suku tahun
t.t.t.l.	: tidak terkelas di tempat lain
VAT	: <i>Value Added Taxes</i>
W.P.	: Wilayah Persekutuan
2008 SNA	: <i>System of National Accounts 2008</i>

## SIMBOL

..	: tidak berkenaan
-	: tidak tersedia
e	: anggaran
p	: permulaan
a	: nilai ditambah kurang daripada RM5 juta
&	: dan
r	: <i>revised</i>
t	: tahun
%	: peratus

## UNIT/UKURAN

CAGR	: <i>Compounded Annual Growth Rate</i>
RM	: Ringgit Malaysia
Kg	: Kilogram
USD	: Dolar Amerika

## NOTA

Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

# KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	i
SINGKATAN / SIMBOL	ii
UNIT/UKURAN / NOTA	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI CARTA	ix
SENARAI PAPARAN	x

## BAB 1 PENGENALAN

Senario ekonomi global	3
Senario ekonomi Malaysia	8
Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2019	9
Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2020	20
Rencana 1: Pengenalan kepada kajian profil KDNK mengikut daerah 2015	26
Prestasi ekonomi negeri 2019	37
Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri	37
Struktur ekonomi mengikut negeri	41
KDNK per kapita	42

## BAB 2 PRESTASI EKONOMI PERAK

Sosioekonomi Perak 2019	45
Prestasi ekonomi Perak 2019	46
Prestasi Mengikut Sektor	49
• Sektor Pertanian	49
• Sektor Perlombongan dan pengkuarian	50
• Sektor Pembinaan	51
• Sektor Pembuatan	52
• Sektor Perkhidmatan	53
◆ Perdagangan borong dan runcit	53
◆ Utiliti	54
◆ Pengangkutan dan penyimpanan	55
◆ Perkhidmatan maklumat dan komunikasi	55
◆ Perkhidmatan perniagaan	55
◆ Perkhidmatan pendidikan swasta	56
◆ Perkhidmatan kesihatan swasta	56
◆ Perkhidmatan kerajaan	56
Indeks Harga Pengguna	57
Rencana 2: Harga makanan dan minuman menjadi daya penarik aktiviti pelancongan gastronomi di Perak	59

## BAB 3 DEMOGRAFI SOSIAL

Penduduk	69
◆ Kelahiran	72
◆ Kesuburan	74
◆ Kematian	75
◆ Jangkaan hayat	78
Tenaga Buruh	80
◆ Penduduk bekerja	80
◆ Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran	82
Gaji dan Upah	83
Statistik Siswazah	87
Pendapatan dan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah	92
◆ Pendapatan Isi Rumah	92
◆ Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah	94

## BAB 4 STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

Statistik pelancongan domestik Malaysia	99
♦ Statistik utama pelancongan domestik	99
♦ Pelawat domestik	100
♦ Perjalanan pelancongan domestik	100
♦ Perbelanjaan pelancongan domestik	100
Statistik pelancongan domestik Perak	101
♦ Kedatangan pelawat	101
♦ Negeri asal pelancong	101
♦ Destinasi tumpuan utama pelawat domestik	102

## BAB 5 STATISTIK AKAUN KERAJAAN

Statistik akaun kerajaan persekutuan	105
♦ Hasil kerajaan persekutuan	105
♦ Perbelanjaan kerajaan persekutuan	105
Statistik akaun kerajaan negeri	106
♦ Hasil kerajaan negeri	106
♦ Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri	107
♦ Surplus/defisit kerajaan negeri	108
Pihak berkuasa tempatan	109
Statistik akaun kerajaan negeri Perak	113
♦ Hasil kerajaan negeri Perak	113
♦ Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak	114
♦ Surplus/defisit kerajaan negeri Perak	115
♦ Pihak berkuasa tempatan Perak	116

## BAB 6 NOTA TEKNIKAL

Akaun Negara	123
Indeks Harga Pengguna	127
Penduduk	128
Tenaga Buruh	133
Gaji & Upah	136
Statistik Siswazah	138
Pendapatan dan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah	141
Pelancongan domestik	145

## BAB 7 JADUAL PERANGKAIAN

Akaun Negara	
♦ Nasional	153
♦ Negeri	201
♦ KDNK Perak	213
Indeks Harga Pengguna	215
Penduduk	217
Tenaga buruh	220
Eksport dan import	226
Gaji dan Upah	228
Statistik Siswazah	231
Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah	233

## BAB 8 INDIKATOR-INDIKATOR LAIN TERPILIH

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara	245
Kementerian Kesihatan Malaysia	248
Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman	250
MIDA	251
Kementerian Kewangan Malaysia	256

## SENARAI JADUAL

1.1	Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih (%), 2011-2019	4
1.2	Perubahan peratusan produktiviti buruh tahunan mengikut aktiviti ekonomi, 2018-2019	17
1.3	Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih, 2018-2020	25
1.4	Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2019	38
1.5	KDNK per kapita mengikut negeri, 2018-2019 pada harga semasa (RM), 2018-2019	42
2.1	Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2018-2019	50
2.2	Statistik industri kelapa sawit, Perak, 2018-2019	50
2.3	Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2019 - RM juta	53
2.4	Prestasi sektor Perkhidmatan, Perak, 2018-2019	53
2.5	Penyumbang utama dan pertumbuhan 2019 bagi subsektor Perkhidmatan	54
2(a)	Peratus perbezaan purata harga 29 jenis item terpilih mengikut negeri berbanding purata harga Perak, 2018	62
2(b)	Perbandingan purata harga antara negeri mengikut jenis item, 2018	64
3.1	Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perak, 2015-2019	69
3.2	Struktur umur penduduk, Perak, 2015-2019	69
3.3	Nisbah tanggungan, Perak, 2015-2019	70
3.4	Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Perak, 2015-2019	70
3.5	Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2018 (setiap 1,000 penduduk)	72
3.6	Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2018 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)	74
3.7	Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2015-2018 (setiap 1,000 penduduk)	75
3.8	Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perak, 2015-2018 (setiap 1,000 penduduk)	76
3.9	Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perak, 2016-2019	81
3.10	Penduduk bekerja mengikut sektor, Perak, 2016-2019	82
3.11	Gaji & upah bulanan, Perak, 2015-2018	86
3.12	Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah, Perak, 2018-2019	91
4.1	Statistik utama pelancongan domestik, 2018-2019	99
4.2	Bilangan pelawat domestik mengikut jenis pelawat, 2018-2019	100
4.3	Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik ke Perak, 2018-2019	101
5.1	Hasil kerajaan persekutuan, 2017-2018	105
5.2	Perbelanjaan kerajaan persekutuan, 2017-2018	105
5.3	Perbandingan penyumbang utama hasil kerajaan negeri Perak, 2017-2018	114
5.4	Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak, 2017-2018	115
5.5	Surplus/defisit kerajaan negeri Perak, 2017-2018	115
5.6	Kedudukan kewangan PBT Perak, 2017-2018- RM juta	118
7.1	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2019 - RM juta	153
7.2	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2016-2019 - Perubahan peratusan tahunan	156
7.3	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2019 - Sumbangan peratusan kepada KDNK	159
7.4	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2019 - RM juta	162
7.5	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2016-2019 - Perubahan peratusan tahunan	164
7.6	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2019 - Sumbangan peratusan kepada KDNK	166
7.7	KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2020 - RM juta	168
7.8	KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST2 2016-ST1 2020 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	168
7.9	KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2020 - RM juta	169
7.10	KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST2 2016-ST1 2020 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	169
7.11	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2020 - RM juta	170
7.12	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2020 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	176
7.13	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST2 2016-ST1 2020 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	182

## SENARAI JADUAL

7.14	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2020 - Peratus sumbangan kepada KDNK	188
7.15	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2020 - RM juta	194
7.16	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2017-ST1 2020 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	196
7.17	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST2 2016-ST1 2020 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	197
7.18	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2020 - Peratus sumbangan kepada KDNK	199
7.19	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2015-2019 - RM juta	201
7.20	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2015-2019 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	201
7.21	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 - RM juta	202
7.22	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	202
7.23	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	203
7.24	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - RM juta	204
7.25	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Perubahan peratusan tahunan	204
7.26	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	205
7.27	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	205
7.28	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - RM juta	206
7.29	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Perubahan peratusan tahunan	206
7.30	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	207
7.31	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	207
7.32	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - RM juta	208
7.33	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Perubahan peratusan tahunan	208
7.34	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	209
7.35	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	209
7.36	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2019 - RM juta	210
7.37	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2019 - Perubahan peratusan tahunan	210
7.38	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2019 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	211
7.39	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2019 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	211
7.40	KDNK mengikut negeri pada harga semasa, 2015-2019 - RM juta	212
7.41	KDNK per kapita mengikut negeri pada harga semasa, 2015-2019 - RM	212
7.42	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Perak, 2015-2019 - RM juta	213
7.43	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Perak, 2015-2019 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	214
7.44	Indeks Harga Pengguna mengikut negeri, 2015-2019	215
7.45	Peratus perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna mengikut negeri, 2015-2019	215
7.46	Indeks Harga Pengguna, Perak, 2010-2019	216
7.47	Peratus perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, Perak, 2011-2019	216

## SENARAI JADUAL

7.48	Siri masa anggaran penduduk pertengahan tahun mengikut negeri dan jantina, Malaysia, 2015-2019	217
7.49	Ringkasan perangkaan penting mengikut negeri, Malaysia, 2018	218
7.50	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina dan negeri, 2015-2019	219
7.51	Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri dan kumpulan umur, Malaysia, 2019	220
7.52	Penduduk bekerja mengikut negeri dan pekerjaan, Malaysia, 2019	221
7.53	Penduduk bekerja mengikut negeri dan industri, Malaysia, 2019	222
7.54	Kadar pengangguran mengikut negeri, Malaysia, 2015-2019	225
7.55	Perdagangan luar negeri mengikut lokasi - eksport dan import, Malaysia, 2015-2019 - RM juta	226
7.56	Eksport dan import mengikut pintu keluar dan masuk, Perak, 2015-2019 - RM juta	227
7.57	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2015-2019	228
7.58	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri dan jantina, Malaysia, 2015-2019	229
7.59	Statistik utama siswazah, Perak, 2016 - 2019	231
7.60	Purata gaji & upah bulanan siswazah bekerja mengikut negeri, Malaysia, 2016 - 2019	232
7.61	Penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja mengikut negeri, Malaysia, 2016 - 2019	232
7.62	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah, purata pertumbuhan tahunan mengikut negeri, Malaysia, 2016 dan 2019	233
7.63	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah, purata dan purata pertumbuhan tahunan mengikut strata, kumpulan etnik ketua isi rumah dan daerah pentadbiran, Perak, 2016 dan 2019	234
7.64	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah dan purata bagi kumpulan isi rumah mengikut pendapatan dan negeri, Malaysia, 2019	235
7.65	Pekali Gini bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan mengikut strata dan daerah pentadbiran, Perak, 2016 dan 2019	236
7.66	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut negeri, Malaysia, 2016	237
7.67	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut negeri, Malaysia, 2019	240
8.1	Bilangan hotel mengikut lokasi, Perak, 2019	245
8.2	Siri masa ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut negeri, 2015-2019	245
8.3	Siri masa ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut penarafan bintang, Perak, 2015-2019	245
8.4	Ringkasan stok sedia ada, penawaran akan datang dan perancangan penawaran kediaman, kedai dan hartanah perindustrian, Perak, 2019	246
8.5	Siri masa ringkasan jumlah luas kompleks beli-belah dan pejabat tujuan khas, 2015-2019	247
8.6	Siri masa bilangan kes penyakit berjangkit, Perak, 2015-2018	248
8.7	Bilangan doktor, doktor gigi, jururawat, ahli farmasi dan optometris mengikut sektor dan nisbah kepada penduduk, Perak, 2018	249
8.8	Bilangan fasiliti kesihatan awam dan nisbah fasiliti kesihatan awam kepada penduduk, Perak, 2018	249
8.9	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor awam, 2015-2018	249
8.10	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor swasta, 2015-2018	250
8.11	Statistik jumlah kemalangan mengikut negeri, 2015-2019	250
8.12	Jumlah dan jenis pelaburan yang diluluskan mengikut negeri, Malaysia, 2016-2019	251
8.13	Jumlah dan jenis pelaburan yang diluluskan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016-2019	252
8.14	Jumlah dan jenis pelaburan projek pembuatan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2016-2019	253
8.15	Nilai pelaburan projek pembuatan yang diluluskan oleh penyertaan asing mengikut negara, Perak, 2016-2019	255
8.16	Nilai pemberian sebenar kepada kerajaan negeri, Perak, 2018	256

## SENARAI CARTA

1.1	KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2015-2019 pada harga malar 2015	9
1.2	KDNK - Sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	9
1.3	Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	10
1.4	Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	10
1.5	Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	11
1.6	Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	11
1.7	Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	12
1.8	Perbelanjaan penggunaan akhir swasta - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	12
1.9	Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	13
1.10	PMTK - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2016-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	13
1.11	Eksport - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	14
1.12	Import - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015	14
1.13	Kadar pertumbuhan tahunan bagi Indeks Pelapor dan kitaran perniagaan, Januari 1991 hingga Mei 2020	19
1.14	KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2017-2020	20
1.15	KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, 2016-2020	20
1.16	Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015	21
1.17	Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015	22
1.18	Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015	22
1.19	Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan pada harga malar 2015, 2017-2020	23
1.20	Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan pada harga malar 2015, 2017-2020	23
1.21	Perbelanjaan penggunaan akhir - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015	23
1.22	PMTK dan komponen - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015	24
1.23	Eksport dan import - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar 2015, 2017-2020	24
1.24	Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2019	42
2.1	Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK, Perak, 2015-2019	47
2.2	Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perak, 2019	47
2.3	Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perak, 2018-2019	47
2.4	Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perak, 2015-2019	50
2.5	Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2019	52
2.6	Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong & runcit, Perak, 2019	54
2.7	Struktur subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Perak, 2019	55
2.8	Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, Perak, 2018- 2019	57
2.9	Perubahan tahunan subkumpulan pengangkutan, Perak, 2018-2019	57
2.10	Perubahan tahunan IHP, Perak, 2011-2019	57
2.11	Perubahan tahunan IHP keseluruhan dan makanan dan minuman bukan alkohol, 2011-2019	58
2.12	Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, 2018-2019	58

## SENARAI CARTA

2(a)	Siri masa bilangan pelawat domestik, pelancong domestik dan pelancong antarabangsa ke negeri Perak, 2012-2018	61
2(b)	Pelancong domestik yang melancong ke Perak mengikut negeri, 2018 (%)	63
3.1	Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2018-2019	71
3.2	Kadar kelahiran kasar, Perak, 2010-2018	72
3.3	Kadar kesuburan jumlah, Perak, 2010-2018	74
3.4	Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2010-2018	75
3.5	Kadar kematian bayi, Perak, 2010-2018	75
3.6	Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perak, 2010-2018	76
3.7	Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perak, 2010-2019	80
3.8	KPTB dan kadar pengangguran, Perak, 2010-2019	82
3.9	Kerangka analisis gaji & upah bulanan, Malaysia, 2017 <sup>r</sup> - 2018	83
3.10	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Malaysia, 2017 <sup>r</sup> - 2018	84
3.11	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri <sup>4</sup> , Malaysia, 2017 <sup>r</sup> - 2018	84
3.12	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2017 <sup>r</sup> - 2018	85
3.13	Statistik utama siswazah, Malaysia, 2018-2019 ('000)	87
3.14	Statistik utama siswazah, Perak, 2018-2019 ('000)	90
3.15	Statistik utama siswazah mengikut jantina, Perak, 2019 ('000)	90
3.16	Pendapatan penengah isi rumah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016 dan 2019	93
3.17	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Perak, 2016 dan 2019	94
3.18	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2019	95
4.1	Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Perak, 2019	101
5.1	Kutipan hasil kerajaan negeri, 2017-2018	106
5.2	Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2017-2018	107
5.3	Surplus/defisit mengikut negeri, 2017-2018 - RM juta	108
5.4	Prestasi kewangan 10 dewan/majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2017-2018	110
5.5	Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2017-2018	111
5.6	Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2017-2018	112
5.7	Hasil kerajaan negeri Perak, 2018	113
5.8	Siri masa hasil kerajaan negeri Perak, 2015-2018	113
5.9	Siri masa perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak, 2015-2018	114
5.10	Hasil cukai taksiran PBT Perak, 2017-2018	119

## SENARAI PAPARAN

1.1	Pertumbuhan ekonomi dan sumbangan peratusan mengikut negeri, 2019	37
2.1	Nilai ditambah mengikut sektor utama, Perak, 2019	48
2.1	Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2019	49
2.3	Komposisi sektor Pembinaan, Perak, 2019	51
2.4	Peratus sumbangan pendidikan swasta, Perak, 2019	56
2.5	Perbandingan harga purata 2019 bagi item terpilih di Perak dan negeri berhampiran	58
3.1	Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Perak, 2018-2019 ('000)	71
3.2	Bilangan dan kadar kelahiran mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2018	73
3.3	Tiga sebab kematian utama disahkan, Perak, 2018	77
3.4	Tiga sebab kematian utama tidak disahkan, Perak, 2018	77
3.5	Bilangan dan kadar kematian daerah pentadbiran, Perak, 2018	78
3.6	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perak, 2015-2019	78
3.7	Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perak, 2015-2019	79
3.8	Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perak, 2015-2019	79
3.9	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Perak, 2017- - 2018	86
3.10	Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2019 ('000)	88
3.11	Statistik gaji & upah bulanan siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2019	88
3.12	Statistik gaji & upah bulanan siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2019	89
3.13	Statistik gaji & upah bulanan siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia 2019 (RM)	89
3.14	Agihan pendapatan dan pendapatan isi rumah penengah mengikut kumpulan isi rumah desil, Perak, 2019	93
4.1	Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2018-2019	100
4.2	Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan 2018-2019	101
4.3	Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Selangor, 2019	102

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



# 1 PENGENALAN

## ○ SENARIO EKONOMI GLOBAL

## ○ SENARIO EKONOMI MALAYSIA

- Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2019
- Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2020
- Rencana 1: Pengenalan kepada kajian profil KDNK mengikut daerah 2015

## ○ PRESTASI EKONOMI NEGERI 2019

- Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri
- Struktur ekonomi mengikut negeri
- KDNK per kapita





*“Ekonomi dunia mencatatkan prestasi pertumbuhan lebih perlahan pada tahun 2019”*

# SENARIO EKONOMI GLOBAL

**P**ersekitaran ekonomi dunia yang dikelilingi situasi tidak menentu akibat perang dagangan yang masih berpanjangan dan situasi geopolitik yang rapuh menjadi intipati kepada perkembangan ekonomi global pada tahun 2019. Bagi sebahagian negara-negara utama dunia, situasi ekonomi berhadapan risiko yang pelbagai dengan hampir kesemuanya mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan. Secara keseluruhan, ekonomi dunia mencatatkan pertumbuhan pada kadar 2.9 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun 2018 seperti di Jadual 1.1. Pencapaian ini dipengaruhi oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam kumpulan negara-negara maju iaitu sebanyak 1.7 peratus (2018: 2.2%) dan kumpulan negara-negara sedang membangun & sedang berkembang pesat iaitu pada kadar 3.7 peratus (2018: 4.5%). Aktiviti perdagangan antarabangsa turut merekodkan penurunan daripada pertumbuhan 3.8 peratus pada tahun 2018 kepada 0.9 peratus pada tahun 2019 seperti yang dilaporkan oleh *International Monetary Fund* dalam *World Economic Outlook 2020* (IMF WEO).

## United States of America

Pertumbuhan ekonomi United States of America (USA) pada tahun 2019 direkodkan pada kadar yang lebih rendah iaitu 2.3 peratus berbanding 2.9 peratus pada tahun 2018 berikutan aktiviti pelaburan dan eksport yang semakin perlahan

akibat perang tarif. Selain itu, ketidakpastian polisi yang memberi kesan negatif kepada keyakinan pasaran dan aktiviti pelaburan turut menyumbang kepada prestasi ini menurut *World Bank* dalam *Global Economic Prospects 2020* (World Bank GEP).

Hubungan perdagangan yang masih dingin sepanjang tahun 2019 antara USA dengan rakan dagang utamanya seperti China dan European Union (EU) telah memberi kesan kepada pertumbuhan eksport USA apabila mencatatkan kejatuhan sebanyak 1.2 peratus. Perdagangan antara USA dengan China sahaja telah berkurangan sebanyak 13 peratus sejak Januari hingga September 2019 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. *United Nations* dalam laporan *World Economic Situation and Prospects 2020* (UN WESP) menyatakan, isu seperti ugutan USA untuk mengenakan tarif ke atas kenderaan yang diimport daripada EU, subsidi kepada syarikat pembuatan kapal terbang (Airbus dan Boeing) serta beberapa isu berkaitan akses kepada sektor Pertanian pula adalah antara isu yang mencetuskan ketegangan dalam hubungan dagangan antara USA dengan EU. Akibatnya, keyakinan pasaran telah merosot dan digambarkan melalui kejatuhan dalam pengeluaran sektor Pembuatan sebanyak 2.5 peratus khususnya dalam subsektor pembuatan kenderaan bermotor.

Sementara itu, kadar inflasi pengguna pula menurun daripada 2.4 peratus pada tahun 2018 kepada 1.8 peratus pada tahun 2019 dipengaruhi oleh harga minyak yang lebih rendah. Menurut *US Energy Information Administration*, harga minyak mentah *West Texas Intermediate (WTI)* yang menjadi penanda aras kepada harga minyak di USA mencatatkan purata lebih rendah pada tahun 2019 iaitu USD57 setong berbanding USD64 setong pada tahun 2018.

Susulan kadar inflasi yang rendah dan konflik dagangan yang masih belum menemui penyelesaian mendorong pihak berkuasa untuk menurunkan kadar faedah sebanyak 75 mata asas lagi pada separuh kedua 2019 untuk memastikan ekonomi USA terus berkembang. Namun di sebalik kadar pertumbuhan USA yang lebih perlahan, kadar pengangguran pula menunjukkan prestasi yang lebih baik iaitu menurun kepada 3.7 peratus pada tahun 2019 daripada 3.9 peratus pada tahun sebelumnya.

## Euro Area

Ekonomi di Euro Area juga mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan pada tahun 2019. Kemelut yang dilalui sektor automotif di Germany dan ketidaktentuan yang berlaku berkaitan isu Brexit adalah antara isu-isu utama yang terus menghimpit perkembangan ekonomi di Euro Area di samping pelbagai faktor luaran seperti ketegangan dalam perdagangan antarabangsa dengan USA (UN WESP). Pertumbuhan di Euro Area bagi tahun 2019 dicatatkan pada kadar 1.3 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun sebelumnya seperti yang dilaporkan oleh IMF.

Di Germany, pertumbuhan ekonomi mula berhadapan momentum yang lebih lemah sejak separuh kedua tahun 2018 lagi. Pada tahun 2019, ekonomi Germany bertumbuh pada kadar 0.6 peratus berbanding 1.5 peratus pada tahun 2018 susulan ketegangan yang semakin meningkat dalam perdagangan dunia

**Jadual 1.1** Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih (%), 2011-2019

Negara	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Ekonomi Dunia	4.3	3.5	3.5	3.6	3.5	3.2	3.8	3.6	2.9
Negara Maju	1.7	1.2	1.3	2.1	2.3	1.7	2.3	2.2	1.7
USA	1.6	2.2	1.7	2.6	2.9	1.5	2.3	2.9	2.3
Euro Area	1.7	-0.9	-0.2	1.4	2.1	1.9	2.5	1.9	1.3
Germany	3.9	0.4	0.4	2.2	1.7	2.2	2.5	1.5	0.6
France	2.2	0.3	0.6	1.0	1.1	1.1	2.3	1.7	1.3
Japan	-0.1	1.5	2.0	0.4	1.4	1.0	1.7	0.3	0.7
UK	1.5	1.5	2.1	2.6	2.4	1.9	1.9	1.3	1.4
Negara EMDE*	6.4	5.3	5.1	4.7	4.3	4.6	4.8	4.5	3.7
China	9.5	7.9	7.8	7.3	6.9	6.7	6.9	6.6	6.1
South Korea	3.7	2.3	2.9	3.3	2.8	2.9	3.1	2.7	2.0
Singapore	6.3	4.5	4.8	3.9	3.0	3.2	4.3	3.4	0.7
Thailand	0.8	7.2	2.7	1.0	3.1	3.4	4.1	4.2	2.4
Philippines	3.7	6.7	7.1	6.1	6.1	6.9	6.7	6.2	5.9
Indonesia	6.2	6.0	5.6	5.0	4.9	5.0	5.1	5.2	5.0
Malaysia	5.3	5.5	4.7	6.0	5.1	4.4	5.8	4.8	4.3

Sumber: IMF dan Jabatan Perangkaan Malaysia \*Negara Membangun & Sedang Pesat Membangun

dan perkembangan yang kurang positif dalam sektor automotif di Germany (IMF WEO). Konflik perdagangan mengundang kepada kejatuhan permintaan terhadap sektor industri Germany manakala perubahan struktur dan polisi dalam sektor automotif telah menjejaskan pengeluaran kenderaan di negara ekonomi terbesar di EU itu. Namun menurut UN, ekonomi Germany masih berdaya saing dipacu oleh permintaan domestik yang masih kukuh di samping sokongan daripada kadar pengangguran dan kadar faedah yang masih rendah serta gaji pekerja yang meningkat.

Di United Kingdom (UK) pula, isu Brexit atau pemisahan UK daripada EU yang timbul sejak referendum yang dilaksanakan pada 2016 terus mengundang risiko dan ketidaktentuan bukan sahaja kepada ekonomi UK malah di seluruh EU. Ketidadaan prosedur pemisahan daripada EU yang jelas menimbulkan tanda tanya terhadap masa depan ekonomi UK. Kebimbangan yang wujud ini diterjemahkan melalui kejatuhan nilai Pound Sterling apabila para pelabur semakin hilang keyakinan (UN WESP). Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi UK secara keseluruhannya masih kekal positif dan meningkat secara marginal pada kadar 1.4 peratus pada tahun 2019 berbanding 1.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, France turut merasai tempias faktor luaran kepada ekonominya akibat konflik perdagangan antarabangsa. Meskipun permintaan domestik masih kukuh, kejatuhan eksport France mendorong kepada penurunan prestasi pertumbuhan ekonomi France pada tahun 2019 apabila bertumbuh pada kadar 1.3 peratus (2018: 1.7%).

Melihat kepada pertumbuhan ekonomi yang semakin tidak berdaya di Euro Area, Bank Pusat Euro telah bertindak dengan meneruskan lagi insentif dan rangsangan kewangan untuk memastikan ekonomi terus berkembang. Antara langkah-langkah yang telah diumumkan pada September 2019 seperti yang dilaporkan oleh



**Ketidadaan prosedur pemisahan daripada EU yang jelas menimbulkan tanda tanya terhadap masa depan ekonomi UK**

UN termasuklah menurunkan lagi kadar faedah bagi deposit daripada negatif 0.4 peratus kepada negatif 0.5 peratus bagi merangsang pengeluaran wang dan perbelanjaan. Selain itu, bank pusat tersebut turut mengaktifkan semula program pembelian aset kewangan sehingga 20 bilion Euro sebulan untuk menambah lagi kecairan di dalam ekonomi.

### China

Prestasi ekonomi di benua Asia juga mempamerkan momentum pertumbuhan yang lebih lemah berbanding tahun sebelumnya apabila ekonomi di negara-negara Asia turut bergelut dengan pelbagai isu domestik dan antarabangsa. Ekonomi China yang merupakan salah satu ekonomi terbesar di Asia dan dunia mempamerkan pertumbuhan lebih rendah pada tahun 2019 rentetan krisis perdagangan dengan USA dan permintaan domestik yang semakin dingin. Berbanding dengan pertumbuhan 6.6 peratus pada tahun 2018, pertumbuhan ekonomi China diumumkan pada kadar 6.1 peratus bagi tahun 2019.

Polisi perdagangan yang tidak menentu dan tarif yang tinggi akibat perang dagangan telah menggugat sentimen dan keyakinan para pelabur. Import barangan perantaraan China mengalami kejatuhan akibat permintaan domestik yang semakin lemah manakala eksport China khususnya ke USA dan Asia Timur

juga mengalami penurunan yang begitu ketara apabila hanya bertumbuh sebanyak 0.5 peratus pada tahun 2019 berbanding 9.9 peratus pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, eksport bersih kekal menjadi penyumbang positif kepada pertumbuhan KDNK China secara keseluruhan di sebalik kelembapan dalam aktiviti perdagangannya (UN WESP).

Sebagai respon bagi mengurangkan impak negatif daripada konflik perdagangan, pihak berkuasa China telah mengambil langkah untuk merangsang ekonomi domestik melalui pelbagai pendekatan fiskal dan monetari. Bank Pusat China misalnya telah melaksanakan pemotongan nisbah keperluan rizab untuk mengalirkan lebih banyak wang ke dalam ekonomi. Di samping itu, Bank Pusat China turut memperkenalkan kadar pinjaman asas baharu untuk meringankan lagi kos pinjaman kepada sektor korporat. Di pihak kerajaan pula, had pinjaman yang boleh diambil oleh kerajaan tempatan telah diturunkan di samping turut membenarkan kerajaan tempatan menjual bon mereka lebih awal supaya projek infrastruktur dapat dijalankan dengan kadar segera.

### Japan

Penggunaan domestik dan perbelanjaan kerajaan memberi sokongan kepada pertumbuhan positif ekonomi Japan pada suku pertama hingga suku ketiga tahun 2019. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan terjejas pada suku keempat 2019 akibat peningkatan kadar *Value Added Taxes* (VAT) dan Taufan Hagibis yang melanda Japan pada Oktober 2019 lantas memperlambatkan pertumbuhan ekonomi di penghujung tahun. Namun begitu, ekonomi Japan secara keseluruhan masih mampu mencatatkan peningkatan apabila bertumbuh pada kadar 0.7 peratus pada tahun 2019 berbanding 0.3 peratus pada 2018 seperti yang dilaporkan oleh IMF.

Seperti negara-negara utama dunia yang lain, Japan juga tidak terkecuali daripada menerima tempas perang dagangan antara kuasa besar dunia. Pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan turut memberi kesan kepada eksport Japan ke China khususnya bagi produk automotif dan elektronik. Meskipun keuntungan syarikat-syarikat di Japan terjejas dengan pendapatan eksport yang menurun, aktiviti pelaburan modal masih kukuh khasnya bagi pelaburan dalam perisian, teknologi maklumat dan penyelidikan & pembangunan (R&D). Pada Ogos 2019 pula, kadar pengangguran turun ke tahap 2.2 peratus namun sektor pekerjaan masih lagi mengalami kekurangan tenaga kerja yang diperlukan (UN WESP).

Sementara itu, sektor kewangan dan perbankan di Japan pula berhadapan risiko yang semakin meningkat walaupun memiliki pegangan modal dan kecairan yang mencukupi. Peningkatan risiko tersebut berlaku susulan tindakan bank-bank gergasi Japan yang meningkatkan pelaburan mereka ke dalam instrumen kewangan asing yang lebih berisiko untuk mengaut keuntungan yang lebih tinggi (UN WESP).

### Singapore

Menurut statistik rasmi kerajaan, ekonomi Singapore pada tahun 2019 merekodkan pertumbuhan sebanyak 0.7 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Kementerian Perdagangan dan Perusahaan Singapura dalam kenyataannya menjelaskan bahawa pencapaian yang lebih lemah ini disumbangkan oleh kemerosotan dalam sektor Pembuatan iaitu pada kadar negatif 1.4 peratus (2018: 7.0%). Walaupun subsektor pembuatan alatan bioperubatan dan alatan kejuruteraan berukuran tepat (*precision engineering tools*) mengalami pertumbuhan positif, namun ia tidak dapat mengimbangi kejatuhan pengeluaran dalam subsektor pembuatan alat elektronik, kimia, kejuruteraan pengangkutan & pembuatan am.

Sementara itu, sektor Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2019. Namun begitu, pertumbuhan sektor tersebut adalah lebih rendah berbanding tahun 2018 iaitu pada kadar 1.1 peratus (2018: 3.4%). Sektor yang menunjukkan peningkatan prestasi yang signifikan pula ialah sektor Pembinaan apabila mengalami pertumbuhan 2.8 peratus pada tahun 2019 berbanding penguncupan sebanyak 3.5 peratus pada tahun 2018.

### Prospek Ekonomi Global 2020

*Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)* yang telah menular hampir ke seluruh negara di dunia menjelang Mac 2020 memberi tamparan hebat kepada sektor kesihatan dan ekonomi. Hampir semua aktiviti sosial dan ekonomi lumpuh apabila kawalan pergerakan dan penjarakan sosial terpaksa dilaksanakan di negara-negara yang terkesan bagi mencegah penularan wabak. Penutupan kilang, perniagaan dan tempat kerja mengundang kepada peningkatan kadar pengangguran dan kehilangan pendapatan secara drastik. Krisis ekonomi domestik pula menular ke peringkat global melalui hubungan perdagangan dan rantaian pembekalan global.

Prospek pertumbuhan ekonomi dunia untuk tahun 2020 sangat mencabar untuk diramalkan berikutan pelbagai faktor yang kompleks. Faktor-faktor tersebut antaranya termasuklah tahap penularan wabak, kemajuan dalam pembangunan vaksin, keberkesanan usaha pengendalian, kadar kemerosotan produktiviti, gangguan terhadap aktiviti pengeluaran, situasi dalam sektor kewangan, tahap keyakinan pelabur dan pengguna serta turun naik harga komoditi.

Menurut *World Bank*, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka merosot sebanyak negatif 5.2 peratus berasaskan andaian bahawa sekatan pergerakan dan kuarantin akan dimansuhkan secara beransur-ansur pada

separuh kedua tahun 2020. Namun sekiranya keadaan bertambah buruk seperti munculnya gelombang kedua pandemik, pertumbuhan ekonomi dunia dianggarkan merosot sehingga negatif 7.0 peratus. Bagi negara-negara maju, pertumbuhan ekonomi diramal menguncup pada kadar negatif 7.0 peratus apabila kadar jangkitan semakin meningkat hari demi hari. Bagi USA, pertumbuhan ekonomi diunjurkan merosot sebanyak negatif 6.1 peratus, Euro Area (-9.1%) dan Japan (-6.1%).

Sementara itu, bagi kumpulan negara-negara sedang membangun & sedang berkembang pesat pula, pertumbuhan dijangka lebih merosot bagi negara-negara yang berhadapan jumlah jangkitan domestik COVID-19 yang lebih besar dan kebergantungan terhadap pelancongan, eksport dan pinjaman asing yang lebih tinggi. Negara-negara pengeksport komoditi misalnya bakal berhadapan penguncupan ekonomi secara keseluruhan sebanyak negatif 4.8 peratus berbanding negara-negara bukan pengeksport komoditi yang lain (-1.1%). Mengikut *World Bank*, hanya beberapa negara sahaja yang diunjurkan mengalami pertumbuhan positif pada tahun 2020 iaitu China (1.0%), Egypt (3.0%) dan Bangladesh (1.6%). Secara keseluruhannya, negara-negara sedang membangun & sedang berkembang pesat diramal berhadapan pertumbuhan pada kadar negatif 2.5 peratus.



**Prospek pertumbuhan ekonomi dunia tahun 2020 sangat mencabar untuk diramalkan berikutan pelbagai faktor yang kompleks**

# SENARIO EKONOMI MALAYSIA

*“Secara keseluruhan, sektor ekonomi utama memperlihatkan pertumbuhan yang sederhana pada tahun 2019”*

## MALAYSIA MASIH KEKAL BERDAYA TAHAN

**B**iar pun berdepan dengan ketidakpastian sentimen ekonomi dunia antaranya ketegangan dagangan yang memberi cabaran kepada persekitaran luaran, ekonomi Malaysia masih berdaya tahan dengan menyaksikan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bertumbuh sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2019 berbanding 4.8 peratus pada tahun sebelumnya. Keupayaan ekonomi negara untuk kekal dalam trajektori positif ini dipacu oleh permintaan domestik khususnya pengembangan dalam segmen perbelanjaan isi rumah.

Pasaran pekerjaan dan pendapatan disertai persekitaran inflasi yang lebih rendah menyokong kestabilan pertumbuhan segmen ini. Namun, seperti ekonomi negara-negara sedang pesat membangun yang lain, gangguan rantai bekalan global ekoran konflik perdagangan, ketegangan politik serantau, sentimen pelaburan serta kesan penyusutan bagi pengeluaran komoditi telah mempengaruhi momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2019.

Sektor luaran negara telah dihipit oleh gangguan pengeluaran minyak mentah yang terjejas oleh kerja-kerja penyelenggaraan dan pelarasan bekalan. Di samping itu,

pertumbuhan perlahan bagi sektor Pembuatan yang berorientasikan eksport kesan daripada permintaan luaran yang lemah turut mendorong kepada penguncupan dalam eksport Malaysia.

Dari sudut sektor ekonomi, Perkhidmatan dan Pembuatan kekal sebagai pemacu pertumbuhan nilai ditambah negara walaupun menunjukkan prestasi yang lebih sederhana pada tahun 2019. Secara umumnya, momentum pertumbuhan ekonomi dilihat lebih baik pada separuh tahun pertama namun berkembang sederhana pada separuh tahun kedua. Ini berikutan pertumbuhan beberapa sektor utama yang lebih rendah antaranya penurunan sektor Perlombongan & pengkuarian, Pertanian serta trend pertumbuhan yang semakin perlahan bagi Pembuatan kesan kelembapan ekonomi global. Bagi sektor Pertanian, penguncupan ini adalah susulan gangguan pengeluaran buah sawit yang terjejas akibat keadaan cuaca yang kering dan pengurangan penggunaan baja. Sementara itu, sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan marginal dipengaruhi oleh projek-projek berskala besar yang telah selesai, projek baharu yang masih dalam fasa awalan serta lebihan dalam bekalan harta tanah.

Iklim pelaburan bagi perbelanjaan modal di Malaysia turut terkesan susulan ketidakpastian persekitaran global. Pelaburan swasta yang



Momentum pertumbuhan ekonomi dilihat **lebih baik** pada separuh tahun pertama namun **berkembang sederhana** pada separuh tahun kedua

terus menunjukkan aliran pertumbuhan yang semakin perlahan dan penguncupan pelaburan awam sejak 2018 telah mempengaruhi prestasi perbelanjaan modal yang menyusut pada tahun 2019. Perbelanjaan aset jentera dan kelengkapan yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya memberi implikasi kepada kemerosotan dalam permintaan import bagi barangan modal.


### Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2019

Ekonomi Malaysia berkembang 4.3 peratus pada tahun 2019 berbanding 4.8 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.1).


Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan kekal sebagai pemacu utama dari segi penawaran dengan gabungan sumbangan sebanyak 79.9 peratus kepada ekonomi. Perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai pendorong utama dari segi permintaan dengan sumbangan 58.7 peratus (Carta 1.2) kepada KDNK pada tahun 2019.

Pada tahun 2019, KDNK Malaysia pada harga semasa berjumlah RM1.51 trilion dan pada harga malar mencatatkan RM1.42 trilion. Pendapatan Negara Kasar per kapita meningkat kepada RM45,131 daripada RM43,307 pada tahun 2018.

**Carta 1.1** KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan 2015-2019 pada harga malar 2015





**Carta 1.2** KDNK - Sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015



## Perkhidmatan

Pada tahun 2019, sektor Perkhidmatan kekal kukuh dengan pertumbuhan 6.1 peratus daripada 6.8 peratus pada tahun sebelumnya seperti yang digambarkan di Carta 1.3. Prestasi sektor ini didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit dengan pertumbuhan 6.7 peratus (2018: 8.2%) terutamanya disebabkan oleh segmen perdagangan runcit. Maklumat & komunikasi turut menyokong pertumbuhan sektor ini dengan pertumbuhan 6.6 peratus (2018: 8.3%) diterajui oleh aktiviti komunikasi dan perkhidmatan komputer. Subsektor makanan & minuman dan penginapan terus berkembang kepada 9.6 peratus (2018: 9.0%) yang dipacu oleh pertumbuhan dua digit dalam aktiviti makanan & minuman. Selain itu, subsektor perkhidmatan perniagaan terus meningkat 9.2 peratus berbanding 9.0 peratus pada tahun 2018.

**Carta 1.3 Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015**





## Pembuatan

Sektor Pembuatan bertumbuh sederhana 3.8 peratus (2018: 5.0%) pada tahun 2019 seperti yang digambarkan di Carta 1.4. Pertumbuhan sederhana ini adalah disebabkan oleh komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna yang mencatatkan pertumbuhan daripada 7.1 peratus kepada 3.4 peratus. Sementara itu, subsektor kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan telah menyokong pertumbuhan sektor ini dengan mencatatkan pertumbuhan 6.5 peratus (2018: 6.2%) pada tahun 2019.

Di samping itu, prosesan makanan (6.9%) dan produk petroleum bertapis (2.8%) juga menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini.

**Carta 1.4 Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015**



### Pembinaan

Sektor Pembinaan bertumbuh secara marginal 0.1 peratus pada tahun 2019 berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.5).



Kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan pertukangan khas kekal menyokong pertumbuhan sektor ini dengan masing-masing mencatatkan 6.0 peratus (2018: 15.3%) dan 3.2 peratus (2018: 8.7%). Kemerosotan dalam bangunan kediaman (-2.2%) dan bangunan bukan kediaman (-8.8%) telah memperlambatkan prestasi keseluruhan sektor ini pada tahun 2019.

### Pertanian


Sektor Pertanian meningkat kepada 2.0 peratus daripada 0.1 peratus pada tahun 2018 (Carta 1.6). Pertumbuhan sektor ini disokong oleh subsektor pertanian lain dan ternakan yang masing-masing mencatatkan 3.9 peratus (2018: 4.1%) dan 6.3 peratus (2018: 5.5%).

Di samping itu, kelapa sawit yang merupakan penyumbang terbesar dalam Pertanian meningkat 1.5 peratus (2018: -1.8%) dan subsektor getah pulih 6.1 peratus (2018: -17.6%) pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, perikanan laut dan akuakultur masing-masing menguncup 0.1 peratus (2018: -0.2%) dan 1.8 peratus (2018: -2.1%) bagi dua tahun berturut-turut.

**Carta 1.5** Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015



**Carta 1.6** Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015







### Perlombongan dan pengkuarian

Pada tahun 2019, sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih kecil iaitu daripada negatif 2.2 peratus kepada negatif 2.0 peratus seperti yang digambarkan di Carta 1.7.

Subsektor gas asli pulih 2.1 peratus daripada pertumbuhan negatif 4.2 peratus pada tahun sebelumnya dan prestasi yang lebih baik dicatatkan dalam perlombongan lain dan pengkuarian dengan pertumbuhan 3.5 peratus (2018: 2.4%) pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, minyak mentah dan kondensat terus menyusut kepada negatif 7.6 peratus (2018: -0.8%) yang memperlahankan prestasi sektor ini.

**Carta 1.7** Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar





### Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta merekod pertumbuhan 7.6 peratus (2018: 8.0%) seperti yang digambarkan di Carta 1.8. Momentum pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan ke atas makanan & minuman bukan beralkohol (sumbangan: 22.1%), pengangkutan & komunikasi (sumbangan: 21.6%) dan restoran & hotel (sumbangan: 10.9%).

Sumbangan penggunaan ke atas perkhidmatan kepada jumlah penggunaan meningkat kepada 51.9 peratus daripada 51.7 peratus pada tahun 2018. Penggunaan bagi barangan menyumbang sebanyak 48.1 peratus (2018: 48.3%) yang diwakili oleh barangan tidak tahan lama, 74.8 peratus dan barangan tahan lama 14.3 peratus pada tahun 2019.

**Carta 1.8** Perbelanjaan penggunaan akhir swasta - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015



### Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan bertumbuh pada kadar lebih perlahan 2.0 peratus (2018: 3.2%) seperti yang digambarkan di Carta 1.9. Penggunaan lemah ini adalah disebabkan oleh penyederhanaan dalam perbelanjaan kerajaan ke atas kesihatan, perkhidmatan ekonomi dan pendidikan.





### Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) merosot 2.1 peratus daripada 1.4 peratus pada tahun 2018 seperti yang digambarkan di Carta 1.10. PMTK menyumbang 23.1 peratus (2018: 24.6%) kepada ekonomi dengan nilai RM328.4 bilion (2018: RM335.6 bilion) pada tahun 2019.



Kemerosotan ini disebabkan oleh penurunan bagi jentera & peralatan dan struktur yang masing-masing menguncup 5.5 peratus (2018: 0.7%) dan 0.6 peratus (2018: 1.9%).

Dari sudut sektor, sektor swasta bertumbuh sederhana 1.6 peratus (2018: 4.3%) dan memberi kesan kepada keseluruhan prestasi PMTK. Selain itu, PMTK sektor awam terus menyusut 10.8 peratus daripada negatif 5.0 peratus pada tahun sebelumnya.

**Carta 1.9** Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015



**Carta 1.10** PMTK - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2016-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015



## Eksport dan import

Eksport merosot 1.3 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun 2018 (Carta 1.11). Penyusutan 1.9 peratus berbanding 1.8 peratus pada tahun 2018 telah memberi kesan kepada keseluruhan prestasi eksport. Eksport barangan mewakili 83.3 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Walau bagaimanapun, eksport perkhidmatan bertumbuh lebih baik pada tahun 2019 dengan mencatatkan 1.7 peratus daripada pertumbuhan negatif 0.6 peratus pada tahun 2018.



Import mengalami prestasi lemah dengan penyusutan 2.5 peratus disebabkan oleh prestasi perlahan dalam import barangan (sumbangan: 80.2%). Import barangan menurun 2.4 peratus (2018: 2.9%) sementara import

perkhidmatan (sumbangan: 19.8%), mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih kecil 2.9 peratus (2018: -3.7%) pada tahun 2019.





**Eksport merosot 1.3% (2018:1.9%)  
susulan kemerosotan dalam  
eksport barangan**

**Carta 1.11** Eksport - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015



**Carta 1.12** Import - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2019 dan sumbangan peratusan tahun 2019 pada harga malar 2015



## Inflasi

Secara keseluruhannya, inflasi pada tahun 2019 direkodkan lebih rendah pada kadar purata 0.7 peratus berbanding 1.0 peratus pada tahun 2018. Sebahagian besar daripada kadar tersebut disumbang oleh kejatuhan dalam kumpulan harga pengangkutan sebanyak negatif 3.1 peratus berbanding kenaikan 1.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Pelaksanaan harga siling bahan api bagi kenderaan persendirian terutama RON95 pada harga RM2.08 per liter antara Mac hingga Disember berbanding RM2.20 bagi tempoh sama pada tahun 2018 dilihat antara elemen yang mendorong kepada kadar inflasi yang lebih rendah ini.

Sementara itu, inflasi yang lebih terkawal juga direkodkan bagi kumpulan-kumpulan barangan dan perkhidmatan yang lain. Kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol mencatatkan inflasi pada kadar 1.7 peratus, minuman beralkohol dan tembakau (1.5%), pakaian dan kasut (-2.0%), perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.9%), perabot, perkakasan dan kelengkapan isi rumah (1.4%), kesihatan (0.7%), komunikasi (0.4%), perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (1.4%), restoran dan hotel (1.2%) dan lain-lain barang dan perkhidmatan (0.4%).

**Inflasi pada tahun 2019 direkodkan lebih rendah pada kadar purata 0.7% berbanding 1.0% pada tahun 2018**



Inflasi teras juga turut menyaksikan kadar yang lebih rendah iaitu sebanyak 1.5 peratus (2018: 1.6%). Ini menunjukkan bahawa selepas faktor-faktor lain seperti penetapan harga dan pengaruh turun naik harga yang tidak menentu dikecualikan, kadar inflasi adalah agak stabil pada tahun 2019.

## Pasaran tenaga buruh

Pasaran tenaga buruh Malaysia terus stabil pada tahun 2019 dengan jumlah tenaga buruh yang meningkat sebanyak 2.0 peratus kepada 15.6 juta orang berbanding 15.3 juta orang pada tahun sebelumnya. Sementara itu, penduduk bekerja turut meningkat sebanyak 297.4 ribu orang kepada 15.1 juta orang pada tahun 2019 (2018: 14.8 juta orang). Kadar pengangguran juga kekal 3.3 peratus. Ini menunjukkan bahawa ekonomi negara masih dapat dikekalkan dalam keadaan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran di bawah 4.0 peratus.

Menurut Laporan Survei Tenaga Buruh, bilangan tenaga buruh paling tinggi adalah kumpulan umur 25 sehingga 29 tahun iaitu sebanyak 17.8 peratus diikuti 15.9 peratus dalam kumpulan umur 30 hingga 34 tahun dan 14.1 peratus dalam kumpulan umur 20 hingga 24 tahun. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pula meningkat daripada 68.3 peratus kepada 68.7 peratus pada tahun 2019. Ini menunjukkan 31.3 peratus penduduk dalam kumpulan umur bekerja berada di luar tenaga buruh.

Di samping itu, KPTB bagi lelaki naik 0.4 mata peratus iaitu kepada 80.8 peratus pada tahun 2019 berbanding 80.4 peratus pada tahun sebelumnya. Penyertaan lelaki dalam pasaran buruh melebihi 90 peratus antara umur 25 sehingga 54 tahun, iaitu 25 sehingga 34 tahun (96.1%), 35 sehingga 44 tahun (97.7%) dan 45 sehingga 54 tahun (94.2%). KPTB perempuan turut naik 0.4 mata peratus kepada



**Penyertaan wanita dalam pasaran buruh melebihi 55% antara umur 25 sehingga 54 tahun**

55.6 peratus pada tahun 2019. Penyertaan wanita dalam pasaran buruh melebihi 55 peratus antara umur 25 sehingga 54 tahun, iaitu 25 sehingga 34 tahun (73.7%), 35 sehingga 44 tahun (68.0%) dan 45 sehingga 54 tahun (58.9%).

Dari sudut tahap pendidikan, penduduk bekerja yang mempunyai pendidikan tertiar meningkat sebanyak 0.8 mata peratus iaitu 29.4 peratus pada tahun 2019 berbanding 28.6 peratus pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pendidikan rendah mencatatkan penurunan 1.0 mata peratus dengan peratusan penduduk bekerja sebanyak 12.1 peratus pada tahun 2019 (2018: 13.1%).

Berdasarkan sektor utama ekonomi, jumlah penduduk bekerja bagi sektor Perkhidmatan terus menerajui bilangan peratusan tertinggi iaitu 62.9 peratus daripada keseluruhan jumlah guna tenaga. Sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan 0.9 mata peratus dalam komposisi penduduk bekerja iaitu 17.8 peratus berbanding 16.9 peratus pada tahun 2018. Namun, penduduk bekerja dalam sektor Pertanian mencatatkan penurunan 0.4 mata peratus kepada 10.2 peratus pada tahun 2019 (2018: 10.6%). Sementara itu, penduduk bekerja dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing kekal sebanyak 8.5 peratus dan 0.6 peratus.

Selain itu, hampir 50 peratus penganggur aktif menganggur kurang dari tiga bulan iaitu sebanyak 48.4 peratus, diikuti 28.6 peratus dalam tempoh tiga bulan hingga kurang enam bulan. Penganggur aktif dalam tempoh enam bulan hingga kurang daripada setahun pula adalah sebanyak 13.7 peratus, manakala dalam tempoh satu tahun dan lebih pula adalah sebanyak 9.3 peratus.

### Luar tenaga buruh

Pada tahun 2019, penduduk dalam kalangan umur bekerja yang berada di luar tenaga buruh adalah seramai 7,103.5 ribu orang berbanding 7,094.4 ribu orang pada tahun 2018. Jumlah ini merangkumi 68.3 peratus daripadanya adalah wanita dengan seramai 4,850.1 ribu orang, manakala 31.7 peratus lagi adalah lelaki dengan seramai 2,253.5 ribu orang.

Dari sudut komposisi mengikut umur, penduduk yang berumur 15 sehingga 24 tahun merupakan kumpulan terbesar yang berada di luar tenaga buruh iaitu 46.9 peratus. Namun, peratusan ini menurun 1.8 mata peratus berbanding 2018. Sementara itu, 83.7 peratus daripada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) berada di luar tenaga buruh iaitu suri rumah/tanggungjawab keluarga dan pelajar. Kumpulan ini merupakan penduduk yang berpotensi menyertai pasaran buruh.

### Produktiviti buruh

Kadar pertumbuhan produktiviti buruh Malaysia menyederhana pada tahun 2019 dengan mencatatkan pertumbuhan 2.2 peratus mengikut perkiraan nilai ditambah per jam bekerja (2018: 3.4%). Secara umumnya, kadar produktiviti semua sektor ekonomi bertumbuh lebih perlahan namun masih berada dalam aliran pertumbuhan positif kecuali Perlombongan dan pengkuarian yang merekodkan pertumbuhan negatif pada tahun 2019. Dari perspektif produktiviti mengikut per

pekerja, pertumbuhan produktiviti dicatatkan pada kadar 2.1 peratus berbanding 2.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Berdasarkan produktiviti buruh tahunan per jam bekerja, sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan produktiviti buruh yang perlahan iaitu pada kadar 2.7 peratus berbanding 5.0 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi produktiviti buruh bagi subsektor perdagangan borong dan runcit merekodkan pertumbuhan 3.9 peratus berbanding 5.8 peratus pada tahun sebelumnya. Maklumat dan komunikasi serta perkhidmatan lain turut mengalami pertumbuhan lebih rendah apabila masing-masing bertumbuh 2.1 peratus (2018: 5.7%) dan 2.6 peratus (2018: 7.0%). Namun begitu, subsektor utiliti meningkat lebih baik kepada 3.3 peratus sementara pengangkutan dan penyimpanan kekal 4.3 peratus.

Sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan produktiviti per jam bekerja sebanyak 2.5 peratus (2018: 3.3%). Produktiviti produk elektrik, elektronik dan optikal, produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka masing-masing mencatatkan pertumbuhan 2.6 peratus. Sementara itu, pertumbuhan negatif 1.5 peratus direkodkan oleh subsektor minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan. Sebaliknya, subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan bertumbuh lebih baik kepada 5.6 peratus berbanding 4.9 peratus pada tahun 2018 (Jadual 1.2).



**Produktiviti buruh per jam bekerja sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan pada kadar 2.7% (2018: 5.0%)**

Selain itu, kadar produktiviti per jam bekerja sektor Pembinaan dan Pertanian pula merekodkan pertumbuhan yang sederhana pada tahun 2019 dengan masing-masing pada kadar 3.5 peratus (2018: 3.8%) dan 0.3 peratus (2018: 0.6%).

Bagi pertumbuhan produktiviti mengikut nilai ditambah per pekerja, sektor Pembinaan kekal stabil 3.3 peratus (2018: 3.4%). Namun, pertumbuhan produktiviti sektor Perkhidmatan dan sektor Pembuatan masing-masing bertumbuh sederhana sebanyak 2.9 peratus (2018: 3.5%) dan 1.7 peratus (2018: 2.4%) mengikut nilai ditambah per pekerja.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian pula mencatatkan pertumbuhan negatif 1.6 peratus mengikut produktiviti nilai ditambah per pekerja pada tahun 2019 (2018: 4.0%). Produktiviti sektor Pertanian pula meningkat 0.4 peratus pada tahun 2019 berbanding negatif 0.2 peratus pada tahun sebelumnya.

**Jadual 1.2** Perubahan peratusan produktiviti buruh tahunan mengikut aktiviti ekonomi, 2018-2019

Aktiviti Ekonomi	Produktiviti nilai ditambah per jam bekerja		Produktiviti nilai ditambah per pekerja	
	2018	2019	2018	2019
Pertanian	0.6	0.3	-0.2	0.4
Perlombongan dan pengkuarian	3.3	-1.7	4.0	-1.6
Pembuatan	3.3	2.5	2.4	1.7
Pembinaan	3.8	3.5	3.4	3.3
Perkhidmatan	5.0	2.7	3.5	2.9
<b>Produktiviti buruh</b>	<b>3.4</b>	<b>2.2</b>	<b>2.3</b>	<b>2.1</b>

## Prospek ekonomi Malaysia 2020

Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh *World Health Organization* pada Mac 2020. Bilangan kes yang semakin meningkat di Malaysia pada pertengahan bulan yang sama juga mendorong penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang menyebabkan semua aktiviti perhimpunan besar ditegah, perjalanan dihadkan dan penutupan sekolah, universiti dan premis-premis swasta serta kerajaan kecuali bagi perkhidmatan kritikal. Ekonomi Malaysia yang pada awalnya diramal bertumbuh positif telah dinilai semula apabila pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi terhenti. Pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2020 dijangka berhadapan penguncupan akibat situasi yang lebih sukar dan tidak menentu.

PKP yang berlanjutan selama lebih enam minggu telah menyebabkan sebahagian besar sektor ekonomi terkesan dan membawa kepada kehilangan pekerjaan, kemerosotan pendapatan dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, langkah drastik tersebut nyata membawa kesan positif apabila jumlah jangkitan menurun secara konsisten sehingga membenarkan aktiviti ekonomi dan sosial berjalan semula secara beransur-ansur melalui Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Sementara itu, pelbagai langkah dan pendekatan juga telah dilaksanakan melalui polisi monetari dan fiskal bagi menangani kemelesetan dan menjana semula ekonomi. Antaranya termasuklah pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Melalui pakej PRIHATIN yang berjumlah RM250 bilion, antara bantuan tunai yang disediakan ialah sebanyak RM1,600



**Pelbagai langkah dan pendekatan dilaksanakan melalui polisi monetari dan fiskal bagi menangani kemelesetan dan menjana semula ekonomi**

kepada isi rumah berpendapatan di bawah RM4,000 dan RM1,000 kepada isi rumah berpendapatan lebih daripada RM4,001 hingga RM8,000. Di samping itu, subsidi gaji dan upah turut diperkenalkan bagi menjamin kelangsungan pasaran tenaga kerja. Selain itu, pakej PRIHATIN TAMBAHAN khas untuk PKS juga disediakan seperti Geran Khas PRIHATIN dan tambahan kepada subsidi gaji pekerja daripada RM5.9 bilion kepada RM13.8 bilion.

Selain itu, pelbagai insentif juga diwujudkan seperti moratorium pembayaran semua jenis pinjaman bank, pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), diskaun penggunaan elektrik, penangguhan bayaran sewa bagi penyewa premis kerajaan dan sebagainya. Melalui polisi monetari pula, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menurunkan kadar faedah semalaman (OPR) sebanyak 75 mata asas antara Mac hingga Julai 2020 dan turut mengurangkan nisbah rizab berkanun yang perlu dipegang oleh bank-bank komersial untuk meningkatkan lagi kemudahan kredit dan kecairan di dalam ekonomi.

Melalui PENJANA, tiga fokus utama ditumpukan iaitu pemerksaan rakyat, pemerksaan perniagaan dan merangsang semula ekonomi. Dari aspek pemerksaan rakyat, antara langkah yang dilaksanakan ialah tambahan subsidi gaji selama tiga bulan lagi yang berjumlah sehingga RM5.3 bilion, peruntukan

sebanyak RM2 bilion untuk program melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja dan bayaran tunai kepada golongan yang paling terkesan. Bagi memperkasakan perniagaan pula, bantuan kewangan disediakan untuk membantu PKS dan sektor-sektor yang terjejas teruk seperti sektor pelancongan. Bagi merangsang semula ekonomi, kerajaan juga melaksanakan insentif pengecualian cukai ke atas pelbagai sektor dan juga menggubal Rang Undang-Undang COVID-19 bagi mengurangkan impak negatif dari segi kewangan selain pelbagai lagi insentif lain.

Prestasi semasa ekonomi Malaysia bagi tahun 2020 sementara itu pula dapat dilihat melalui laporan Indeks Pelopor (IP) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang memberi isyarat kepada hala tuju ekonomi. Pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi melalui PKPB dan PKPP serta pakej-pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan memperlihatkan impak positif apabila laporan IP bagi bulan Mei 2020 telah bertambah baik kepada 0.6 peratus berbanding paras negatif pada April 2020 (Carta 1.13). IP bulan ke bulan bagi Mei 2020 juga melonjak kepada 4.9 peratus daripada 0.2 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh lima daripada tujuh komponen IP dengan

pertumbuhan tertinggi dalam komponen Jumlah Syarikat Baharu Didaftarkan iaitu sebanyak 1.8 peratus.


Meskipun situasi dijangka semakin pulih menjelang hujung tahun 2020 kesan daripada langkah-langkah fiskal dan monetari yang dilaksanakan, namun secara keseluruhannya prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 masih diramal negatif. BNM dalam laporannya pada April 2020 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar antara negatif 2.0 peratus hingga 0.5 peratus.

Berdasarkan perkembangan semasa, *World Bank* pada Jun 2020 pula meramalkan ekonomi Malaysia akan menguncup sebanyak 3.1 peratus manakala IMF pula menjangkakan kemerosotan pertumbuhan pada kadar 3.8 peratus iaitu lebih tinggi berbanding ramalan awal pada kadar negatif 1.7 peratus. Walau bagaimanapun, ramalan-ramalan tersebut masih bergantung kepada sejauh mana tempoh penularan wabak serta keberkesanan polisi yang dilaksanakan untuk merangsang semula ekonomi. Selain itu, keperluan Malaysia kepada perdagangan antarabangsa juga mempengaruhi pemulihan ekonomi domestik. Sekiranya Malaysia berjaya keluar daripada kemelut pandemik ini lebih awal sekali pun, pertumbuhan ekonomi masih sukar untuk pulih sepenuhnya sekiranya negara-negara lain masih bergelut dengan penularan wabak ini.



Pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi melalui PKPB dan PKPP serta pakej-pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan memperlihatkan **impak positif** apabila laporan IP bagi bulan Mei 2020 bertambah baik kepada **0.6%**

**Carta 1.13** Kadar pertumbuhan tahunan bagi Indeks Pelopor dan kitaran perniagaan, Januari 1991 hingga Mei 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


### Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2020

Ekonomi Malaysia bertumbuh marginal 0.7 peratus (ST4 2019: 3.6%) pada suku tahun pertama 2020 (Carta 1.14). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK merosot 2.0 peratus (ST4 2019: 0.6%) seperti yang ditunjukkan oleh Carta 1.15. Pertumbuhan yang lebih perlahan yang dihadapi oleh Malaysia adalah seiring dengan ketidakpastian global dan pandemik COVID-19 yang berterusan. Pada pertengahan Mac 2020, kerajaan Malaysia telah mengenakan PKP untuk mencegah penyebaran COVID-19. Oleh yang


demikian, ekonomi Malaysia dipengaruhi oleh senario luar biasa pada suku tahun ini.

Dari segi penawaran, prestasi pertumbuhan disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan terutamanya yang berkaitan dengan industri perkhidmatan perlu. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian dan Pembinaan merosot sementara Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih kecil pada suku tahun ini. Dari segi permintaan, perbelanjaan penggunaan akhir swasta bertumbuh sederhana, manakala pembentukan modal tetap kasar kekal dengan pertumbuhan negatif.

**Carta 1.14 KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2017-2020**



**Carta 1.15 KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, 2016-2020**



### Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan bertumbuh sederhana kepada 3.1 peratus pada suku tahun pertama berbanding 6.2 peratus pada suku tahun keempat 2019 seperti yang ditunjukkan di Carta 1.16. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun pertumbuhan sektor ini menguncup 1.7 peratus (ST4 2019: 1.3%).

Pertumbuhan sektor Perkhidmatan disokong oleh subsektor maklumat & komunikasi yang berkembang 6.7 peratus (ST4 2019: 6.8%). Ini diikuti oleh perdagangan borong & runcit dan kewangan & insurans yang masing-masing bertumbuh 2.1 peratus (ST4 2019: 6.4%) dan 4.9 peratus (ST4 2019: 5.2%). Subsektor maklumat & komunikasi diterajui oleh segmen telekomunikasi dan perkhidmatan komputer & maklumat. Pertumbuhan subsektor perdagangan borong & runcit disumbangkan oleh pertumbuhan positif borong, 3.4 peratus (ST4 2019: 5.9%) dan runcit bertumbuh perlahan kepada 2.1 peratus (ST4 2019: 7.3%). Kewangan kekal dengan pertumbuhan positif yang disokong oleh aktiviti perantara monetari, manakala insurans tumbuh lebih laju didorong oleh segmen insurans hayat.




### Pembuatan

Sektor Pembuatan bertumbuh 1.5 peratus lebih perlahan daripada 3.0 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti yang digambarkan di Carta 1.17. Ini merupakan pertumbuhan terendah yang dicapai sejak suku tahun pertama 2013 (0.6%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini merosot 0.9 peratus (ST4 2019: 0.2%). Pertumbuhan perlahan sektor Pembuatan disumbangkan oleh subsektor produk petroleum, kimia, getah & plastik (3.9%), produk elektrik, elektronik & optikal (2.2%) dan produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (1.3%).



Walau bagaimanapun, minyak & lemak daripada sayuran & haiwan & prosesan makanan dan peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan masing-masing mencatatkan penyusutan 3.1 peratus dan 1.5 peratus.



**Carta 1.16** Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015



**Carta 1.17** Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015



**Pertanian**

Sektor Pertanian menyusut 8.7 peratus (ST4 2019: -5.7%) seperti yang digambarkan di Carta 1.18. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini menguncup 1.5 peratus (ST4 2019: -4.1%).

Pertumbuhan negatif ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam subsektor kelapa sawit, 22.0 peratus (ST4 2019: -16.9%), perhutanan & pembalakan, 23.6 peratus (ST4 2019: -19.0%), perikanan, 7.6 peratus (ST4 2019: 2.7%) dan getah, 18.3 peratus (ST4 2019: 1.8%).


Walau bagaimanapun, subsektor ternakan dan pertanian lain masing-masing mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik 8.5 peratus (ST4 2019: 7.5%) dan 6.3 peratus (ST4 2019: 6.1%).

**Pembinaan**


Sektor Pembinaan menguncup 7.9 peratus (ST4 2019: 1.0%) seperti yang digambarkan di Carta 1.19. Ini merupakan pertumbuhan terendah yang dicatatkan sejak suku tahun kedua 1999 (-7.9%). Sektor ini merosot 9.2 peratus (ST4 2019: 1.3%) bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Penguncupan sektor ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam semua segmen. Bangunan kediaman mencatatkan penurunan 8.1 peratus (ST4 2019: 3.0%) dan bangunan bukan kediaman negatif 11.6 peratus (ST4 2019: -10.0%). Kejuruteraan awam merosot kepada 5.1 peratus (ST4 2019: 6.7%) dan aktiviti pembinaan pertukangan khas negatif 9.0 peratus (ST4 2019: 4.5%).

**Carta 1.18** Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015



**Carta 1.19** Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratus tahunan 2017-2020 pada harga malar 2015




**Perlombongan dan pengkuarian**

Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pemulihan dengan negatif yang lebih kecil 2.0 peratus (ST4 2019: -3.4%) seperti yang ditunjukkan di Carta 1.20. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini menyusut kepada 0.9 peratus (ST4 2019: 2.2%).

Pertumbuhan sektor ini didorong terutamanya oleh prestasi minyak mentah & kondensat yang pulih kepada negatif 5.2 peratus (ST4 2019: -6.3%). Sementara itu, gas asli dan perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 0.1 peratus dan 2.7 peratus.

**Carta 1.20** Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratus tahunan 2017-2020 pada harga malar 2015




**Perbelanjaan penggunaan akhir**

Perbelanjaan penggunaan akhir bertumbuh 6.5 peratus berbanding 6.6 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan di Carta 1.21.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan pertumbuhan 6.7 peratus (ST4 2019: 8.1%). Prestasi ini disokong oleh penggunaan ke atas kumpulan makanan & minuman bukan alkohol, komunikasi dan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain. Bagi terma pelarasan musim, perbelanjaan penggunaan akhir swasta menguncup 0.2 peratus (ST4 2019: 2.2%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan melonjak kepada 5.0 peratus daripada 1.3 peratus pada suku tahun keempat 2019. Prestasi kukuh ini didorong oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat kepada 4.4 peratus (ST4 2019: 0.5%).

**Carta 1.21** Perbelanjaan penggunaan akhir - Nilai, perubahan peratus tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratus pada harga malar 2015




### Pembentukan modal tetap kasar

PMTK terus menyusut kepada 4.6 peratus (ST4 2019: -0.7%) seperti yang ditunjukkan di Carta 1.22. Bagi terma pelarasan musim, PMTK merosot kepada 8.8 peratus (ST4 2019: 3.7%).

Prestasi PMTK didorong oleh penurunan dalam kesemua jenis aset. Struktur menguncup daripada 0.1 peratus kepada negatif 4.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi kedua-dua jentera & peralatan dan aset lain masing-masing menyusut negatif 6.2 peratus (ST4 2019: -2.6%) dan negatif 2.4 peratus (ST4 2019: 1.4%).

Berdasarkan pengelasan mengikut sektor, sektor swasta menguncup 2.3 peratus (ST4 2019: 4.3%). Di samping itu, PMTK bagi sektor awam terus merosot kepada 11.3 peratus daripada negatif 8.0 peratus pada suku tahun sebelumnya.

**Carta 1.22** PMTK dan komponen - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2017-2020 dan sumbangan peratusan pada harga malar 2015



**Eksport dan import** pada suku tahun pertama 2020 merosot dengan masing-masing mencatatkan **negatif 7.1%** dan **negatif 2.5%**

### Eksport dan import

Pada suku pertama tahun 2020, eksport menunjukkan prestasi merosot dengan catatan negatif 7.1 peratus (ST4 2019: -3.4%) seperti yang digambarkan di Carta 1.23. Prestasi ini disumbangkan oleh penyusutan bagi kedua-dua eksport barangan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, eksport merekodkan negatif 4.9 peratus (ST4 2019: -0.7%).

Import terus merosot dengan pertumbuhan negatif 2.5 peratus (ST4 2019: -2.4%) disebabkan oleh prestasi lemah dalam import perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim, import mencatatkan negatif 2.8 peratus (ST4 2019: -0.1%).

**Carta 1.23** Eksport dan import - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar 2015, 2017-2020



**Jadual 1.3** Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih, 2018-2020

Negara	Jenis pertumbuhan	2018				2019				2020
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
European Union 27	Suku tahunan	2.7	2.4	1.9	1.5	1.7	1.5	1.6	1.2	-2.5
	Pelarasan musim*	0.4	0.4	0.3	0.5	0.5	0.3	0.3	0.1	-3.2
United Kingdom	Suku tahunan	1.1	1.3	1.6	1.4	2.0	1.4	1.3	1.1	-1.7
	Pelarasan musim*	0.1	0.5	0.6	0.2	0.7	-0.1	0.5	0.0	-2.2
USA	Suku tahunan	3.1	3.3	3.1	2.5	2.3	2.0	2.1	2.3	0.3
	Pelarasan musim**	3.8	2.7	2.1	1.3	2.9	1.5	2.6	2.4	-5.0
Japan	Suku tahunan	0.9	1.0	-0.3	-0.4	0.8	0.9	1.7	-0.7	-1.7
	Pelarasan musim*	-0.5	0.4	-0.8	0.6	0.6	0.5	0.0	-1.9	-0.6
	Pelarasan musim**	-1.9	1.8	-3.3	2.3	2.6	2.1	0.0	-7.2	-2.2
South Korea	Suku tahunan	3.0	3.1	2.4	3.1	1.8	2.1	2.0	2.3	1.4
	Pelarasan musim*	1.1	0.6	0.6	0.9	-0.3	1.0	0.4	1.3	-1.3
Hong Kong	Suku tahunan	4.5	3.4	2.6	1.1	0.7	0.4	-2.8	-3.0	-9.1
	Pelarasan musim*	1.5	-0.1	0.1	-0.3	0.8	-0.3	-3.0	-0.5	-5.5
Taiwan	Suku tahunan	3.2	3.4	2.5	2.0	1.8	2.6	3.0	3.3	1.6
	Pelarasan musim*	1.1	0.3	0.2	0.8	0.8	0.5	0.7	1.6	-0.9
	Pelarasan musim**	4.3	1.0	0.7	3.3	3.3	1.8	2.9	6.6	-3.6
Singapore	Suku tahunan	4.8	4.9	3.0	1.1	1.0	0.2	0.7	1.0	-0.3
	Pelarasan musim**	3.3	2.1	0.8	-1.3	2.3	-0.8	2.2	0.6	-3.3
China	Suku tahunan	6.9	6.9	6.7	6.5	6.4	6.2	6.0	6.0	-6.8
	Pelarasan musim*	1.9	1.6	1.5	1.3	2.0	1.2	1.4	1.3	-10.0
Thailand	Suku tahunan	5.0	4.6	3.2	3.8	2.9	2.4	2.6	1.5	-1.8
	Pelarasan musim*	1.9	0.8	0.1	1.0	1.0	0.3	0.3	-0.2	-2.2
Philippines	Suku tahunan	6.5	6.4	6.1	6.4	5.7	5.4	6.3	6.7	-0.2
	Pelarasan musim*	1.6	1.7	1.4	1.4	1.3	1.2	2.3	1.8	-5.1
Indonesia	Suku tahunan	5.1	5.3	5.2	5.2	5.1	5.1	5.0	5.0	3.0
Malaysia	<b>Suku tahunan</b>	<b>5.2</b>	<b>4.7</b>	<b>4.4</b>	<b>4.8</b>	<b>4.5</b>	<b>4.8</b>	<b>4.4</b>	<b>3.6</b>	<b>0.7</b>
	<b>Pelarasan musim*</b>	<b>1.1</b>	<b>1.0</b>	<b>1.2</b>	<b>1.4</b>	<b>0.9</b>	<b>1.3</b>	<b>0.8</b>	<b>0.6</b>	<b>-2.0</b>

Sumber: Laman sesawang Pejabat Statistik Negara (NSO) terpilih dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

Pelarasan musim\* = Data KDNK yang diselaras musim

Pelarasan musim\*\* = Kadar tahunan pelarasan musim

## Rencana 1:

### Pengenalan kepada kajian profil KDNK mengikut daerah 2015<sup>1</sup>

Oleh: Siti Hajar Mohamad, Wan Ahmad Ridhuan Wan Jaafar, Ainil Zafirah Abd Karim,  
Syazwani Aliah Abd Rahman dan Herzie Mohamed Nordin

#### 1.0 Pendahuluan

Ketidakeimbangan pembangunan negeri dan wilayah serta kawasan bandar dengan pedalaman adalah antara perkara utama dalam perhatian kerajaan untuk ditangani bagi mewujudkan kemakmuran bersama dalam kalangan rakyat. Antara agenda utama kerajaan adalah untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi antara negeri dan antara kawasan bandar dan luar bandar. Sehubungan itu, kerajaan melalui dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) telah mengenalpasti dan meneliti sektor-sektor yang mempunyai potensi selaku pemacu ekonomi dengan memperkenalkan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA). Sebanyak 15 sasaran KEGA yang dipilih dan diberikan penekanan berikutan wujudnya pelbagai industri baharu yang akan diketengahkan dan menjadi model utama dalam pembangunan sesebuah negeri. Selain memastikan pelaksanaan 15 KEGA yang ditetapkan dalam WKB 2030, kerajaan terus komited dalam memperkukuhkan industri sedia ada antaranya adalah mempelbagaikan aktiviti dan memperluaskan kawasan bagi sektor melibatkan komoditi, pertanian dan pembinaan agar terus berkembang merentasi wilayah dan negeri (WKB 2030, 2019). Melalui strategi ini juga, kawasan utama ekonomi yang berpotensi akan dikenalpasti bagi memudahkan perancangan pembangunan dan ekonomi kawasan tersebut.

Dalam merangka dasar dan perancangan pembangunan sesebuah kawasan, kerajaan sama ada di peringkat pusat mahupun negeri sering memerlukan data-data ekonomi bukan sahaja di peringkat negeri, bahkan kini sehingga peringkat mikro seperti daerah dan pihak berkuasa tempatan. Menurut *Bureau of Economic Analysis (BEA), U.S Department of Commerce*, statistik KDNK mengikut kawasan metropolitan merupakan salah satu cara untuk memberi gambaran mengenai pengagihan ekonomi mengikut sesuatu kawasan (Ledia Guci, 2016). Di samping itu, statistik ini juga dijangka dapat membantu penganalisis dalam menilai prestasi ekonomi tempatan dan pembuat dasar dalam pengembangan strategi dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan. Statistik di peringkat mikro merupakan keperluan utama kerana ianya merupakan nadi kepada perancangan pembangunan yang lebih khusus mengikut bidang tumpuan dan perkembangan terkini. Keperluan data-data peringkat mikro ini akan memudahkan perancangan kerajaan negeri khususnya, dalam memastikan pembangunan setara dan adil mampu dilaksanakan di daerah-daerah yang masih terkebelakang, selain memastikan potensi daerah tertentu mengikut aktiviti ekonomi yang bersesuaian dapat ditingkatkan. Penumpuan aktiviti ekonomi yang lebih bersasar mengikut daerah dapat mengoptimalkan output yang dijana, seterusnya menyokong pertumbuhan KDNK di peringkat negeri.

Menurut statistik KDNK mengikut negeri yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, enam negeri iaitu Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Sarawak, Johor, Pulau Pinang dan Sabah merupakan penyumbang utama ekonomi nasional pada tahun 2019 dengan sumbangan sebanyak 72.3 peratus. Berdasarkan sumbangan daripada negeri-negeri ini, data KDNK di peringkat Daerah dilihat dapat memberikan gambaran yang lebih terperinci bagi mengenal pasti daerah yang menyumbang kepada aktiviti ekonomi negeri. Negeri-negeri lain dengan

sumbangan yang rendah juga sudah pasti turut mempunyai keutamaan aktiviti utama ekonomi mengikut daerah yang menyumbang kepada keseluruhan pertumbuhan negeri tersebut. Justeru, kajian profil KDNK Daerah ini dijangka dapat memberikan input dan panduan yang bermanfaat dalam menentukan daerah-daerah utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

## 2.0 Objektif kajian

KDNK Daerah adalah antara indikator yang bakal menjadi rujukan utama bagi pengukuran pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di peringkat negeri dan kerajaan tempatan. Pemerkasaan ekonomi seperti yang digariskan dalam dokumen konsep perancangan RMKe-12 termasuklah bandar sebagai pemangkin pertumbuhan, pembangunan luar bandar yang mampan dan pembangunan wilayah yang bersepadu.

Secara umumnya, kajian profil KDNK mengikut daerah bertujuan untuk menghasilkan data ekonomi di peringkat mikro yang dapat membantu pembentukan polisi pembangunan yang lebih berkesan dan bersasar. Secara spesifiknya pula, objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah:

- a. Mengenal pasti daerah-daerah utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam negeri dan negara;
- b. Mengenal pasti aktiviti ekonomi daerah yang menyumbang kepada kekuatan ekonomi negeri;
- c. Mengenal pasti tahap keseimbangan ekonomi daerah-daerah di Malaysia; dan
- d. Mengenal pasti jurang pendapatan antara daerah berdasarkan struktur ekonomi.

Melalui penemuan utama yang diperoleh daripada kajian ini juga akan dapat memberikan maklumat yang terperinci dalam menentukan kemunduran atau kemajuan sesebuah daerah. Maklumat ini seterusnya dapat memberikan input kepada penggubal dasar dan perancang ekonomi dalam melaksanakan pembangunan ekonomi di setiap daerah dan memastikan tiada daerah yang akan ketinggalan dalam usaha pembangunan dan kemajuan negara.

## 3.0 Metodologi dan sumber data

KDNK merupakan salah satu cara untuk mengukur prestasi ekonomi di sesebuah negara. Ia dihitung melalui jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Jumlah tersebut merupakan nilai sebelum ditolak peruntukan bagi modal tetap, iaitu jumlah nilai ditambah pada harga pengeluar bagi pengeluar residen ditambah dengan duti import. Terdapat tiga pendekatan bagi mengukur KDNK iaitu kaedah pengeluaran, perbelanjaan dan pendapatan. Kaedah pengeluaran dilihat paling sesuai bagi penghasilan profil KDNK Daerah berikutan daripada ketersediaan data yang lebih terperinci. Bagi kaedah pengeluaran, pengiraan berikut digunakan bagi mendapatkan nilai KDNK:

- i) Perbezaan antara output kasar bagi semua pengeluar tolak input perantaraan.

$$\text{Nilai ditambah} = \text{Output} - \text{Input}$$

- ii) Jumlah nilai ditambah kasar bagi semua pengeluar yang terlibat dalam ekonomi;

$$\text{KDNK} = \sum \text{Nilai ditambah kasar}$$

Output ialah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan termasuk pengeluaran untuk pasaran, pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan pengeluaran bukan pasaran (kerajaan dan institusi swasta bukan berasaskan keuntungan yang memberi perkhidmatan kepada isi rumah). Pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak semestinya untuk dijual atau perolehan syarikat/pertubuhan. Input perantaraan pula ialah nilai barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan yang tidak termasuk gaji dan upah, susut nilai daripada modal dan faedah bersih yang dibayar. Secara keseluruhan, nilai ditambah merupakan perbezaan di antara output dan input perantaraan. Ia merupakan pertambahan nilai ditambah terhadap barangan dan perkhidmatan hasil daripada aktiviti pengeluaran.

Bagi memastikan penganggaran yang dijalankan mencapai piawaian yang disarankan, *System of National Accounts 2008* (2008 SNA) dijadikan sebagai rujukan utama dalam kajian profil KDNK Daerah. 2008 SNA merupakan kerangka kerja yang menyeluruh bagi mengukur tahap pembangunan ekonomi di samping mengintegrasikan sistem statistik di seluruh negara. Di samping itu, kertas kajian dan penyelidikan daripada *National Statistical Office* (NSO) dan agensi perancangan ekonomi yang lain juga dijadikan rujukan dan panduan bagi membantu meningkatkan kualiti kajian menerusi pemahaman konsep dan kaedah yang tepat.

### 3.2 Kaedah *bottom-up* dan *top-down*

Penganggaran KDNK di peringkat daerah dapat dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu *bottom-up* dan *top-down*. Kaedah *bottom-up* atau menaik (*ascending*) melibatkan pengiraan data di peringkat paling rendah iaitu pengeluaran yang dihasilkan oleh sesebuah pertubuhan dan menjumlahkannya untuk mendapatkan nilai keseluruhan atau agregat di peringkat daerah. Meskipun kaedah *bottom-up* merupakan kaedah yang terbaik untuk mendapatkan anggaran yang paling tepat, namun secara praktisnya kaedah ini sukar dilaksanakan dengan sempurna kerana kekangan daripada sumber data yang terhad.

Oleh itu, kaedah *top-down* atau menurun (*descending*) digunakan sebagai kaedah kedua atau kaedah tambahan untuk melaksanakan penganggaran. Kaedah *top-down* melibatkan penggunaan indikator untuk mengagihkan data agregat dari peringkat yang lebih tinggi ke peringkat yang lebih rendah. Dalam kajian profil KDNK mengikut daerah, kaedah *top-down* dilihat sebagai kaedah yang sesuai bagi menganggarkan nilai KDNK bagi sebahagian aktiviti ekonomi di mana data KDNK di peringkat negeri (*top*) diagihkan ke daerah (*down*) menggunakan indikator-indikator yang terdapat di peringkat daerah. Kaedah ini juga turut diaplikasikan oleh BEA untuk menganggarkan nilai KDNK di kawasan metropolitan USA di mana statistik kaedah pendapatan digunakan untuk mengagihkan nilai KDNK di peringkat negeri (*top*) ke peringkat metropolitan (*down*) (Ledia Guci, 2016).

### 3.3 Sumber data

Sumber data utama bagi kajian profil KDNK Daerah adalah berasaskan Banci Ekonomi 2016 (BE 2016) bagi tahun rujukan 2015 yang dilaksanakan setiap lima tahun dan melibatkan bancian menyeluruh kepada semua jenis aktiviti ekonomi mengikut pertubuhan berdaftar di Malaysia. Ia mengandungi maklumat komprehensif meliputi pelbagai aspek antaranya termasuklah profil syarikat, jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan, jenis aktiviti ekonomi, gaji & upah, bilangan pekerja dan jumlah aset. Ketersediaan maklumat yang komprehensif ini juga dapat membantu kajian memperoleh statistik terbitan (*derived statistics*) yang lain antaranya seperti nilai ditambah,

produktiviti dan purata gaji. Selain itu, maklumat daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah & Kemudahan Asas 2016 dan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 (HIES) serta data sekunder yang diperoleh daripada pelbagai agensi juga turut digunakan dalam kajian ini. Antara agensi yang terlibat adalah berkaitan dengan aktiviti pertanian, pengangkutan, utiliti serta akaun kerajaan tempatan. Menurut rujukan daripada *Regional GDP Concepts, Sources and Method*, New Zealand turut menggunakan maklumat survei liputan penuh *local kind of activity (KAU)* untuk menganggarkan statistik yang lebih mikro. Kaedah pengumpulan data ini turut disokong dalam tatacara *Regional Accounts Method* yang dikeluarkan oleh Eurostat yang menyarankan pengumpulan data di peringkat *local KAUs of a producer unit* dijalankan.

### 3.4 Penyesuaian kaedah penyusunan

Bagi beberapa sektor tertentu, maklumat daripada BE 2016 masih tidak memadai untuk melaksanakan penganggaran KDNK mengikut daerah. Justeru, indikator-indikator lain perlu digunakan untuk memperoleh anggaran yang lebih baik. Berikut adalah antara sektor-sektor dan indikator yang digunakan untuk mendapatkan anggaran bagi KDNK Daerah.

**Pertanian:** Antara indikator yang boleh digunakan untuk mengukur prestasi tanaman di peringkat daerah adalah nilai pengeluaran, jumlah pengeluaran dan luas tanaman mengikut jenis spesis. Terdapat pelbagai spesis di dalam kumpulan tanaman yang masing-masing merekodkan nilai harga yang berbeza mengikut negeri. Justeru, pengumpulan data tambahan yang efisien dan simpanan data yang sistematik dapat mengukur prestasi sektor ini dengan lebih baik. Bagi ternakan pula, anggaran untuk daerah boleh diperolehi berdasarkan populasi ternakan manakala aktiviti perikanan pula menerusi jumlah pendaratan ikan laut, keluasan aktiviti akuakultur dan nilai pengeluaran.

Kaedah yang digunapakai ini adalah merujuk beberapa kajian yang dijalankan oleh negara lain antaranya kajian daripada *Directorates of Economics and Statistics, India*. Menerusi kajian tersebut, penganggaran di peringkat daerah dilaksanakan melalui pendekatan kaedah pengeluaran. Namun begitu, data pengeluaran dan harga di peringkat daerah secara amnya tidak tersedia secara konsisten mengikut tanaman. Oleh itu, anggaran tanaman tersebut disusun antaranya mengikut jumlah pengeluaran dan kawasan bertanam.

Sementara itu, antara indikator yang disusun oleh *Australian Bureau of Statistics (ABS)* bagi penganggaran sektor ini adalah jumlah pengeluaran tanaman, harga ladang dan penyembelihan ternakan.

**Pembinaan:** Bagi menyesuaikan anggaran dalam sektor Pembinaan, maklumat yang diperolehi daripada Survei Binaan Suku Tahunan (BST) digunakan sebagai rujukan bagi penentuan lokasi sebenar projek yang dilaksanakan mengikut daerah.

**Pemilikan tempat kediaman yang didiami pemilik:** Bilangan kediaman yang didiami pemilik diperoleh dengan menggunakan maklumat populasi penduduk, bilangan tempat kediaman, peratusan rumah yang didiami dan purata sewa dinilai berdasarkan dapatan Banci Penduduk & Perumahan 2010 dan HIES 2016. Merujuk kepada SGS Economic & Planning, penganggaran aktiviti ini disusun melalui maklumat daripada purata sewa bagi ibu kota dan negeri menerusi penerbitan *Housing Occupancy and Costs, Australia* dan data populasi penduduk.

**Duti Import:** Penyusunan data ini adalah berdasarkan profil sektor Pembuatan dan perdagangan borong dan runcit. Kedua-dua industri ini merupakan sektor yang dilihat mempunyai sumbangan komponen import bagi input perantaraan yang signifikan.

**Utiliti, pengangkutan dan komunikasi:** Kaedah pengagihan juga perlu diperhalusi bagi beberapa subsektor seperti utiliti, pengangkutan dan komunikasi. Bagi menggambarkan prestasi aktiviti ini mengikut daerah, jumlah *unit sent out* mengikut stesen jana kuasa yang dikeluarkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan *Independent Power Producer (IPP)* digunakan untuk penganggaran. Pengagihan ini merujuk kepada kaedah yang digunapakai oleh *Eurostats* berdasarkan stesen jana kuasa, taman kincir angin dan pengumpul suria.

Antara sumber tambahan yang digunakan bagi aktiviti pengangkutan adalah jumlah kargo yang dikendalikan mengikut lapangan terbang, jumlah penumpang domestik dan antarabangsa yang dikendalikan mengikut lapangan terbang, jumlah aliran trafik mengikut tol dan panjang landasan. Manakala bagi subsektor komunikasi pula, antara maklumat yang terlibat adalah langganan internet di rumah, pemilikan telefon bimbit dan siaran televisyen berbayar. Pengagihan bagi kedua-dua aktiviti ini adalah merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh *Eurostats*. Pada masa yang sama, merujuk kepada kaedah yang digunapakai oleh ABS, penganggaran subsektor pengangkutan dan penyimpanan adalah berdasarkan indikator aliran penumpang domestik dan antarabangsa mengikut lapangan terbang yang diperolehi daripada *Department of Transport and Regional Services*.

## 4.0 Isu dan cabaran

Beberapa isu dan cabaran telah dikenal pasti berdasarkan kajian yang telah dijalankan iaitu:

### 4.1 Kaedah pelaporan data

Sumber utama kajian ini menggunakan maklumat BE 2016 yang komprehensif dan meliputi data sehingga di blok perhitungan setiap negeri. Namun begitu, maklumat tersebut perlu dibuat semakan dan pelarasan semula berdasarkan lokasi pengeluaran terutama bagi kes yang menggunakan alamat surat menyurat.

### 4.2 Liputan sumber data di peringkat mikro

Penganggaran bagi dua sektor utama iaitu sektor Perkhidmatan dan Pembuatan adalah menggunakan maklumat dari Survei Perkhidmatan Suku Tahunan dan Survei Pembuatan Bulanan yang mana kaedah pemilihan sampel yang dibuat adalah berdasarkan kebarangkalian di peringkat nasional dan negeri.

Selain itu, liputan data daripada BE 2016 sektor Pertanian hanyalah meliputi pertubuhan yang berdaftar sahaja tanpa maklumat pengusaha kecil. Justeru, maklumat sekunder diperlukan untuk melengkapkan penganggaran KDNK dan melihat landskap kegiatan ekonomi di sesuatu kawasan.

### 4.3 Ketersediaan pendeflasi

Ketersediaan maklumat deflator di peringkat mikro perlu diberi perhatian sebagai persediaan untuk mendapatkan anggaran pada harga malar/semasa terutamanya bagi Indeks Harga Pengguna, Indeks Harga Pengeluar dan Indeks Perkhidmatan.

## 5.0 Jangkaan terhadap hasil kajian

Penyediaan anggaran KDNK Daerah adalah inisiatif yang berupaya merapatkan jurang ketersediaan data makroekonomi yang amat diperlukan untuk tujuan perancangan dan pengukuran dasar pembangunan negara. Menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke Sebelas bagi tempoh 2018-2020, usaha akan dipergiat untuk menangani ketidakseimbangan pembangunan dalam kalangan enam wilayah iaitu Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak. Ia bertujuan menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini, kerajaan telah memberi penekanan agar aktiviti ekonomi perlu ditingkatkan di kawasan kurang membangun dalam negeri dan wilayah serta mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. Pasti usaha ini memerlukan pengukuran prestasi semasa di peringkat terperinci melibatkan indikator sosioekonomi yang sesuai.

Selanjutnya, penumpuan untuk merapatkan jurang pembangunan terus dititik beratkan dan menjadi teras dalam dokumen WKB 2030. Dalam analisis situasi, WKB 2030 telah mengenalpasti tiga jurang utama yang perlu diatasi untuk membolehkan matlamat kemakmuran bersama tercapai iaitu Jurang Pembangunan Antara Wilayah, Jurang Antara Kumpulan Pendapatan dan Jurang Antara Etnik. Pada ketika ini jurang antara wilayah dapat diukur menerusi indikator KDNK dan KDNK per kapita peringkat negeri. Dengan pembangunan KDNK di peringkat daerah, indikator KDNK dapat diukur dengan lebih tuntas dan memberi perspektif yang lebih terperinci bagi 160 daerah pentadbiran di Malaysia pada ketika ini.

Bagi menangani isu ketidakseimbangan pembangunan antara negeri dan wilayah, pihak kerajaan atau penggubal dasar perlu mengetahui **struktur ekonomi dan ciri-ciri demografi** di sesebuah kawasan. Sehubungan itu, hasil kajian profil KDNK di peringkat daerah ini dijangka dapat memainkan peranan penting bagi membantu kerajaan mencapai sasaran dalam **memastikan keseimbangan pembangunan** ekonomi antara negeri atau wilayah.

Daerah-daerah di Malaysia dikategorikan mengikut **tiga kumpulan** yang merujuk kepada klasifikasi yang digunapakai oleh BEA (Ledia Guci, 2016). Tiga kategori tersebut adalah **large district, medium district** dan **small district**. Penentuan yang dibuat mengikut saiz populasi sesebuah daerah ini membolehkan perbandingan yang lebih saksama dilakukan antara sebuah daerah dengan daerah yang lain.

Kajian ini juga dijangka akan dapat mengenalpasti taburan KDNK mengikut daerah menerusi nilai purata dan nilai median. Keseimbangan ekonomi dapat dilihat sekiranya taburan KDNK Daerah secara keseluruhan mempamerkan taburan yang normal atau menghampiri normal. Sebaliknya, jika taburan KDNK Daerah menunjukkan kepencongan yang jelas, maka kajian lanjut yang lebih mendalam perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti faktor pendorong kepada perkara tersebut. Secara umumnya, **saiz kependudukan akan mendorong kepada bekalan tenaga buruh** dan seterusnya mempengaruhi **tahap nilai ekonomi** di peringkat daerah.

Berdasarkan bilangan populasi mengikut tiga kategori tersebut, 18 daerah yang merangkumi 12.9 peratus daripada keseluruhan daerah di Malaysia adalah dikategorikan di bawah *large district*. Sebanyak 66 daerah (47.1%) adalah *medium district* manakala 56 daerah (40.0%) adalah *small district*. Walau bagaimanapun, sumbangan dari segi nilai KDNK bagi tiga kumpulan tersebut dijangka akan berbeza terutamanya bagi sumbangan *large district*. Jumlah populasi yang tinggi akan mendorong kepada peningkatan kegiatan ekonomi dan bilangan pertubuhan yang menjana ekonomi sesebuah daerah. Justeru, kajian ini juga akan meneliti nilai KDNK maksimum dan minimum bagi daerah di setiap kategori tersebut. Melalui kajian ini juga, kebergantungan **kepada sektor Pertanian** dijangka lebih tinggi bagi daerah-daerah dalam kategori **medium dan small district** difaktorkan melalui kedudukan geografi daerah-daerah tersebut. Ini mencerminkan bahawa daerah-daerah yang kecil lebih tertumpu kepada sektor Pertanian berbanding **sektor Pembuatan yang lebih signifikan di daerah-daerah yang mempunyai jumlah populasi yang lebih tinggi**.

Penumpuan sesebuah daerah kepada sektor tertentu juga dapat memberi gambaran kepada kemajuan sesebuah daerah dan kadar pendapatan isi rumah bagi daerah tersebut. Dapatan daripada HIES 2016 menunjukkan bahawa Sepang, Petaling, Gombak dan Hulu Langat merupakan daerah merekodkan pendapatan penengah dan purata yang tertinggi berbanding daerah-daerah lain. Kadar pendapatan yang diperoleh ini berkait dengan industri yang diceburi oleh penduduk di daerah tersebut. Sekiranya sesebuah daerah lebih tertumpu kepada sektor Perkhidmatan, pendapatan yang diperoleh adalah lebih tinggi berbanding sektor Pertanian yang secara umumnya menawarkan gaji & upah yang lebih rendah. Berdasarkan statistik gaji & upah 2018, purata gaji pekerja dalam sektor Perkhidmatan adalah RM3,253 manakala sektor Pembuatan (RM2,565) berbanding pekerja dalam sektor Pertanian (RM1,865).

Berdasarkan jumlah populasi, dominasi daerah Petaling dapat dilihat apabila daerah tersebut merekodkan sumbangan **11.6 peratus kepada jumlah keseluruhan populasi** Malaysia serta keluasan yang merangkumi 486.99 kilometer persegi. Daerah kedua yang mencatatkan jumlah populasi tertinggi adalah Johor Bahru (sumbangan 5.5%) dan Klang (5.1%). Dari segi bilangan pertubuhan hasil dapatan BE 2016 pula, daerah Petaling juga dilihat mendominasi dengan sumbangan sebanyak **16.5 peratus kepada jumlah keseluruhan bilangan pertubuhan** di Malaysia diikuti Johor Bahru (8.5%) dan Kinta (6.8%). Berdasarkan statistik tersebut, kajian ini akan dapat mengenalpasti **jurang antara nilai KDNK setiap daerah** dan seterusnya dapat memandu perancangan dan pelaksanaan strategi pembangunan untuk mengurangkan jurang ekonomi antara daerah. Selain itu, kajian ini juga akan dapat memperihalkan **daerah yang merekodkan nilai KDNK melebihi KDNK negeri** tertentu yang menggambarkan **kepentingan dan tahap kebergantungan** yang tinggi terhadap daerah tersebut.

Hasil kajian juga membolehkan kedudukan daerah **mengikut nilai KDNK tertinggi sehingga yang terendah** diketahui. Maklumat terhadap kedudukan setiap daerah dari sudut nilai KDNK membolehkan daerah-daerah yang menjadi **pemangkin kepada ekonomi negeri** dan seterusnya **penyumbang utama kepada KDNK di peringkat nasional** dikenalpasti. Bagi menentukan tahap ekonomi di peringkat negeri, kajian juga akan dapat memastikan samada **20 daerah yang teratas mempunyai perwakilan daripada setiap negeri**. Sebaliknya, **negeri yang diwakili oleh daerah yang mencatatkan antara nilai KDNK terendah** juga dapat diberi perhatian.

Sementara itu, kewujudan **aktiviti ekonomi yang signifikan** di daerah-daerah tertentu turut dapat diketahui melalui kajian ini. Daerah-daerah ini sudah semestinya memiliki kepentingan kepada ekonomi negara justeru aktiviti-aktiviti ekonomi di daerah tersebut perlu dipelihara dan diperkasakan. Sebagai contoh, pembangunan **Bintulu sebagai hab gas asli cecair** (LNG) negara diyakini mampu memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar utama bahan api tersebut di peringkat global. Justeru, melalui kajian profil KDNK mengikut daerah, sumbangan pengeluaran produk petroleum bertapis oleh daerah Bintulu kepada peringkat nasional dapat dikenalpasti. Sumbangan dan peranan daerah lain juga dapat ditonjolkan misalnya daerah yang menjadikan negeri Terengganu terkenal sebagai pengeluar utama industri kimia dan produk kimia serta daerah yang mengangkat negeri Pulau Pinang sebagai peneraju produk elektrik, elektronik dan optikal. Selain itu, kajian ini juga dapat mengkaji daerah manakah yang menjadi pemangkin kepada industri pertanian utama negara seperti pengeluaran kelapa sawit dan sayur-sayuran. Penumpuan juga turut diberikan kepada daerah-daerah yang kurang maju supaya ia dapat dibangunkan berdasarkan kekuatan ekonomi di daerah tersebut. Selain itu, **struktur mengikut aktiviti ekonomi** yang terdapat di setiap daerah juga dapat digunakan dalam mengenalpasti kekuatan atau kebergantungan sesebuah daerah kepada aktiviti ekonomi tertentu.

Walau bagaimanapun, keseimbangan dari segi nilai KDNK mengikut daerah adalah sukar diperoleh berikutan daripada saiz ekonomi dan pengeluaran yang berbeza. Sehubungan itu, nilai KDNK per kapita merupakan instrumen yang kebiasaannya digunakan dalam **perbandingan keseimbangan atau kesejahteraan ekonomi**. Melalui kajian profil KDNK mengikut daerah, nilai sebenar KDNK per kapita juga akan dapat diperolehi.

## 6.0 Perancangan masa hadapan

Kajian profil KDNK mengikut daerah bagi tahun rujukan 2015 ini merupakan percubaan kali pertama berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada BE 2016. Pemerhatian dan pengetahuan umum di peringkat mikro merupakan aspek penting dalam usaha menambah baik penyusunan struktur ekonomi daerah agar lebih *reliable* dan *accountable* bagi mencapai matlamat kerajaan dalam WKB 2030. Matlamat ini juga adalah selaras dengan Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) pada tahun 2030 yang diperkenalkan oleh *United Nations*.

Kajian profil KDNK mengikut daerah juga dijangka dapat menjana penghasilan statistik seperti penganggaran KDNK di peringkat wilayah koridor ekonomi serta data yang lebih terperinci di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan seterusnya ke peringkat bandar. Pada masa ini, telah wujud permintaan untuk menghasilkan statistik KDNK sehingga ke peringkat koridor dan Majlis Perbandaran. Pemantauan di peringkat koridor menjadi lebih rumit apabila terdapat kawasan Wilayah koridor ekonomi yang merentasi sempadan negeri seperti *East Coast Economic Region* (ECER) yang turut meliputi daerah Mersing di Johor. Selain itu, liputan lima daerah untuk mewakili Iskandar Malaysia iaitu Johor Bahru, Kulai Jaya, Pontian, Kluang dan Kota Tinggi meyakinkan lagi keperluan untuk penyusunan data di peringkat daerah dilaksanakan. Beberapa PBT telah mula peka dengan perkembangan di kawasan masing-masing untuk memantau kemajuan projek yang dijalankan dan impak pelaksanaan kepada pertumbuhan ekonomi. Menyedari keperluan statistik sehingga ke peringkat mikro, kajian ini boleh dijadikan faktor pemangkin kepada literasi statistik di kalangan rakyat, seiring dengan hasrat Jabatan Perangkaan Malaysia dalam merakyatkan statistik. Melalui statistik ini juga, perancangan dan pemantauan

polisi dapat dijana dengan menggunakan indikator yang dihasilkan bagi mengukur kemajuan pembangunan sosioekonomi sesebuah daerah, negeri dan juga negara.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat merealisasikan hasrat kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada rakyat bertepatan dengan prinsip SDG 2030 “*Leave No One Behind*” iaitu pendekatan pembangunan yang lebih inklusif, mampan dan bermakna. Ini dapat dilihat melalui jurang pendapatan antara daerah yang dijangka dapat ditangani sekaligus mewujudkan kesamarataan dengan mengambil kira perbezaan etnik, kependudukan sosial serta pelbagai daerah di Malaysia.

Penyusunan KDNK peringkat daerah dapat membuka ruang dan peluang kepada inisiatif data terbuka dan perkongsian data sehingga ke peringkat terkecil. Penyusunan KDNK adalah penyusunan statistik yang komprehensif, memerlukan kerangka kerja yang memenuhi piawaian antarabangsa seperti 2008 SNA serta memerlukan data terperinci dan berkualiti di peringkat daerah. Dalam hubungan ini DOSM bersama kementerian, agensi, jabatan, kerajaan negeri, PBT dan Pembangunan Wilayah perlu merancang maklumat yang bersesuaian dan mempertingkatkan kualiti data sedia ada dengan liputan di peringkat daerah bagi memastikan penyusunan KDNK Daerah menepati piawaian yang ditetapkan.

Bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan pada frekuensi tahunan/dwi tahunan, sumber data yang *reliable* adalah sangat diperlukan dan kaedah yang komprehensif perlu dirangka bagi merealisasikan penganggaran tersebut. Ini bagi mencerminkan kesediaan Jabatan untuk menjana statistik di peringkat yang lebih mikro.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) menyediakan statistik penanda aras untuk membekalkan input berupa indikator sosioekonomi terpenting di peringkat terkecil seperti daerah dan mukim. Salah satu indikator terpenting untuk mengukur keseimbangan ekonomi daerah ialah analisis KDNK per kapita mengikut daerah yang memerlukan data bilangan penduduk yang tepat. Banci 2020 merupakan penyusunan statistik berskala mega yang melibatkan pengumpulan dan penyusunan data penduduk dan perumahan di peringkat paling kecil iaitu tempat kediaman penduduk Malaysia. Banci 2020 mengumpulkan data komprehensif antaranya demografi penduduk, perumahan, aktiviti ekonomi, pekerjaan, pendidikan, kesihatan dan sosial. Ketepatan data yang diperoleh daripada Banci 2020 akan memberikan input yang signifikan kepada penyusunan KDNK Daerah. Justeru amat penting semua pihak di setiap peringkat dapat menjayakan Banci 2020 bagi menjamin kualiti maklumat yang akan digunakan dalam penyusunan KDNK Daerah. Hasil penemuan kajian yang bakal diperoleh akan memastikan pelan pembangunan sosioekonomi daerah dirancang dengan lebih jelas dan seimbang untuk mengoptimumkan potensi negara dan seterusnya mendorong Malaysia menjadi negara maju yang mampan dan terangkum di masa akan datang.


## Rujukan

- Australian Bureau Statistics (2012). *Australian System of National Accounts, Concepts, Sources and Methods (Third Edition)*.
- DOSM (2019). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Hakimi, M. H. (2014). Peranan Kerajaan dan Jumlah Populasi Terhadap Pertumbuhan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). *PROSIDING PERKEM ke-9 (2014)* 506 - 514. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2019). *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Putrajaya: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.
- Ledia Guci, C. I. (2016). *A Research Agenda for Measuring GDP at the County Level*. United States: Bureau of Economic Analysis.
- Office for Official European Communities (1995). *Regional Accounts Method : Gross Value Added and Gross Fixed Capital Formation by Activity*. Luxembourg: Office for Official Publications of the European Communities. Office for Official European Communities.
- Office of the European Communities (2013). *Manual on Regional Accounts Methods Eurostats*. Luxembourg: Publications Office of the European Union. Office of the European Communities.
- Pradesh, K. A. (t.t). *Methodology for preparation of estimates of District Domestic Product*. India: Directorates of Economics and Statistics.
- SGS Economic & Planning (2019). *Economic Performance Australia's Cities and Regions*. Australia: SGS Economic & Planning.
- Statistics New Zealand (2007). *Regional GDP Concepts, Sources and Methods*. New Zealand: Statistics New Zealand.


# PRESTASI 15 NEGERI PADA TAHUN 2019



## PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN KDNK PADA HARGA MALAR 2015 (%)



## NEGERI PENYUMBANG UTAMA MENGIKUT AKTIVITI EKONOMI - PERTUMBUHAN (%)



*“Enam negeri telah menyumbang 72.3 peratus kepada KDNK Malaysia”*

# PRESTASI EKONOMI NEGERI 2019


Pada tahun 2019, sebanyak 72.3 peratus daripada nilai KDNK Malaysia adalah disumbangkan oleh enam negeri utama. Selangor kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi Malaysia dengan sumbangan 24.2 peratus, diikuti W.P. Kuala Lumpur (16.4%), Sarawak (9.6%), Johor (9.4%), Pulau Pinang (6.7%) dan Sabah (6.0%).

## Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri

Pertumbuhan ekonomi negara dicorakkan oleh prestasi ekonomi di peringkat negeri. Kepelbagaian dalam penumpuan produk pengeluaran antara negeri memberikan impak yang berbeza terhadap prestasi keseluruhan KDNK. Secara umumnya, tujuh negeri merekodkan pertumbuhan yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya, iaitu Kelantan

5.3 peratus (2018: 2.6%), Negeri Sembilan 5.1 peratus (2018: 4.2%), Kedah 4.6 peratus (2018: 4.0%), Perlis 4.6 peratus (2018: 3.3%), Pahang 3.7 peratus (2018: 3.0%), Terengganu 3.3 peratus (2018: 2.5%) dan Sarawak 2.5 peratus (2018: 2.2%). Pemulihan prestasi sektor Pertanian kesan daripada aktiviti kelapa sawit, getah dan tanaman sayuran serta pertumbuhan lebih baik subsektor utiliti dalam sektor Perkhidmatan telah memberi kelebihan kepada momentum pertumbuhan di beberapa negeri yang berkaitan. Selain itu, peningkatan nilai kerja pembinaan di Kelantan dan Terengganu turut membantu dalam pertumbuhan yang lebih baik bagi tahun 2019 manakala pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi telah mendorong kepada pertumbuhan sektor Perlombongan dan pengkuarian di Sarawak.

**Paparan 1.1** Pertumbuhan ekonomi dan sumbangan peratusan mengikut negeri, 2019



\*Termasuk W.P. Putrajaya

\*\*Penjumlahan tidak bersamaan 100 disebabkan oleh negeri Supra

Sebaliknya, senario permintaan luaran yang lebih rendah telah menjejaskan aktiviti dan produk berorientasikan eksport dan pelaburan di Malaysia. Justeru, lapan negeri lain telah merekodkan pertumbuhan lebih perlahan berbanding tahun 2018 dengan jumlah sumbangan sebanyak 71.7 peratus kepada KDNK nasional.








Tujuh negeri mencatatkan pertumbuhan melebihi paras nasional (4.3%) iaitu Selangor (6.7%), W.P. Kuala Lumpur (6.0%), Kelantan (5.3%), W.P. Labuan (5.2%) Negeri Sembilan (5.1%), Kedah (4.6%) dan Perlis (4.6%).

**Johor** bertumbuh sederhana pada kadar 2.7 peratus (2018: 5.6%) dipengaruhi oleh momentum sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Sektor Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan 6.4 peratus (2018: 7.3%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, utiliti, komunikasi dan pengangkutan. Sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 4.6 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun

2018 disumbangkan oleh pertumbuhan lebih rendah subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal serta bahan kimia dan produk kimia. Pertumbuhan sektor Pembinaan pula jatuh dua angka kepada negatif 27.7 peratus berbanding prestasi mampan 9.6 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh kejatuhan dalam nilai kerja pembinaan bagi segmen kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

**Kedah** berkembang pada paras 4.6 peratus berbanding 4.0 peratus pada tahun 2018. Sektor Perkhidmatan bertumbuh 4.9 peratus (2018: 5.4%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan perkhidmatan kerajaan. Pertumbuhan yang lebih baik kepada 4.7 peratus (2018: 3.0%) bagi sektor Pembuatan diterajui oleh peningkatan dalam subsektor produk elektrik, elektronik & optikal, aktiviti pembuatan produk mineral bukan logam, produk plastik serta bahan kimia, produk kimia dan produk farmaseutikal. Di samping itu, sektor Pertanian turut meningkat kepada 3.6 peratus (2018: 0.1%) didorong oleh aktiviti getah dan perikanan.

**Jadual 1.4** Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2019

	 Pertanian	 Perombongan & pengkuarian	 Pembuatan	 Pembinaan	 Perkhidmatan	 Duti Import	 KDNK
<b>Malaysia</b>	2.0	-2.0	3.8	0.1	6.1	-1.2	4.3
Johor	1.1	2.0	4.6	-27.7	6.4	-3.4	2.7
Kedah	3.6	4.8	4.7	8.0	4.9	-20.1	4.6
Kelantan	6.5	1.3	1.5	18.1	5.0	14.8	5.3
Melaka	-2.7	0.7	2.5	-9.2	5.9	-66.1	2.8
Negeri Sembilan	7.0	0.3	2.5	-3.9	8.6	18.9	5.1
Pahang	3.5	4.2	4.7	-28.2	6.2	-53.2	3.7
Pulau Pinang	4.9	3.4	2.7	0.7	5.5	-33.1	3.8
Perak	2.9	5.0	3.5	6.4	4.5	-70.5	4.0
Perlis	5.9	4.9	1.0	13.2	5.0	-26.5	4.6
Selangor	4.1	5.0	5.3	10.5	7.0	10.2	6.7
Terengganu	6.0	3.2	0.3	0.4	5.6	-74.9	3.3
Sabah	-0.8	-6.0	-0.6	6.1	5.3	-42.0	0.5
Sarawak	-0.2	-0.3	2.9	1.4	5.4	-33.3	2.5
W.P. Kuala Lumpur*	..	5.2	4.3	5.5	6.0	9.8	6.0
W.P. Labuan	6.1	..	1.4	13.5	7.5	-73.3	5.2

\*Termasuk W.P. Putrajaya  
.. Tidak berkenaan

**Kelantan** mencatatkan pertumbuhan lebih baik iaitu 5.3 peratus berbanding 2.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan berkembang kepada 5.0 peratus (2018: 5.1%) disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan perkhidmatan kerajaan. Pemulihan dalam sektor Pertanian kepada 6.5 peratus berbanding negatif 0.8 peratus pada tahun 2018 dipacu oleh peningkatan dua angka dalam pengeluaran buah tandan segar dan getah. Selain itu, sektor Pembuatan meningkat 1.5 peratus (2018: 0.3%) dirangsang oleh prestasi produk elektrik, elektronik dan optikal, produk getah serta subsektor minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan.

Ekonomi **Melaka** bertumbuh perlahan pada kadar 2.8 peratus (2018: 3.9%) disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian. Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus berbanding 6.2 peratus pada tahun sebelumnya. Antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ini adalah subsektor perdagangan borong & runcit, utiliti dan komunikasi. Sektor Pembuatan meningkat pada kadar 2.5 peratus (2018: 4.6%) dipengaruhi oleh subsektor produk petroleum, bahan kimia, getah & plastik serta kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan. Selain itu, sektor Pertanian merekodkan penyusutan kepada negatif 2.7 peratus (2018: -1.2%) dipengaruhi oleh subsektor tanaman sayuran.



**Sektor Pembuatan di Melaka** meningkat dipengaruhi oleh subsektor produk petroleum, bahan kimia, getah & plastik serta kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan

Peningkatan pertumbuhan dicatatkan oleh **Negeri Sembilan** pada 5.1 peratus (2018: 4.2%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang kepada 8.6 peratus (2018: 5.8%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan utiliti. Sektor Pembuatan bertumbuh 2.5 peratus (2018: 3.3%) disumbangkan oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal dan produk petroleum bertapis. Sementara itu, sektor Pertanian turut mencatatkan pertumbuhan lebih baik sebanyak 7.0 peratus (2018: 0.1%) berikutan peningkatan dalam pengeluaran kelapa sawit dan getah. Namun begitu, sektor Pembinaan menyusut kepada paras negatif 3.9 peratus berbanding pertumbuhan kukuh 11.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Ekonomi **Pahang** berkembang kepada 3.7 peratus berbanding 3.0 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Pertanian bertumbuh lebih baik pada 3.5 peratus (2018: 1.3%) dipacu oleh subsektor kelapa sawit yang merekodkan pertumbuhan memberangsangkan 9.9 peratus (2018: -5.2%). Sektor Perkhidmatan meningkat 6.2 peratus (2018: 6.5%) disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, perkhidmatan lain dan perkhidmatan kerajaan manakala sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan 4.7 peratus (2018: 5.8%) didorong oleh subsektor bahan kimia & produk kimia dan kenderaan bermotor.

**Pulau Pinang** merekodkan pertumbuhan sederhana pada kadar 3.8 peratus pada tahun 2019 berbanding 5.1 peratus tahun 2018. Ia dipengaruhi oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang sederhana kepada 5.5 peratus (2018: 6.2%). Subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor ini. Selain itu, subsektor produk elektrik, elektronik & optikal dan produk mineral bukan logam yang bertumbuh lebih rendah pada tahun 2019 mempengaruhi prestasi Sektor Pembuatan dengan bertumbuh sebanyak 2.7 peratus (2018: 5.4%).



**Sektor Perkhidmatan di Perak**  
bertumbuh **4.5%**  
disumbangkan oleh **aktiviti**  
**perdagangan borong & runcit dan**  
**utiliti**

**Perak** mencatatkan prestasi ekonomi yang sederhana dengan peningkatan 4.0 peratus berbanding 5.3 peratus pada tahun 2018. Sektor Perkhidmatan yang disumbangkan oleh aktiviti perdagangan borong & runcit dan utiliti bertumbuh 4.5 peratus (2018: 6.6%) sementara sektor Pembuatan meningkat lebih perlahan kepada 3.5 peratus (2018: 4.2%) disumbangkan oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal dan bahan kimia & produk kimia. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian merekodkan pertumbuhan lebih baik kepada 2.9 peratus (2018: 0.5%) didorong oleh peningkatan dalam subsektor tanaman sayuran dan ternakan.

KDNK **Perlis** meningkat kepada 4.6 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun 2018. Sektor Perkhidmatan meningkat 5.0 peratus (2018: 4.2%) dipacu oleh subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit dan perkhidmatan kerajaan. Sektor Pertanian bertumbuh lebih baik kepada 5.9 peratus (2018: 0.9%) didorong oleh peningkatan bagi pendaratan ikan laut. Sementara itu, sektor Pembinaan merekodkan pertumbuhan 13.2 peratus (2018: 21.5%) disokong oleh segmen pembinaan pertukangan khas manakala pertumbuhan perlahan bagi sektor Pembuatan yang bertumbuh pada kadar 1.0 peratus berbanding 1.5 peratus pada tahun 2018 dipengaruhi oleh subsektor proses makanan dan produk mineral bukan logam.

Prestasi ekonomi **Selangor** kekal mapan dengan pertumbuhan 6.7 peratus (2018: 6.8%). Sektor Perkhidmatan meningkat kepada 7.0 peratus (2018: 7.6%) disumbangkan oleh aktiviti perdagangan borong & runcit serta maklumat dan komunikasi yang meningkat sederhana berbanding tahun 2018. Namun begitu, pertumbuhan yang lebih baik dalam subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan telah mengimbangi impak prestasi lebih rendah keseluruhan sektor ini. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan meningkat 5.3 peratus (2018: 7.3%) didorong oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal dan bahan kimia & produk kimia. Selain itu, pertumbuhan dua angka bagi sektor Pembinaan kepada 10.5 peratus (2018: 6.0%) yang dipacu oleh peningkatan segmen kejuruteraan awam dan bangunan bukan kediaman turut mendorong pertumbuhan keseluruhan ekonomi Selangor.

Pertumbuhan lebih baik yang direkodkan oleh **Terengganu** kepada 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun 2018 adalah didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Sektor Perkhidmatan berkembang kepada 5.6 peratus (2018: 3.6%) dipacu oleh lonjakan prestasi utiliti dan subsektor perdagangan borong & runcit. Sektor Pertanian merekodkan pemulihan kepada 6.0 peratus (2018: -2.5%) disokong oleh pertumbuhan dua angka dalam pengeluaran buah tandan segar dan peningkatan perikanan marin. Sementara itu, sektor Pembuatan bertumbuh secara marginal kepada 0.3 peratus berbanding 3.7 peratus pada tahun 2018 yang dipengaruhi oleh subsektor produk petroleum bertapis dan subsektor bahan kimia & produk kimia.

**Sabah** merekodkan pertumbuhan marginal 0.5 peratus berbanding 1.5 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perlombongan & pengkuarian, Pertanian dan Pembuatan masing-masing menyusut kepada negatif 6.0 peratus (2018: -5.7%), negatif 0.8 peratus (2018: -0.3%) dan negatif 0.6 peratus

(2018: 2.4%), Pertumbuhan negatif yang dicatatkan dalam ketiga-tiga sektor tersebut adalah dipengaruhi oleh penurunan dalam pengeluaran minyak mentah dan penyusutan pengeluaran komoditi kelapa sawit serta pembalakan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan positif bagi sektor Perkhidmatan dan Pembinaan telah mengimbangi momentum keseluruhan ekonomi Sabah pada tahun 2019.



**Sektor Pembuatan di Sarawak** bertumbuh **2.9%** dipacu oleh prestasi subsektor **produk petroleum bertapis**

**Sarawak** meningkat 2.5 peratus berbanding 2.2 peratus yang dicatatkan pada tahun 2018. Sektor Perkhidmatan bertumbuh 5.4 peratus (2018: 6.3%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit serta perkhidmatan kerajaan manakala peningkatan bagi sektor Pembuatan sebanyak 2.9 peratus (2018: 2.2%) dipacu oleh prestasi subsektor produk petroleum bertapis. Sementara itu, sektor Perlombongan dan pengkuarian kekal bertumbuh pada paras negatif meskipun pada kadar yang lebih perlahan iaitu negatif 0.3 peratus (2018: -1.7%) berikutan pemulihan dalam pengeluaran minyak mentah. Sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan negatif 0.2 peratus dipengaruhi oleh penguncupan berterusan oleh subsektor perhutanan & pembalakan serta perikanan.


**W.P. Kuala Lumpur** merekodkan pertumbuhan 6.0 peratus (2018: 6.8%) didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini meningkat kepada 6.0 peratus (2018: 7.3%) disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan perkhidmatan perniagaan. Selain itu, sektor Pembinaan bertumbuh 5.5 peratus (2018: 6.4%) dipengaruhi oleh nilai kerja pembinaan yang lebih rendah bagi segmen bangunan kediaman dan pembinaan pertukangan khas.

**W.P. Labuan** meningkat kepada 5.2 peratus (2018: 6.7%) disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan kekal mapan dengan pertumbuhan 7.5 peratus (2018: 7.6%) dirangsang oleh peningkatan dalam subsektor kewangan & insurans dan perdagangan borong & runcit. Sementara itu, sektor Pembuatan yang bertumbuh lebih perlahan pada kadar 1.4 peratus (2018: 5.3%) dipengaruhi oleh subsektor bahan kimia & produk kimia serta logam asas.

### Struktur ekonomi mengikut negeri

Kepelbagaian penumpuan dapat dilihat dalam komposisi aktiviti ekonomi bagi setiap negeri. Sektor Perkhidmatan mendominasi beberapa negeri seperti W.P. Kuala Lumpur (87.9%), W.P. Labuan (77.3%), Kelantan (69.1%), Perlis (66.2%), Perak (63.2%) dan Selangor (62.2%). Sumbangan yang signifikan bagi kedua-dua sektor Perkhidmatan dan Pembuatan dapat dilihat di Pulau Pinang, W.P. Labuan, W.P. Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan seperti ditunjukkan di Carta 1.24. Sebaliknya, sektor Pertanian merupakan antara aktiviti utama di Kelantan (22.8%), Pahang (22.0%), Perlis (21.7%) dan Sabah (16.1%). Sementara itu, Sabah dan Sarawak dipengaruhi oleh sumbangan yang besar dalam sektor Perlombongan dan pengkuarian dengan masing-masing menyumbang 26.4 peratus dan 21.7 peratus kepada keseluruhan ekonomi di negeri tersebut.

**Carta 1.24** Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2019



\*Termasuk W.P. Putrajaya

### KDNK per kapita

Dari sudut KDNK per kapita, enam negeri mencatatkan KDNK per kapita melebihi paras nasional (RM46,367) iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM129,589), W.P. Labuan (RM77,800), Pulau Pinang (RM55,062), Selangor (RM54,807), Sarawak (RM53,230) dan Melaka (RM49,052). Secara umumnya, nilai KDNK per kapita adalah dipengaruhi oleh prestasi pengeluaran dan faktor harga. Tahun 2019 telah menyaksikan penyusutan harga bagi komoditi utama negara terutamanya kelapa sawit, minyak mentah dan gas asli.

**Jadual 1.5** KDNK per kapita mengikut negeri, 2018-2019 pada harga semasa (RM)

Negeri	2018	2019
W.P. Kuala Lumpur*	121,444	129,589
W.P. Labuan	74,263	77,800
Pulau Pinang	52,923	55,062
Selangor	51,539	54,807
Sarawak	52,392	53,230
Melaka	47,939	49,052
Negeri Sembilan	43,010	45,209
Johor	36,369	37,311
Pahang	35,543	36,404
Perak	30,289	31,626
Terengganu	30,190	30,902
Sabah	25,832	25,333
Perlis	24,401	25,625
Kedah	21,394	22,341
Kelantan	13,677	14,286
<b>MALAYSIA</b>	<b>44,699</b>	<b>46,367</b>

\*Termasuk W.P. Putrajaya



# 2 PRESTASI EKONOMI PERAK

## ○ SOSIOEKONOMI PERAK 2019

## ○ PRESTASI EKONOMI PERAK 2019

## ○ PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

- SEKTOR PERTANIAN
- SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN
- SEKTOR PEMBINAAN
- SEKTOR PEMBUATAN
- SEKTOR PERKHIDMATAN
  - ◆ Perdagangan borong dan runcit
  - ◆ Utiliti
  - ◆ Pengangkutan dan penyimpanan
  - ◆ Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
  - ◆ Perkhidmatan perniagaan
  - ◆ Perkhidmatan pendidikan swasta
  - ◆ Perkhidmatan kesihatan swasta
  - ◆ Perkhidmatan kerajaan



## ○ INDEKS HARGA PENGGUNA








# SOSIOEKONOMI PERAK 2019

## PERTUMBUHAN EKONOMI



### PENDAPATAN & PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH



Nota:  
 KPTB: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh  
 \*Data tahun 2018

# PRESTASI EKONOMI PERAK 2019

**4.0%**

Pertumbuhan  
ekonomi  
Perak

**RM75.9 bilion**  
nilai KDNK pada  
tahun **2019**

**D**alam usaha merancakkan ekonomi utara, pelan Tindakan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2016-2025 dijangka dapat melonjakkan pembangunan ekonomi Perak. Menerusi pelan tersebut, terdapat beberapa projek berimpak tinggi yang dikategorikan sebagai nod pertumbuhan antaranya di kawasan Greater Kamunting Conurbation (GRC) dan Manjung-Aman Jaya Maritime City. Pembangunan ini dijangka mampu menyumbang kepada nilai ditambah serta berupaya memberikan impak besar dalam jangka masa panjang melibatkan pelbagai sektor di Perak. Pada masa yang sama, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) juga memainkan peranan penting dalam mempromosi dan menarik pelaburan ke dalam wilayah utara ini. Justeru itu, sebanyak RM8.7 bilion pelaburan yang diterima melalui projek-projek berimpak tinggi dan dijangka dapat mewujudkan lebih 7,931 peluang pekerjaan baharu malah meningkatkan taraf penduduk, terutamanya dari kalangan golongan B40. Sementara itu, Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak 2040 turut menyokong bagi merealisasikan Perak sebuah negeri moden yang bergerak selari dengan pembentukan sosioekonomi yang inklusif serta kehidupan sejahtera rakyat. Sehingga akhir 2019, jumlah keseluruhan pelaburan projek pembuatan yang diluluskan adalah berjumlah RM6.6 bilion.


Pembangunan yang dilaksanakan akan mencorakkan struktur ekonomi negeri seterusnya memberi impak kepada KDNK. Pada tahun 2019, Perak merekodkan nilai ditambah berjumlah RM75.9 bilion berbanding RM73.0 bilion pada tahun 2018 (Carta 2.1). Pertumbuhan ekonomi negeri ini menyederhana dengan peningkatan 4.0 peratus berbanding 5.3 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan bertumbuh sebanyak 4.5 peratus manakala sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan 3.5 peratus diikuti oleh sektor Pertanian yang bertumbuh 2.9 peratus. Sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian pula masing-masing meningkat kepada 6.4 peratus dan 5.0 peratus.

**Carta 2.1** Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Perak, 2015-2019




Secara keseluruhannya, ekonomi Perak kekal didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 63.2 peratus yang keseluruhan ekonomi negeri ini, manakala sektor Pembuatan dan Pertanian menyumbang sebanyak 18.0 peratus dan 14.9 peratus. Selain itu, sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 3.3 peratus manakala 0.6 peratus disumbangkan oleh sektor Perlombongan dan pengkuarian (Carta 2.2).

**Carta 2.2** Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perak, 2019




Dari aspek prestasi, pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus (2018: 6.6%) daripada sektor Perkhidmatan (Carta 2.3) dipengaruhi terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta utiliti. Sektor ini mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM47.9 bilion pada tahun 2019 berbanding RM45.9 bilion tahun sebelumnya. Bagi memastikan sektor ini kekal mapan, kerajaan telah memperkenalkan beberapa projek pembangunan, antaranya pembangunan semula di kawasan pintu sempadan Pengkalan Hulu – Betong dengan mewujudkan Border Town menerusi Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030. Selain itu, kemasukan Global Business Services di Bandaraya Ipoh juga dijangka merancakkan sektor ini dan bakal mewujudkan 1,500 pekerjaan baharu. Pembangunan mapan ini bertepatan dengan visi dan misi yang digariskan dalam Pelan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang berhasrat penggiat ekonomi tempatan berdaya maju dalam mencapai tahap ekonomi bernilai tinggi.

**Carta 2.3** Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perak, 2018-2019



Pertumbuhan sederhana sektor Pembuatan daripada 4.2 peratus pada tahun 2018 kepada 3.5 peratus

## Paparan 2.1 Nilai ditambah mengikut sektor utama Perak, 2019



dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam industri elektrik, elektronik dan optikal serta petroleum, kimia, getah dan plastik. Nilai ditambah sektor ini pada tahun 2019 adalah RM13.7 bilion berbanding RM13.2 bilion pada tahun sebelumnya.

Pertumbuhan lebih baik sebanyak 2.9 peratus (2018: 0.5%) daripada sektor Pertanian didorong oleh peningkatan dalam subsektor tanaman sayuran dan ternakan. Sektor ini merekodkan nilai ditambah sebanyak RM11.3 bilion pada tahun 2019 (2018: RM11.0 bilion). Dalam menekankan aspek *food security* negara, kerajaan negeri mengambil langkah proaktif dengan membuka Perak Agro Valley di Bukit Sapi, Mukim Lenggong seluas 4,901 ekar melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC). Projek yang berkonsepkan pertanian integrasi itu dijangka dapat menarik pelaburan sebanyak RM1.4 bilion malah melahirkan agropreneur di kalangan anak muda terutamanya dari kumpulan B40.

Sementara itu, sektor Pembinaan bertumbuh perlahan 6.4 peratus (2018: 10.6%) dipengaruhi oleh pertumbuhan negatif dalam beberapa projek bagi subsektor kejuruteraan awam dan bangunan bukan kediaman. Sektor ini merekodkan nilai ditambah sebanyak RM2.5 bilion pada tahun 2019 (2018: RM2.3 bilion). Dalam meningkatkan pertumbuhan sektor ini, terdapat beberapa projek pembinaan yang dirancang dalam merencanakan ekonomi Perak. Antaranya adalah cadangan pembinaan menyiapkan projek sambungan paip gas asli dari Ayer Tawar ke Lembah Kinta yang dijangka siap 2020.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian pula hanya mencatatkan sumbangan sebanyak 0.6 peratus kepada KDNK Perak dengan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM467.9 juta. Sektor ini bertumbuh sebanyak 5.0 peratus (2018: 1.8%) disokong oleh subsektor perlombongan dan pengkuarian lain yang melibatkan aktiviti perlombongan bijih timah, pemecahan batu dan pengkuarian batu kapur.

## PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

### SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian di Perak merupakan sektor ketiga terbesar dengan sumbangan sebanyak 14.9 peratus kepada keseluruhan KDNK Perak pada tahun 2019. Sektor ini merekodkan nilai ditambah berjumlah RM11.3 bilion berbanding RM11.0 bilion pada tahun sebelumnya.

Sektor Pertanian bertumbuh lebih baik kepada 2.9 peratus berbanding 0.5 peratus pada tahun 2018 seperti dipaparkan di Jadual 2.1. Subsektor tanaman yang merupakan penyumbang utama sektor ini iaitu sebanyak 51.8 peratus bertumbuh positif kepada 1.1 peratus berbanding penguncupan 6.6 peratus pada tahun sebelumnya. Ini dipengaruhi oleh penurunan kecil dalam subsektor kelapa sawit yang menyumbang sebanyak 32.9 peratus kepada keseluruhan sektor Pertanian.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB, pengeluaran buah tandan segar di Perak menyusut sebanyak 1.3 peratus pada tahun 2019 berbanding kejatuhan negatif 9.3 peratus yang dicatatkan pada tahun 2018 seperti di Jadual 2.2. Keadaan cuaca panas dan kekurangan hujan yang direkodkan pada awal tahun di negeri-negeri sebelah pantai barat Semenanjung sedikit sebanyak memberi kesan kepada proses pembiakan buah tandan segar seterusnya mempengaruhi prestasi aktiviti tanaman kelapa sawit pada tahun 2019.


Walau bagaimanapun, aktiviti tanaman lain melibatkan aktiviti sayur-sayuran dan

buah-buahan merekodkan peningkatan ketara pada tahun 2019, mengimbangi prestasi keseluruhan subsektor tanaman di negeri ini.

Selain itu, pertumbuhan positif sektor Pertanian di Perak turut dipengaruhi oleh aktiviti ternakan yang berkembang kepada 7.5 peratus (2018: 5.7%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti ternakan ayam dan itik. Subsektor tersebut menyumbang 23.7 peratus kepada sektor Pertanian Perak.

Subsektor perikanan pula bertumbuh perlahan kepada 2.4 peratus berbanding prestasi kukuh 15.4 peratus pada tahun 2018. Subsektor ini menyumbang sebanyak 21.7 peratus kepada sektor Pertanian Perak. Pertumbuhan perlahan dalam kuantiti pendaratan ikan laut pada tahun 2019 mempengaruhi prestasi keseluruhan subsektor ini.

#### Paparan 2.2 Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2019



**Jadual 2.1** Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2018-2019

Subsektor	Nilai ditambah (RM juta)		Peratus sumbangan (%)		Pertumbuhan tahunan (%)	
	2018 <sup>e</sup>	2019 <sup>p</sup>	2018 <sup>e</sup>	2019 <sup>p</sup>	2018 <sup>e</sup>	2019 <sup>p</sup>
Tanaman	5,796	5,859	52.7	51.8	-6.6	1.1
Ternakan	2,491	2,679	22.7	23.7	5.7	7.5
Perhutanan & pembalakan	314	320	2.9	2.8	2.9	2.0
Perikanan	2,392	2,450	21.8	21.7	15.4	2.4
<b>Jumlah</b>	<b>10,994</b>	<b>11,308</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>0.5</b>	<b>2.9</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 2.2** Statistik industri kelapa sawit, Perak, 2018-2019

Perak	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2018	2019	2018	2019
Buah tandan segar ('000 tan)	9,725	9,596	-9.3	-1.3
Minyak sawit mentah ('000 tan)	1,861	1,854	-8.3	-0.4
Isirong sawit ('000 tan)	528	515	-7.7	-2.6
Keluasan belum matang (hektar)	49,221	43,790	7.1	-11.0
Keluasan matang (hektar)	364,090	363,813	1.0	-0.1

Sumber: MPOB

## SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Perak mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM467.9 juta berbanding RM445.8 juta pada tahun 2018. Sumbangan sektor ini adalah 0.6 peratus kepada KDNK Perak. Pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus (2018: 1.8%) telah direkodkan pada tahun

2019 seperti di Carta 2.4 didorong oleh perlombongan bijih timah, pemecahan batu dan pengkuarian batu kapur. Selain itu, perlombongan kaolin dan pengkuarian pasir turut menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan sektor ini.

**Carta 2.4** Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perak, 2015-2019

## SEKTOR PEMBINAAN

Perak mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.5 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2019 berbanding RM2.3 bilion yang direkodkan pada tahun 2018. Sektor tersebut menyumbang sebanyak 3.3 peratus kepada keseluruhan KDNK Perak.

Pada tahun 2019, sektor Pembinaan di Perak mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan kepada 6.4 peratus berbanding pertumbuhan dua angka sebanyak 10.6 peratus pada tahun sebelumnya.


Pertumbuhan tersebut dipengaruhi oleh subsektor kejuruteraan awam dan bangunan bukan kediaman. Kejuruteraan awam menyumbang 33.1 peratus manakala bangunan bukan kediaman menyumbang 20.3 peratus seperti pada Paparan 2.3.

### Projek utama:

Antara projek utama yang terdapat di Perak ialah:

- ◆ *Engineering, Procurement, Construction, Installation and Commissioning (EPCIC) for the Pegaga Development Project;*
- ◆ *Engineering, Procurement and Construction (EPC) for Larak and Bakong Development Project;*
- ◆ *Design, build and installation for TTM Phase-2 factory in Kamunting Raya Industrial Park, Taiping;*
- ◆ Membina dan menyiapkan Kolej Poly-Tech Mara, Mukim Hulu Kinta;
- ◆ *Primary and further processing plants V5 site and main site, Lumut Port Industrial Park;*
- ◆ Pembinaan pejabat dan pusat latihan unit komando 69 Pasukan Gerakan Khas, Ulu Kinta;
- ◆ Fasa 3 loji rawatan kumbahan serantau dan rangkaian paip pembedahan di Papan, Daerah Kinta;

### Paparan 2.3 Komposisi sektor Pembinaan, Perak, 2019



- ◆ Projek pembinaan lebuh raya Persisiran Pantai Barat: kerja-kerja menaik taraf jalan persekutuan (Teluk Intan - Kampung Lekir);
- ◆ Pembinaan loji rawatan kumbahan serantau dan projek rangkaian paip pembedahan di Assam Kumbang, Taiping;
- ◆ Pembinaan blok wanita dan kanak-kanak dan pusat kardiologi Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh; dan
- ◆ Projek-projek perumahan dan skim pembangunan bercampur.



## SEKTOR PEMBUATAN

Sektor Pembuatan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM13.7 bilion berbanding RM13.2 bilion pada tahun 2018. Nilai tersebut menjadikan sektor ini sebagai penyumbang kedua terbesar kepada keseluruhan ekonomi Perak dengan sumbangan sebanyak 18.0 peratus.

Pada tahun 2019, sektor ini merekodkan pertumbuhan lebih perlahan pada paras 3.5 peratus berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sederhana yang dicatatkan oleh kumpulan produk elektrik, elektronik dan optikal pada 2.8 peratus (2018: 8.8%) telah mempengaruhi keseluruhan prestasi sektor ini. Aktiviti pemangkin utama bagi kumpulan ini adalah daripada produk pembuatan peralatan komunikasi dan elektronik pengguna.


Selain itu, prestasi kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik dengan sumbangan sebanyak 18.0 peratus turut memberi kesan kepada pertumbuhan keseluruhan sektor Pembuatan apabila meningkat kepada 3.8 peratus berbanding pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 10.1 peratus pada tahun 2018. Ia didorong terutamanya oleh prestasi lebih perlahan

bagi subsektor bahan kimia, produk kimia & produk farmaseutikal serta produk plastik.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan lebih baik yang direkodkan oleh beberapa kumpulan utama yang lain telah secara langsung mengimbangi prestasi keseluruhan sektor Pembuatan Perak. Kumpulan tersebut adalah produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka, kumpulan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan serta kumpulan peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan. Jumlah sumbangan ketiga-tiga kumpulan tersebut adalah sebanyak 41.7 peratus pada tahun 2019.

Secara keseluruhan, jumlah nilai pelaburan yang diluluskan dalam sektor Pembuatan Perak adalah sebanyak RM6.6 bilion. Industri peralatan pengangkutan merekodkan penerimaan pelaburan tertinggi daripada segmen pelaburan domestik (Jadual 2.3). Selain itu, industri produk plastik, produk getah serta produk elektrik dan elektronik turut menerima pelaburan yang tinggi pada tahun 2019.

**Carta 2.5** Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2019



**Jadual 2.3** Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2019 - RM juta

Industri	Pelaburan domestik	Pelaburan asing	Jumlah
Pembuatan makanan	39.2	0.2	39.4
Minuman dan tembakau	3.6	-	3.6
Tekstil dan produk tekstil	14.6	-	14.6
Kayu dan produk kayu	-	40.3	40.3
Perabot dan peralatan	13.0	-	13.0
Kertas, percetakan dan penerbitan	25.9	-	25.9
Kimia dan produk kimia	141.9	-	141.9
Produk getah	223.9	499.6	723.5
Produk plastik	627.7	245.6	873.2
Produk mineral dan bukan logam	7.1	-	7.1
Produk logam fabrik	151.2	-	151.2
Jentera dan peralatan	22.5	-	22.5
Produk elektrikal dan elektronik	20.4	532.9	553.4
Peralatan pengangkutan	3,673.9	302.8	3,976.7
Peralatan saintifik dan mengukur	4.2	2.7	6.9
<b>Jumlah</b>	<b>4,969.0</b>	<b>1,624.3</b>	<b>6,593.2</b>

Sumber: MIDA

## SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan di Perak merekodkan nilai ditambah berjumlah RM47.9 bilion pada tahun 2019, meningkat RM2.1 bilion berbanding tahun 2018. Sumbangan sektor Perkhidmatan kepada keseluruhan KDNK Perak adalah sebanyak 63.2 peratus pada tahun 2019. Sektor ini mencatatkan peningkatan kepada 4.5 peratus berbanding 6.6 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan adalah seperti dipaparkan pada Jadual 2.4.

### Perdagangan borong dan runcit

Subsektor perdagangan borong dan runcit merupakan penyumbang terbesar di dalam sektor Perkhidmatan di Perak (sumbangan: 23.2%). Subsektor ini meningkat 7.0 peratus (2018: 8.8%) didorong oleh segmen borong dan runcit.

Sumbangan segmen runcit kepada subsektor perdagangan borong dan runcit adalah sebanyak 51.2 peratus (Carta 2.6).

**Jadual 2.4** Prestasi sektor Perkhidmatan, Perak, 2018-2019

Subsektor	2018 <sup>e</sup>			2019 <sup>p</sup>		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	15,074	32.9	7.7	15,387	32.1	2.1
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	13,207	28.8	8.9	14,193	29.6	7.5
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5,402	11.8	2.9	5,661	11.8	4.8
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	4,104	8.9	5.1	4,312	9.0	5.1
Perkhidmatan kerajaan	8,085	17.6	4.4	8,385	17.5	3.7
<b>Jumlah</b>	<b>45,873</b>	<b>100.0</b>	<b>6.6</b>	<b>47,938</b>	<b>100.0</b>	<b>4.5</b>


**Jadual 2.5** Penyumbang utama dan pertumbuhan 2019 bagi subsektor Perkhidmatan

Subsektor	Penyumbang utama	Pertumbuhan 2019
Perdagangan borong & runcit	<ul style="list-style-type: none"> <li>Borong</li> <li>Runcit</li> </ul>	7.0%
Utiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara</li> </ul>	-0.3%
Perkhidmatan maklumat dan komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkhidmatan komunikasi</li> </ul>	6.1%
Pengangkutan dan penyimpanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti pelabuhan</li> <li>Operasi penerbangan</li> </ul>	8.3%
Perkhidmatan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti profesional &amp; perkhidmatan perniagaan lain</li> </ul>	6.8%
Perkhidmatan pendidikan swasta	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendidikan tinggi</li> </ul>	3.0%
Perkhidmatan kesihatan swasta	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti hospital</li> <li>Perkhidmatan perubatan am</li> </ul>	6.0%
Perkhidmatan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan persekutuan</li> <li>Kerajaan negeri</li> <li>Badan berkanun</li> <li>Pihak berkuasa tempatan</li> </ul>	3.7%

Segmen ini meningkat 7.9 peratus berbanding 9.6 peratus pada tahun sebelumnya disumbangkan oleh jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan dan jualan runcit peralatan-peralatan lain isi rumah di stor pengkhususan.

Selain itu, segmen borong bertumbuh 7.4 peratus (2018: 8.8%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti jualan borong pengkhususan lain dan jualan borong barangan isi rumah. Kedua-dua aktiviti ini menyumbang hampir 51 peratus kepada keseluruhan segmen borong di Perak.

**Carta 2.6** Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Perak, 2019



Segmen kenderaan bermotor pula menyederhana kepada 2.8 peratus (2018: 5.8%) dipengaruhi oleh aktiviti jualan kenderaan bermotor dan penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor.

“**Utiliti di Perak menguncup kepada -0.3% pada tahun 2018**”



**Utiliti**

Subsektor utiliti di Perak menguncup kepada negatif 0.3 peratus (2018: 7.1%) pada tahun 2019 dengan nilai ditambah RM10.0 bilion. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan negatif 0.6 peratus (2018: 7.0%) di dalam segmen bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara terutama dalam aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik.


Segmen bekalan air, pembetulan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mencatatkan pertumbuhan 8.3 peratus pada tahun 2019 disokong oleh aktiviti penakungan, perawatan dan bekalan air.

### Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan merekodkan pertumbuhan sebanyak 8.3 peratus pada tahun 2019.

Berdasarkan Carta 2.7, subsektor pengangkutan dan penyimpanan Perak disumbangkan oleh aktiviti pengangkutan darat iaitu sebanyak 52.2 peratus. Seterusnya, operasi lebuh raya (20.5%), perkhidmatan pos dan kurier (12.1%), pelabuhan dan operasi penerbangan (7.3%), pengangkutan lain (5.8%), pengangkutan air (1.1%) dan pengangkutan udara (1.0%).

**Carta 2.7 Struktur subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Perak, 2019**



Aktiviti pengangkutan darat yang merupakan penyumbang terbesar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus pada tahun 2019 didorong oleh pengangkutan muatan melalui jalan raya.

Sementara itu, aktiviti bagi operasi lebuh raya dan perkhidmatan pos dan kurier (sumbangan: 32.6%) masing-masing bertumbuh sebanyak 8.6 peratus dan 9.6 peratus. Pertumbuhan dalam perkhidmatan pos dan kurier dipengaruhi oleh aktiviti kurier selain daripada aktiviti pos nasional.

### Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 8.6 peratus kepada sektor Perkhidmatan Perak. Subsektor ini mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM4.1 bilion dengan kadar pertumbuhan 6.1 peratus pada tahun 2019. Pertumbuhan ini didorong oleh aktiviti dalam perkhidmatan telekomunikasi.

Aktiviti perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 6.4 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook, Twitter, Youtube dan aplikasi perbankan internet turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, aktiviti perkhidmatan komputer dan maklumat merekodkan kadar pertumbuhan 4.8 peratus pada tahun 2019 berbanding 6.6 peratus pada tahun sebelumnya yang disokong oleh aktiviti perundingan komputer manakala segmen penerbitan dan penyiaran bertumbuh sebanyak 2.9 peratus.

### Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus (2018: 6.7%) didorong oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal merupakan penyumbang terbesar (63.3%) kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan perniagaan. Aktiviti ini telah meningkat kepada 7.0 peratus berbanding 6.7 peratus pada tahun sebelumnya. Antara aktiviti yang mendorong kepada pertumbuhan tersebut ialah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Beberapa aktiviti lain turut menjadi penyumbang kepada prestasi segmen ini seperti perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah.



“  
**Subsektor perkhidmatan  
 perniagaan Perak bertumbuh  
 6.8%**  
 ”


Sementara itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan yang menyumbang sebanyak 36.7 peratus bertumbuh 6.5 peratus (2018: 6.7%) didorong oleh aktiviti agensi pengembaraan dan aktiviti keselamatan persendirian.

### Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta bertumbuh sebanyak 3.0 peratus pada tahun 2019 berbanding 6.0 peratus pada tahun 2018. Subsektor ini menyumbang sebanyak 0.9 peratus kepada sektor Perkhidmatan Perak.

Perkhidmatan pendidikan swasta disumbangkan oleh pendidikan tinggi dengan 66.9 peratus diikuti oleh pendidikan lain (14.8%), pendidikan menengah (9.9%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (8.3%), dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.2%).

**Paparan 2.4** Peratus sumbangan pendidikan swasta, Perak, 2019



pendidikan pra-sekolah & pendidikan rendah (8.3%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.2%).

### Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta mencatatkan pertumbuhan 6.0 peratus berbanding 5.4 peratus pada tahun 2018 dan merekodkan jumlah nilai ditambah sebanyak RM596.8 juta. Subsektor ini menyumbang sebanyak 1.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Perak.

Aktiviti hospital merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan subsektor ini. Selain itu, antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah perkhidmatan perubatan am, perkhidmatan berkaitan pergigian, perubatan khas dan pusat dialisis.

### Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan meliputi empat peringkat iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuklah majlis daerah dan perbandaran/bandaraya yang dikategorikan sebagai pengeluar bukan pasaran. Nilai ditambah bagi perkhidmatan ini adalah meliputi nilai pampasan pekerja, pencen yang diperuntukkan kepada pekerja yang sedang bekerja serta penggunaan modal tetap.


Pada tahun 2019, subsektor perkhidmatan kerajaan mencatatkan pertumbuhan 3.7 peratus (2018: 4.4%) dengan jumlah nilai ditambah sebanyak RM8.4 bilion berbanding RM8.1 bilion pada tahun sebelumnya.

Secara amnya, kerajaan persekutuan mendominasi perkhidmatan kerajaan di Perak dengan peratus sumbangan sebanyak 90.2 peratus. Ini diikuti oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan PBT.

# INDEKS HARGA PENGGUNA


Indeks Harga Pengguna (IHP) di Perak meningkat dengan kadar yang perlahan pada 0.6 peratus berbanding 0.7 peratus pada tahun sebelumnya seperti di Carta 2.8.

**Carta 2.8** Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, Perak, 2018-2019




Inflasi yang perlahan ini adalah disebabkan tekanan inflasi yang rendah dalam kumpulan pengangkutan daripada 1.7 peratus pada tahun 2018 kepada negatif 3.4 peratus pada tahun 2019. Penurunan 3.4 peratus ini didorong oleh subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian kepada negatif 4.0 peratus (2018: 2.4%) yang mana bermula Mac-Disember 2019 harga bahan api untuk RON95 ditetapkan pada kadar RM2.08 seliter (Mac-Disember 2018: RM2.20). Namun, subkumpulan perkhidmatan pengangkutan kekal bertumbuh positif pada 0.8 peratus (2018: 0.9%). Meskipun inflasi subkumpulan pembelian kereta masih berada pada paras negatif, namun ianya bertambah baik kepada negatif 0.9 peratus (2018: -2.0%) seperti pada Carta 2.9.

**Carta 2.9** Perubahan tahunan subkumpulan pengangkutan, Perak, 2018-2019



**Carta 2.10** Perubahan tahunan IHP, Perak, 2011-2019




“**IHP di Perak** meningkat dengan kadar yang perlahan pada **0.6%**”

“ Mulai Mac - Disember 2019 harga bahan api **RON 95** di tetapkan pada kadar RM2.08 seliter berbanding RM2.20 seliter bagi tempoh yang sama tahun 2018 ”

**Paparan 2.5** Perbandingan harga purata 2019 bagi item terpilih di Perak dan negeri berhampiran

RM/kg	Bawang putih	Bawang holland	Bawang besar India
Perak	8.20	3.40	3.30
Perlis	7.00	4.00	3.10
Pulau Pinang	8.40	3.50	3.30
Kedah	8.00	4.00	3.40


**Carta 2.11** Perubahan tahunan IHP keseluruhan dan makanan & minuman bukan alkohol, 2011-2019



Inflasi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat pada kadar daripada 1.1 peratus pada tahun 2018 kepada 1.5 peratus pada tahun 2019. Carta 2.11 menunjukkan bermula tahun 2011, inflasi kumpulan ini lebih tinggi daripada inflasi keseluruhan kecuali pada tahun 2014, yang mana inflasi keseluruhan berada pada paras 2.7 peratus berbanding makanan dan minuman bukan alkohol, 2.3 peratus.

Pada tahun 2019, peningkatan inflasi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol disumbangkan oleh kenaikan dalam lapan subkumpulan, antaranya subkumpulan makanan di luar rumah (2.6%), sayur-sayuran (2.5%), buah-buahan (1.8%), ikan segar & makanan laut (1.4%), keluaran makan t.t.t.l (1.4%), kopi, teh, koko & minuman bukan alkohol (1.4%), telur & susu (1.3%) dan beras, roti dan bijirin (0.2%). Namun terdapat juga beberapa subkumpulan yang mengalami penurunan seperti daging (-1.2%), minyak & lemak (-0.8%) dan gula, jem, madu coklat & manisan (-0.4%) seperti di Carta 2.12.

**Carta 2.12** Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, 2018-2019



## Harga makanan dan minuman menjadi daya penarik aktiviti pelancongan gastronomi di Perak<sup>(1)</sup>

Oleh: Nadia Marzuki

### 1.0 Pengenalan

Melancong merupakan satu aktiviti yang mampu mengalihkan kehidupan norma manusia dan mengurangkan sebarang jenis tekanan. Kebanyakan mereka yang berkemampuan mempunyai peruntukan untuk melancong sama ada bersendirian, bersama kawan-kawan atau keluarga. Ada sebahagian daripada mereka melancong disebabkan ingin mencuba makanan-makanan tempatan yang tular di media sosial atau melalui pengalaman-pengalaman rakan-rakan yang pernah berkunjung ke tempat tersebut. Menurut *World Tourism Organization (UNWTO)*, “*more than a third of a tourist's spending is dedicated to food. Gastronomy has become one of the main reasons to travel*”.

Industri makanan dan minuman merupakan salah satu industri terpenting dalam sektor pelancongan negara. Berdasarkan maklumat daripada Survei Pelancongan Domestik 2018, perbelanjaan ke atas makanan dan minuman merupakan perbelanjaan ketiga tertinggi yang dibuat oleh pelawat domestik yang melancong ke Perak selepas perbelanjaan membeli belah dan pembelian bahan api kenderaan. Pelawat domestik ini telah membelanjakan sejumlah RM979 juta atau 15.1 peratus berbanding keseluruhan perbelanjaan pelawat domestik pada tahun 2018.

Sumber daripada Banci Ekonomi 2015, merekodkan sejumlah RM1.5 bilion nilai ditambah dengan purata pertumbuhan tahunan 14.0 peratus berbanding 2010 dijana oleh industri perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman dalam sektor pelancongan pada tahun 2015. Industri ini merupakan industri kedua tertinggi yang menjana nilai ditambah dalam sektor pelancongan selepas industri perdagangan runcit barang khusus bercirikan pelancongan negara (membeli belah). Sejumlah 15,702 pertubuhan dengan purata pertumbuhan tahunan 5.8 peratus berbanding 2010 beroperasi pada tahun 2015 di Perak.

Tahun 2018 Perak telah menerima dua pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang berkaitan dengan industri makanan dan minuman iaitu *IPOH top 10 destination to taste local food merujuk laman sesawang Booking.com pada Jun 2018* dan *IPOH top 3 best coffee town in Asia menurut The New York Times & The Lonely Planet 2018*. Pengiktirafan ini telah meletakkan Ipoh sebagai salah satu destinasi terpilih selain daripada Kaohsiung, Taiwan; Nagoya, Japan; Johor Bahru, Malaysia; João Pessoa, Brazil; Ho Chi Minh City, Vietnam; Sarajevo, Bosnia and Herzegovina; Colmar, France; Lima, Peru dan Catania, Italy.

Pengiktirafan yang diterima oleh Perak ini menjadi input penting dalam mempromosikan sektor pelancongan di negeri ini terutamanya melibatkan pelancongan gastronomi dengan lebih meluas di peringkat tempatan dan antarabangsa. *World Tourism Organizations (UNWTO)* mendefinisikan “*...gastronomy tourism as “a type of tourism activity which is characterized by the visitor's experience linked with food and related products and activities while travelling. Along with authentic, traditional, and/or innovative culinary experiences, Gastronomy Tourism may also involve other related activities such as visiting the local producers, participating in food festivals and attending cooking classes”*. Menurut Ladapha Pullphothong dan Chiranut Sopha dalam artikel

<sup>1</sup>Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia

bertajuk *Gastronomic Tourism in Ayutthaya, Thailand* "...gastronomic tourism refers to trips made to destinations where the local food and beverages are the main motivating factors for travel".

Faktor harga makanan dan minuman yang munasabah merupakan salah satu daya penarik kepada aktiviti pelancong gastronomi terutamanya melibatkan pelancong domestik untuk mencuba kepelbagaian jenis makanan dan minuman tempatan di Perak. Menurut *Briesch et al., 1997*, "...customers usually do benchmarks or reference prices in several ways such as recalling past transactions, looking at competitors' prices, seller costs, or through observing the prices paid by other customers". Rencana ini mengupas purata harga pada tahun 2018 ke atas 29 jenis item melibatkan makanan dan minuman berbanding negeri-negeri bersebelahan.

## 2.0 Metodologi Kajian

Kajian adalah berdasarkan data purata harga tahun 2018 bagi 29 jenis item yang tersenarai di bawah kategori makanan dan minuman dari sumber pungutan harga pengguna yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada setiap bulan. Perbandingan harga dibuat dengan membandingkan purata harga negeri bersebelahan berbanding purata harga di Perak berdasarkan formula berikut:

Perbezaan peratusan=

$$\text{Perbezaan peratusan} = \frac{(P_1 - P_2)}{P_2} \times 100$$

Dimana:

P1= Merujuk kepada purata harga negeri bersebelahan

P2= Merujuk kepada purata harga Perak

Perbandingan harga dibuat dengan negeri-negeri bersebelahan seperti Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Pahang adalah untuk melihat purata harga makanan dan minuman yang ditawarkan oleh Perak berbanding negeri-negeri bersebelahan. Kajian ini turut membuat perbandingan purata harga dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) walaupun ianya tidak dikategorikan sebagai negeri bersebelahan dengan Perak. Perbandingan ini dibuat adalah kerana pelancong domestik dari WPKL merupakan pelancong domestik kedua tertinggi yang melancong ke Perak pada tahun 2018. Peratus perbezaan yang positif menunjukkan purata harga makanan dan minuman di negeri bersebelahan adalah lebih tinggi berbanding Perak manakala peratus perbezaan yang negatif menggambarkan keadaan sebaliknya.


Maklumat berdasarkan hotel *guest* daripada *Tourism Malaysia* turut digunakan bagi melihat arah aliran dan sumbangan pelancong antarabangsa manakala Data Survei Pelancongan Domestik tahun 2018 pula digunakan untuk melihat sumbangan pelancong domestik dari negeri-negeri bersebelahan.

### 3.0 Hasil Kajian

Pengiktirafan yang diterima oleh Perak pada tahun 2018 memberi impak dalam menarik kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa untuk melancong ke Perak pada tahun tersebut. Walaupun bilangan pelawat domestik menunjukkan penurunan negatif 12.7 peratus pada tahun 2018 berbanding 2017 seperti pada Carta 2(a), namun peratus penurunan tertinggi disumbang oleh pelawat harian dengan penurunan peratusan sebanyak negatif 19.9 peratus. Penurunan bilangan pelancong domestik pula hanya dalam lingkungan negatif 1.0 peratus. Penurunan peratusan yang kecil bagi pelancong domestik ini menunjukkan pengiktirafan yang diterima oleh Perak mampu menarik pelancong domestik terutama pelancong dari negeri bersebelahan pada tahun tersebut sementara tahun 2017 adalah Tahun Melawat Perak.

Bagi pelancong antarabangsa pula, aliran bilangan pelancong antarabangsa yang melancong ke Perak pada tahun 2018 berbeza berbanding aliran pelawat domestik. Bilangan pelancong antarabangsa pada tahun 2018 mencatatkan 9.0 peratus lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Situasi ini berbeza berbanding dengan tahun 2013 yang mana tahun tersebut menunjukkan peratus penurunan yang besar ke atas pelancong domestik dan antarabangsa iaitu masing-masing menurun sebanyak negatif 31.4 peratus dan negatif 26.6 peratus berbanding Tahun Melawat Perak 2012.

**Carta 2(a): Siri masa bilangan pelawat domestik, pelancong domestik dan pelancong antarabangsa ke negeri Perak, 2012-2018**




Pengiktirafan yang diterima menunjukkan Perak mempunyai kepelbagaian jenis makanan tempatan yang menjadi daya penarik kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Faktor harga makanan dan minuman memainkan peranan yang penting dan menjadi pelengkap kepada pengiktirafan tersebut. Jadual 2(a) menunjukkan purata harga ke atas 29 jenis item terpilih melibatkan makanan dan minuman di Perak berbanding negeri bersebelahan bagi tahun 2018. Berdasarkan purata harga ke atas 29 item tersebut, 89.7 peratus item menunjukkan purata harga di Perak adalah lebih rendah berbanding Malaysia.

**Jadual 2(a): Peratus perbezaan purata harga 29 jenis item terpilih mengikut negeri berbanding purata harga Perak, 2018**

Bil.	ITEM	Unit	Purata Harga Negeri Perak	Harga Purata 23 Item Terpilih Mengikut Negeri, 2018						
				Malaysia	Kedah	Kelantan	Pahang	Pulau Pinang	Selangor	WPKL
1	Nasi Lemak	l bungkus	2.42	14.0	-2.1	3.2	10.5	-4.5	0.5	7.0
2	Nasi Ayam	l pinggan	4.49	17.8	10.6	14.4	15.5	3.5	14.2	16.9
3	Nasi Biryani Ayam	l pinggan	7.30	12.3	9.8	1.3	18.3	3.6	18.5	21.8
4	Nasi Kosong	l pinggan	1.43	1.3	-17.0	-3.0	11.1	-15.8	3.7	19.0
5	Nasi Goreng	l pinggan	4.44	11.9	1.1	8.9	9.4	1.8	12.4	14.9
6	Kuetiau Goreng	l pinggan	4.43	11.2	-3.8	9.1	11.5	4.0	13.9	16.0
7	Bihun Goreng	l pinggan	4.45	10.3	-4.3	8.0	9.7	-4.4	12.7	15.3
8	Mi Goreng	l pinggan	4.18	15.5	2.0	9.5	12.5	-0.1	17.1	22.8
9	Sayur Goreng Campur	l Pinggan	1.13	46.2	20.1	55.5	60.2	16.3	59.9	50.5
10	Roti Canai	sekeping	1.07	4.6	-5.5	-5.8	2.2	0.2	6.7	19.7
11	Kari Ayam	seketul	3.46	0.4	3.2	-9.1	9.0	17.3	10.1	24.0
12	Kari Daging	l Pinggan	4.27	-2.2	-20.0	-19.6	29.9	-33.4	2.6	6.5
13	Murtabak Ayam	sekeping	5.09	16.8	14.0	-39.0	22.7	6.3	32.8	36.9
14	Satay Ayam	l cucuk	0.72	1.3	-5.7	20.5	3.6	-0.4	17.1	31.8
15	Karipap	seketul	0.39	1.7	6.4	-9.5	-3.1	18.2	29.2	26.1
16	Kuih Seri Muka	seketul	0.38	6.0	9.0	19.3	0.9	25.5	39.7	32.8
17	Kuih Ketayap	seketul	0.38	-0.4	3.2	-18.5	-4.3	17.3	28.9	31.1
18	Air Minuman	500 ml	0.78	-8.6	-13.8	-11.3	-6.0	-23.9	-5.1	0.4
19	Air Batu Campur	l Mangkuk	3.24	9.0	5.8	-16.0	5.4	10.6	26.4	16.1
20	Nescafe	Cawan/Gelas/Mug	1.80	6.3	-0.5	-8.0	4.2	-0.8	12.4	16.9
21	Kopi Susu	Cawan/Gelas/Mug	1.35	17.3	-4.5	7.1	12.5	-6.8	10.6	29.0
22	Kopi O	Cawan/Gelas/Mug	1.13	16.3	-5.3	1.1	16.3	-9.8	12.9	25.8
23	Teh Susu	Cawan/Gelas/Mug	1.34	17.0	-4.7	2.7	10.3	-6.5	12.1	27.4
24	Teh -O	Cawan/Gelas/Mug	1.12	11.3	-7.0	-20.0	9.3	-10.1	10.7	27.8
25	Milo	Cawan/Gelas/Mug	1.82	6.6	-1.9	-6.8	2.6	-2.3	11.0	19.0
26	Horticks	Cawan/Gelas/Mug	1.94	10.6	1.4	1.7	12.9	-0.2	9.8	26.3
27	Jus Lobak	Gelas	3.03	17.4	-9.3	-6.6	15.8	12.6	16.1	39.0
28	Jus Oren	Gelas	2.74	25.3	-3.9	-1.6	20.1	14.2	26.0	44.7
29	Jus Epal	Gelas	2.74	24.4	-3.8	-1.8	20.4	14.6	24.2	50.8

Statistik daripada Survei Pelancongan Domestik 2018 seperti di Carta 2(b) menunjukkan sejumlah 2.6 juta atau 34.4 peratus pelancong domestik datangnya daripada Selangor. Bilangan ini sekali ganda lebih tinggi daripada pelancong domestik di kalangan rakyat Perak iaitu 1.3 juta pelancong sahaja. Perbandingan purata harga dengan Selangor menunjukkan Perak menawarkan purata harga lebih rendah bagi semua item kecuali air minuman 500 ml. Purata harga makanan dan minuman yang ditawarkan di Selangor lebih tinggi antara 0.5 peratus hingga 59.9 peratus berbanding Perak.

**Carta 2(b): Pelancong domestik yang melancong ke Perak mengikut negeri, 2018 (%)**

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bukanlah antara negeri yang bersebelahan dengan Perak, namun, statistik tahun 2018 menunjukkan 12.4 peratus atau 940 ribu pelancong domestik berasal dari WPKL. Negeri ini merupakan negeri kedua tertinggi yang melancong ke Perak. Kesemua item yang disenaraikan menunjukkan purata harga makanan dan minuman di WPKL adalah lebih tinggi berbanding Perak. Sayur campur goreng dan jus epal merupakan antara item yang mencatatkan peratus perbezaan harga tertinggi iaitu melebihi 50 peratus. Purata harga makanan dan minuman di WPKL pada tahun 2018 lebih tinggi di antara 0.4 peratus hingga 50.8 peratus berbanding purata harga makanan dan minuman di Perak.

Bagi negeri-negeri berjiran di kawasan utara iaitu Pulau Pinang dan Kedah, purata harga makanan dan minuman tidak terlalu jauh berbeza dengan dengan Perak. Berdasarkan 29 item terpilih, 12 item atau 41.4 peratus menunjukkan purata harga makanan dan minuman di Perak lebih murah berbanding Kedah dan 15 item atau 51.3 peratus lebih murah berbanding Pulau Pinang. Julat peratus perbezaan harga bagi item-item terpilih ini tidaklah sebesar julat peratus perbezaan harga berbanding Selangor dan WPKL. Item-item yang tersenarai menunjukkan peratus perbezaan purata harga makanan dan minuman yang lebih tinggi di Pulau Pinang berbanding Perak adalah di antara 0.5 peratus hingga 25.5 peratus manakala peratus perbezaan purata harga makanan dan minuman yang lebih rendah adalah dalam lingkungan negatif 0.1 peratus hingga negatif 33.4 peratus. Bagi Kedah pula, peratus perbezaan purata harga makanan dan minuman yang lebih tinggi berbanding Perak adalah di antara 1.1 peratus hingga 20.1 peratus manakala peratus makanan dan minuman yang lebih rendah berbanding Perak adalah dalam lingkungan negatif 0.5 peratus hingga negatif 20.0 peratus. Sejumlah 432 ribu (5.7%) pelancong domestik dan 498 ribu (6.6%) pelancong domestik Perak pada tahun 2018 datangnya daripada Kedah dan Pulau Pinang. Berdasarkan statistik antara tahun 2015 hingga 2018, kedua-dua negeri ini merupakan antara 5 negeri utama yang menyumbang kepada pelancong domestik yang tinggi di negeri Perak.

Selain WPKL dan Selangor, Pahang juga merupakan antara negeri yang menawarkan harga makanan dan minuman yang tinggi berbanding Perak. Berdasarkan kajian ke atas 29 item, 89.7 peratus item mencatatkan purata harga makanan dan minuman melebihi purata harga makanan dan minuman yang ditawarkan di Perak. Peratus perbezaan harga purata yang tinggi berbanding Perak adalah antara 0.9 peratus hingga 60.2 peratus manakala peratus perbezaan harga yang rendah adalah di antara negatif 3.1 peratus hingga negatif 6.0 peratus. Walau bagaimanapun, tidak ramai pelawat domestik di Perak datang daripada Pahang. Tahun 2018 mencatatkan hanya 1.7 peratus atau 132 ribu pelancong domestik datang daripada negeri tersebut.

Bagi Kelantan pula, berdasarkan kepada 29 item terpilih, 48.3 peratus atau 14 jenis item menunjukkan purata harga makanan di Perak adalah lebih rendah berbanding Kelantan. Julat peratus perbezaan purata harga tinggi berbanding perak adalah dalam lingkungan antara 1.1 peratus hingga 55.5 peratus manakala peratus perbezaan purata harga yang lebih rendah berbanding Perak pula mencatatkan julat perbezaan harga antara negatif 1.6 peratus hingga negatif 39.0 peratus. Walaupun julat peratus perbezaan menunjukkan julat

**Jadual 2(b): Perbandingan Purata harga antara negeri mengikut jenis item, 2018**

Bil.	ITEM	Perak	Malaysia	Kedah	Kelantan	Pahang	Pulau Pinang	Selangor	WPKL
1	Nasi Lemak	2.42	2.76	2.37	2.50	2.67	2.31	2.43	2.59
2	Nasi Ayam	4.49	5.29	4.97	5.14	5.19	4.65	5.13	5.25
3	Nasi Biryani Ayam	7.30	8.20	8.01	7.40	8.64	7.56	8.65	8.89
4	Nasi Kosong	1.43	1.45	1.19	1.39	1.59	1.21	1.49	1.71
5	Nasi Goreng	4.44	4.97	4.49	4.83	4.86	4.52	4.99	5.10
6	Kuetiau Goreng	4.43	4.92	4.26	4.83	4.93	4.60	5.04	5.14
7	Bihun Goreng	4.45	4.91	4.26	4.81	4.89	4.26	5.02	5.14
8	Mi Goreng	4.18	4.82	4.26	4.57	4.70	4.17	4.89	5.13
9	Sayur Goreng Campur	1.13	1.65	1.35	1.75	1.81	1.31	1.80	1.70
10	Roti Canai	1.07	1.12	1.01	1.01	1.09	1.07	1.14	1.28
11	Kari Ayam	3.46	3.47	3.57	3.14	3.77	4.06	3.81	4.29
12	Kari Daging	4.27	4.17	3.42	3.43	5.55	2.84	4.38	4.54
13	Murtabak Ayam	5.09	5.94	5.80	3.10	6.25	5.41	6.76	6.97
14	Satay Ayam	0.72	0.73	0.68	0.86	0.74	0.71	0.84	0.95
15	Karipap	0.39	0.40	0.41	0.35	0.38	0.46	0.50	0.49
16	Kuih Seri Muka	0.38	0.40	0.41	0.45	0.38	0.47	0.52	0.50
17	Kuih Ketayap	0.38	0.38	0.40	0.31	0.37	0.45	0.50	0.50
18	Air Minuman 500ml	0.78	0.71	0.67	0.69	0.73	0.59	0.74	0.78
19	Air Batu Campur	3.24	3.53	3.43	2.72	3.41	3.58	4.09	3.76
20	Nescafe	1.80	1.91	1.79	1.65	1.87	1.78	2.02	2.10
21	Kopi Susu	1.35	1.58	1.28	1.44	1.51	1.25	1.49	1.74
22	Kopi-O	1.13	1.31	1.07	1.14	1.31	1.02	1.27	1.42
23	Teh Susu	1.34	1.57	1.28	1.38	1.48	1.25	1.50	1.71
24	Teh-O	1.12	1.24	1.04	0.89	1.22	1.00	1.24	1.43
25	Milo	1.82	1.94	1.78	1.69	1.86	1.77	2.01	2.16
26	Horlicks	1.94	2.15	1.97	1.98	2.19	1.94	2.13	2.45
27	Jus Lobak	3.03	3.56	2.75	2.83	3.51	3.41	3.52	4.22
28	Jus Oren	2.74	3.44	2.63	2.70	3.29	3.13	3.46	3.97
29	Jus Epal	2.74	3.41	2.63	2.69	3.30	3.14	3.40	4.13

yang besar bagi bagi purata harga tinggi dan rendah namun hampir separuh item menunjukkan harga purata di Perak lebih rendah berbanding Kelantan. Pelancong domestik dari Kelantan juga bukanlah antara lima negeri utama yang menyumbang kepada bilangan pelancong domestik yang ramai ke Perak. Sejumlah 226 ribu atau 3.0 peratus orang sahaja pelancong domestik dari negeri ini yang melancong ke Perak pada tahun 2018.

#### 4.0 Kesimpulan

Perak menawarkan harga makanan dan minuman yang rendah berbanding negeri-negeri jiran. Walau pun terdapat item yang lebih mahal berbanding Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan, namun perbezaan purata harga yang murah juga hampir menyamai perbezaan purata harga item yang mahal. Analisis juga mendapati purata harga ke atas 29 item menunjukkan 89.7 peratus item lebih murah berbanding Pahang dan 96.6 peratus item lebih murah berbanding Selangor manakala 100 peratus item yang dianalisis menunjukkan purata harga di Perak adalah lebih murah berbanding WPKL.

Pengiktirafan yang diperoleh Perak menjadi nilai tambah kepada negeri ini bagi meningkatkan aktiviti pelancongan gastronomi. Kepelbagaian pertuturan melambangkan kepelbagaian budaya dan kepelbagaian budaya melambangkan kepelbagaian etnik dan adat resam. Selain etnik Cina dan India, etnik bumiputera juga mempunyai kepelbagaian bangsa/suku dan adat resam tersendiri. Setiap bangsa/suku pastinya mempunyai makanan tradisional tersendiri yang boleh diketengahkan bagi menarik kedatangan pelancong. Kajian menunjukkan harga bukanlah faktor penghalang untuk memperkenalkan dan meningkatkan aktiviti pelancongan gastronomi di Perak malah harga makanan dan minuman yang rendah mampu menarik pelancong domestik dari negeri berdekatan untuk terus berkunjung ke Perak bagi menikmati pelbagai jenis makanan tempatan dengan harga yang rendah dan berpatutan.

**Rujukan**

- Briesch, R. A., Krishnamurthi, L, Mazumdar, T., & Raj, S. P. . (1997). A comparative analysis of reference price models. . *Journal of Consumer Research*,24(2) , 202-214.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Akaan Satelit Pelancongan*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Purata Harga Makanan dan Minuman*. Putajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Survei Pelancongan Domestik Perak*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jalis, M. H., Zahari, M. S., Zulkifly , M. I., & Othman , Z. (2009). *Malaysian Gastronomic Tourism Products: Assessing the Level of their Acceptance among the Western Tourists*.
- López-Guzmánand , P., & Sánchez-Cañizares , S. (2011). *Gastronomy, Tourism and Destination Differentiation:A Case Study in Spain*. Spain.
- Omar, D. Z. (n.d.). *Sumbangan Sektor Pelancongan terhadap ekonomi*. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia .
- Sormaza, U., Akmeseb, H., Gunesc , E., & Arasd , S. (2015). *Gastronomy in Tourism*.
- World Tourism Organization (UNWTO). (2019). *Guidelines for the Development of Gastronomy Tourism*. World Tourism Organization.



# 3 DEMOGRAFI SOSIAL

## ○ PENDUDUK

- Kelahiran
- Kesuburan
- Kematian
- Jangkaan hayat

## ○ TENAGA BURUH

- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

## ○ GAJI DAN UPAH

## ○ STATISTIK SISWAZAH

## ○ PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH

- Pendapatan isi rumah
- Perbelanjaan penggunaan isi rumah





# PENDUDUK

## Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan

Penduduk Perak bertambah daripada 2.50 juta pada 2018 kepada 2.51 juta pada 2019 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.2 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada 2019 ialah 96.1 peratus daripada keseluruhan penduduk Perak.

**Jadual 3.1** Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perak, 2015-2019

Penduduk	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan penduduk ('000)	2,466.9	2,482.1	2,493.2	2,503.5	2,508.8
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	0.3	0.6	0.4	0.4	0.2

## Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua di Perak mencatatkan peningkatan dari 2015 hingga 2019. Pada 2019, peratusan umur muda menurun kepada 21.1 peratus (2018: 21.7%) manakala peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua mencatatkan peningkatan masing-masing kepada 68.3 peratus (2018: 68.1%) dan 10.6 peratus (2018: 10.2%).

**Jadual 3.2** Struktur umur penduduk, Perak, 2015-2019

Kumpulan umur (%)	2015	2016	2017	2018	2019
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	23.5	22.8	22.2	21.7	21.1
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	67.3	67.6	67.9	68.1	68.3
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	9.2	9.6	9.9	10.2	10.6

2.51 juta

Penduduk Perak, 2019




Warganegara  
96.1% (2019)  
95.9% (2018)



Bukan Warganegara  
3.9% (2019)  
4.1% (2018)

0.2%

Kadar pertumbuhan penduduk tahunan Perak, 2019



### Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Perak menurun dari 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada 2015 kepada 102 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada 2019.

### Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Perak menunjukkan penurunan bagi tempoh 2015 hingga 2019. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 15.0 pada 2018 kepada 15.5 pada 2019. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 31.0 pada 2019 berbanding 31.8 pada 2018.

**Jadual 3.3** Nisbah tanggungan, Perak, 2015-2019

Nisbah tanggungan	2015	2016	2017	2018	2019
Umur muda	34.9	33.8	32.7	31.8	31.0
Umur tua	13.7	14.2	14.6	15.0	15.5
Jumlah	48.6	47.9	47.3	46.8	46.5

### Kumpulan etnik warganegara

Pada 2019, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 59.5 peratus (2018: 59.1%). Cina dan India menunjukkan penurunan masing-masing kepada 28.7 peratus (2018: 28.9%) dan 11.4 peratus (2018: 11.6%) pada 2019 manakala peratusan penduduk etnik lain kekal 0.4 peratus daripada keseluruhan warganegara di Perak.


**Jadual 3.4** Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Perak, 2015-2019

Kumpulan etnik warganegara Perak (%)	2015	2016	2017	2018	2019
Bumiputera	58.0	58.5	58.8	59.1	59.5
Cina	29.7	29.4	29.1	28.9	28.7
India	11.9	11.7	11.7	11.6	11.4
Etnik lain	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4

### Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Kinta merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada 2015 hingga 2018 berbanding 11 daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk pada 2019 sebanyak 835.8 ribu diikuti daerah Larut Matang (365.0 ribu) dan Manjung (256.4 ribu). Daerah Kinta mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada 2019 iaitu masing-masing 418.3 ribu dan 417.6 ribu.

**Carta 3.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2018-2019**




**0.8 juta**

**Kinta** mencatatkan bilangan penduduk tertinggi, 2019



**Paparan 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Perak, 2018-2019 ('000)**



**72.5 ribu**

**Muallim** mencatatkan bilangan penduduk terendah, 2019

**Nota :**

Data di peringkat daerah pentadbiran merujuk kepada unjuran penduduk (semakan semula) berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

## KELAHIRAN

### Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2018, kadar kelahiran kasar di Perak mencatatkan penurunan berbanding 2017 iaitu daripada 14.0 kepada 13.5 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2018 turut menunjukkan penurunan berbanding 2017 iaitu masing-masing daripada 14.2 kepada 13.8 dan 13.7 kepada 13.3 bagi setiap 1,000 penduduk.

**13.5**


kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2018



**18.2**

Bumiputera kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2018

Carta 3.2 Kadar kelahiran kasar, Perak, 2010-2018



### Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 18.2 pada 2018 sementara etnik lain mencatatkan kadar terendah iaitu 5.0 bagi setiap 1,000 penduduk. Penurunan kadar kelahiran kasar tertinggi dicatatkan oleh Cina dan India.

Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2018 (setiap 1,000 penduduk)


Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018
Bumiputera	19.1	19.1	18.6	18.2
Cina	8.7	7.9	7.4	6.8
India	11.3	10.3	10.4	9.8
Etnik lain <sup>1</sup>	6.7	6.4	5.4	5.0

<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara

### Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2018, daerah Kinta mencatatkan bilangan kelahiran tertinggi hidup iaitu sebanyak 10,214 bayi manakala yang terendah dicatatkan oleh Bagan Datuk iaitu 217 bayi. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula dicatatkan oleh Batang Padang dengan 18.4 manakala yang terendah dicatatkan oleh Bagan Datuk iaitu 2.9 bagi setiap 1,000 penduduk.

**Paparan 3.2** Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2018



10,214 bayi

**Kinta** mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi, 2018



18.4

**Batang Padang** mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi, 2018

## KESUBURAN

### Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2018, kadar kesuburan jumlah bagi Perak kekal kepada 1.9 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun berbanding pada 2017. Carta 3.3 menunjukkan Perak mencatatkan kadar kesuburan jumlah berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2010 hingga 2018.

**Carta 3.3** Kadar kesuburan jumlah, Perak, 2010-2018



### Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi semua kumpulan etnik mencatatkan penurunan pada tahun 2018 berbanding 2017. Pada tahun 2018, Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 2.5 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh etnik lain iaitu 0.5 bayi.

**Jadual 3.6** Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2018 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018
Bumiputera	2.7	2.7	2.6	2.5
Cina	1.5	1.3	1.2	1.0
India	1.5	1.4	1.4	1.3
Etnik lain <sup>1</sup>	0.7	0.7	0.6	0.5

<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara

**1.9**  
bayi

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 pada tahun 2018



**2.5**  
bayi

Bumiputera kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 pada tahun 2018

## KEMATIAN

### Bilangan dan kadar kematian

Sejumlah 18,600 kematian direkodkan di Perak pada tahun 2018 meningkat 3.1 peratus berbanding kematian pada tahun 2017. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2018 adalah 7.4 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2017: 7.2 kematian).

**Carta 3.4** Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2010-2018



**7.4**  
kematian

Kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2018 dalam tempoh 2010-2018

#### Jumlah Kematian

**Lelaki**  
10,582 (56.9%)  
**Perempuan**  
8,018 (43.1%)

**6.6**  
kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2018


**Jadual 3.7** Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2015-2018

Kematian	2015	2016	2017	2018
Jumlah kematian penduduk	17,159	17,820	18,047	18,600
Kadar kematian kasar (Lelaki)	7.8	8.0	8.3	8.4
Kadar kematian kasar (Perempuan)	6.1	6.3	6.2	6.5

### Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada 2018 adalah 6.6 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, menurun sebanyak 0.3 mata iaitu 6.9 kematian bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2017.

**Carta 3.5** Kadar kematian bayi, Perak, 2010-2018



**13.7**  
kematian

Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, 2014 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup




**9.3**  
kematian

**Cina**  
Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2018

### Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2018 meningkat kepada 23.6 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 20.1 kematian bagi tahun 2017.

**Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perak, 2010-2018**



### Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar Bumiputera dan Cina masing-masing meningkat 0.1 dan 0.2 mata kepada 6.7 kematian dan 9.3 kematian manakala bagi India meningkat kepada 8.2 kematian (2017: 7.7 kematian) bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kematian etnik lain menurun kepada 2.6 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2018.

**Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perak, 2015-2018 (setiap 1,000 penduduk)**

Etnik	2015	2016	2017	2018
Bumiputera	6.4	6.6	6.6	6.7
Cina	8.4	8.7	9.1	9.3
India	7.4	7.9	7.7	8.2
Etnik lain <sup>1</sup>	3.2	3.2	2.9	2.6


<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara

### Sebab kematian utama disahkan, 2018

Pada tahun 2018, penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian yang disahkan secara perubatan iaitu 18.1 peratus dan diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 12.1 peratus dan 7.6 peratus.

Penyakit jantung iskemia merupakan penyebab kematian tertinggi dengan 1,675 lelaki (20.6%) dan 822 perempuan (14.6%).

**Paparan 3.3 Tiga sebab kematian utama disahkan, Perak, 2018**



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.

Penyakit jantung iskemia

Sebab kematian utama disahkan yang catatkan peratusan tertinggi dalam tempoh 2010-2018



Sakit tua


Sebab kematian utama tidak disahkan yang catatkan peratusan tertinggi pada tahun 2018

**Sebab kematian utama tidak disahkan, 2018**

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2018 adalah sakit tua (65 tahun dan ke atas) iaitu 62.2 peratus diikuti oleh kencing manis dan darah tinggi dengan masing-masing sebanyak 3.3 peratus dan 3.0 peratus.

Sementara itu, sebab kematian utama tidak disahkan mengikut jantina bagi tahun 2018 pula adalah sakit tua (65 tahun dan lebih), masing-masing sebanyak 55.9 peratus bagi lelaki dan 68.7 peratus bagi perempuan.

**Paparan 3.4 Tiga sebab kematian utama tidak disahkan, Perak, 2018**



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

**Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran**

Pada tahun 2018, daerah Kinta mencatatkan bilangan kematian tertinggi sebanyak 5,894 kematian manakala daerah Muallim mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 382 kematian. Namun begitu, kadar kematian tertinggi direkodkan di Kuala Kangsar iaitu 8.0 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Muallim pada kadar 5.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

**Paparan 3.5** Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2018


**5,894**  
kematian

**Kinta** mencatatkan bilangan kematian tertinggi pada 2018



**71.2**  
tahun

**Bayi Lelaki** Jangkaan hayat ketika lahir pada 2019




## JANGKAAN HAYAT

### Jangkaan hayat ketika lahir

Jangkaan hayat ketika lahir bagi seorang bayi lelaki dan bayi perempuan di Perak pada tahun 2019 masing-masing adalah 71.2 tahun dan 77.4 tahun.

Bagi tempoh 2015 sehingga 2019, jangkaan hayat bagi bayi lelaki menunjukkan penurunan sebanyak 0.1 tahun manakala bayi perempuan meningkat 0.3 tahun.


**Paparan 3.6** Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perak, 2015-2019



### Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2019 dijangka hidup selama 57.1 tahun dan 63.1 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga umur 72.1 tahun manakala perempuan sehingga umur 78.1 tahun.

**Paparan 3.7** Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perak, 2015-2019



**78.1**  
tahun

**Perempuan**  
Jangkaan hayat  
pada umur  
15 tahun, 2019



**80.0**  
tahun


**Lelaki**  
Jangkaan hayat  
pada umur  
65 tahun, 2019

### Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Bagi tahun 2019, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup selama 15.0 tahun lagi dan seorang perempuan pula dijangka hidup selama 17.6 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki dan perempuan dijangka hidup masing-masing sehingga berumur 80.0 tahun dan 82.6 tahun.

Bagi tempoh 2015 sehingga 2019, perbezaan jangkaan hayat pada umur 65 tahun bagi lelaki dan perempuan adalah di antara 2.3 hingga 2.6 tahun.

**Paparan 3.8** Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perak, 2015-2019



# TENAGA BURUH

- 1,080.3**  
ribu

Tenaga buruh di Perak, 2019
- 2.0%**

Purata pertumbuhan tahunan
- 1,043.7**  
ribu


Bilangan penduduk bekerja, 2019
- 27.1%**

Pekerja perkhidmatan dan jualan catat peratusan tertinggi, 2019

## Tenaga Buruh

Tenaga buruh di Perak meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 2.0 peratus antara tahun 2010 hingga 2019. Sejumlah 1,080.3 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2019 berbanding 1,069.8 ribu orang pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 1,043.7 ribu orang pada tahun 2019 daripada 1,034.8 ribu orang pada tahun 2018.

**Carta 3.7** Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perak, 2010-2019



## Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Perak dengan peratus sumbangan sebanyak 27.1 peratus pada tahun 2019. Ini diikuti oleh kategori operator mesin & loji dan pemasang dan kategori pekerja kemahiran & pertukangan berkaitan dengan peratusan sumbangan 12.6 peratus dan 12.5 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 23.0 peratus daripada keseluruhan pekerja di Perak.

**Jadual 3.9** Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perak, 2016-2019

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)			
	2016	2017	2018	2019
<b>Jumlah</b>	<b>988.2</b>	<b>1,013.3</b>	<b>1,034.8</b>	<b>1,043.7</b>
Pengurus	41.7	45.1	42.8	41.8
Profesional	105.0	100.7	101.5	104.0
Juruteknik & profesional bersekutu	96.8	88.1	92.7	94.1
Pekerja sokongan perkeranian	73.4	84.7	85.9	86.1
Pekerja perkhidmatan & jualan	252.6	273.5	282.2	282.3
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	60.7	67.4	69.6	62.2
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	124.5	110.9	132.5	130.1
Operator mesin & loji dan pemasang	118.8	121.8	121.7	131.6
Pekerja asas	114.6	121.1	105.9	111.6

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)			
	2016	2017	2018	2019
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Pengurus	4.2	4.5	4.1	4.0
Profesional	10.6	9.9	9.8	10.0
Juruteknik & profesional bersekutu	9.8	8.7	9.0	9.0
Pekerja sokongan perkeranian	7.4	8.4	8.3	8.3
Pekerja perkhidmatan & jualan	25.6	27.0	27.3	27.1
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	6.1	6.7	6.7	6.0
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	12.6	10.9	12.8	12.5
Operator mesin & loji dan pemasang	12.0	12.0	11.8	12.6
Pekerja asas	11.6	12.0	10.2	10.7

**668.5**  
ribu

Pekerja tertumpu pada sektor **Perkhidmatan**, 2019



**10.1**  
ribu

Sektor **Perlombongan dan pengkuarian** bilangan pekerja terendah, 2019

Seramai 668.5 ribu orang pekerja (64.0%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2019 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 189.2 ribu orang, Pertanian (99.8 ribu; 9.6%) dan Pembinaan (76.1 ribu; 7.3%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 10.1 ribu orang (1.0%).



**63.6%**

Kadar penyertaan tenaga buruh di **Perak** pada tahun 2019

**3.4%**

Kadar Pengangguran di **Perak** pada tahun 2019

**Jadual 3.10** Penduduk bekerja mengikut sektor, Perak, 2016-2019


Sektor	Bilangan ('000)			
	2016	2017	2018	2019
<b>Jumlah</b>	<b>988.2</b>	<b>1,013.3</b>	<b>1,034.8</b>	<b>1,043.7</b>
Pertanian	111.1	106.8	99.0	99.8
Perlombongan dan pengkuarian	10.1	4.8	5.7	10.1
Pembuatan	162.1	170.6	167.4	189.2
Pembinaan	82.0	70.8	85.5	76.1
Perkhidmatan	622.9	660.3	677.2	668.5

Sektor	Komposisi (%)			
	2016	2017	2018	2019
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Pertanian	11.2	10.5	9.6	9.6
Perlombongan dan pengkuarian	1.0	0.5	0.6	1.0
Pembuatan	16.4	16.8	16.2	18.1
Pembinaan	8.3	7.0	8.3	7.3
Perkhidmatan	63.1	65.2	65.3	64.0

**Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran**

Kadar penyertaan tenaga buruh di Perak meningkat 0.3 mata peratus daripada 63.3 peratus pada tahun 2018 kepada 63.6 peratus pada tahun 2019. Sementara itu, kadar pengangguran di Perak bertambah kepada 3.4 peratus pada tahun 2019 (2018: 3.3%).

**Carta 3.8** KPTB dan kadar pengangguran, Perak, 2010-2019




# GAJI DAN UPAH

## GAJI DAN UPAH, MALAYSIA

### Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja

Penemuan utama mendapati bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2018 adalah sebanyak 8.8 juta orang iaitu meningkat 1.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Penengah gaji & upah bulanan telah meningkat kepada RM2,308 berbanding RM2,160 iaitu tumbuh pada kadar 6.6 peratus. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan meningkat 7.0 peratus kepada RM3,087 berbanding RM2,879 pada 2017.

**Carta 3.9** Kerangka analisis gaji & upah bulanan, Malaysia, 2017<sup>r</sup>-2018



Nota:

<sup>2</sup>Bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau sekurang-kurangnya 20 hari sebulan pada bulan rujukan

<sup>3</sup>Bekerja sekurang-kurangnya 1 jam semasa minggu rujukan dan bekerja kurang daripada 6 jam sehari atau 20 hari sebulan pada bulan rujukan

<sup>r</sup>Dikemaskini

**RM 3,087**  
Purata gaji & upah bulanan, 2018

**RM 2,308**  
Penengah gaji & upah bulanan, 2018



**8.8 juta**  
Bilangan penerima gaji dan upah, 2018

### Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Penengah gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki merekodkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 7.6 peratus

7.6%

Kadar pertumbuhan penengah gaji & upah bulanan pekerja lelaki, 2018




RM 6,017

Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji & upah bulana tertinggi, 2018

berbanding perempuan pada 3.8 peratus pada 2018. Purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki dan perempuan masing-masing meningkat kepada RM3,174 (7.2%) dan RM2,959 (6.5%).

**Carta 3.10** Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, 2017<sup>1</sup> - 2018



### Gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri

Penengah gaji & upah bulanan tertinggi dicatatkan oleh pekerja dalam Pendidikan iaitu RM 4,546 diikuti Perlombongan dan pengkuarian RM3,703. Manakala, purata gaji & upah bulanan tertinggi pula adalah bagi pekerja dalam Perlombongan dan pengkuarian iaitu RM6,017 pada 2018 diikuti aktiviti hartanah RM 5,526.

**Carta 3.11** Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri<sup>4</sup>, Malaysia, 2017<sup>1</sup> - 2018

Industri	Penengah (RM)		Purata (RM)	
	2017 <sup>1</sup>	2018	2017 <sup>1</sup>	2018
Jumlah	2,160	2,308	2,879	3,087
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,350	1,392	1,825	1,865
Perlombongan dan pengkuarian	3,700	3,703	5,706	6,017
Pembuatan Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	1,900	1,959	2,443	2,565
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	3,150	3,324	4,011	4,437
Pembinaan	2,000	2,183	2,429	2,719
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,900	2,164	2,587	2,821
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,650	1,774	2,015	2,154
Pengangkutan dan penyimpanan	2,000	2,175	2,707	2,866
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,500	1,657	1,754	1,914
Maklumat dan komunikasi	3,500	3,641	4,429	4,805
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	3,100	3,370	4,437	4,703
Aktiviti hartanah	3,400	3,601	4,880	5,526
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	3,000	3,261	4,129	4,704
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,350	1,545	1,859	2,094
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	3,162	3,350	3,681	3,848
Pendidikan	4,458	4,546	4,500	4,714
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	3,000	3,202	3,705	4,022
Kesenian, hiburan dan rekreasi	1,700	1,832	2,521	2,687
Aktiviti perkhidmatan lain	1,800	1,971	2,022	2,197


Nota:  
<sup>1</sup>Dikemaskini

<sup>4</sup>Industri dikelaskan mengikut piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0

### Gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri

W.P. Putrajaya mencatatkan penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi (penengah: RM3,673; purata: RM4,530) diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (penengah: RM2,946; purata: RM3,969) Selangor (penengah: RM2,695; purata: RM3,668) dan Johor (penengah: RM2,418; purata: RM2,932).

**Carta 3.12** Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2017<sup>1</sup> - 2018



Nota:  
<sup>1</sup>Dikemaskini

10.6%

**Melaka**  
kadar pertumbuhan purata gaji & upah bulanan tertinggi, 2018



12.2%

**Sarawak**  
kadar pertumbuhan penengah gaji & upah bulanan tertinggi, 2018

### GAJI DAN UPAH DI PERAK

#### Penemuan utama gaji & upah bulanan pekerja

Penemuan utama mendapati bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2018 di Perak adalah sebanyak 676.2 ribu orang iaitu meningkat 2.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Penengah gaji & upah bulanan telah meningkat kepada RM1,775 berbanding RM1,700 iaitu tumbuh pada kadar 4.3 peratus, manakala purata gaji & upah bulanan meningkat 4.5 peratus kepada RM2,387 berbanding RM2,281 pada 2017.




**Jadual 3.11** Gaji & upah bulanan, Perak, 2015-2018

	2015	2016	2017 <sup>r</sup>	2018
<b>Bilangan Penerima ('000)</b>	653.5	647.9	659.2	676.2
<b>Penengah (RM)</b>	1,500	1,650	1,700	1,775
<b>Purata (RM)</b>	2,030	2,206	2,281	2,387

**Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina**

Bilangan penerima gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki di Perak merekodkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 2.8 peratus (402.5 ribu orang) berbanding perempuan 2.1 peratus (273.7 ribu orang) pada 2018. Penengah gaji & upah bulanan bagi lelaki bertumbuh 9.5 peratus (RM1,935) berbanding perempuan negatif 0.6 peratus (RM1,640). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki meningkat 6.3 peratus (RM2,461) manakala pekerja perempuan 1.8 peratus (RM2,280).

**Paparan 3.9** Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Perak, 2017<sup>r</sup>-2018



Nota:  
<sup>r</sup>Dikemaskini  
 \* Peratusan merujuk kepada purata pertumbuhan tahunan


# STATISTIK SISWAZAH

## STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA

### Statistik utama siswazah

Pada 2019, bilangan siswazah di Malaysia adalah seramai 5.3 juta orang, meningkat 6.9 peratus daripada 4.9 juta orang pada tahun 2018 seperti yang digambarkan pada Carta 3.13.

**Carta 3.13** Statistik utama siswazah, Malaysia, 2019 ('000)



Pada tempoh yang sama, tenaga buruh siswazah meningkat 6.8 peratus kepada 4.4 juta orang (2018: 4.1 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 83.5 peratus, menurun 0.1 mata peratus berbanding 83.6 peratus pada tahun 2018. Daripada keseluruhan tenaga buruh siswazah, 96.1 peratus (4.3 juta orang) adalah bekerja, meningkat 6.9 peratus daripada 3.97 juta orang pada tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah kekal seperti tahun sebelumnya iaitu 3.9 peratus (170.3 ribu orang). Di samping itu, siswazah luar tenaga buruh naik 7.6 peratus kepada 869.8 ribu orang (2018: 808.5 ribu orang).

Daripada perspektif aktiviti ekonomi, sebahagian besar siswazah bekerja di Malaysia berada dalam sektor Perkhidmatan dengan

**5.3**  
juta

Bilangan siswazah Malaysia, 2019



**4.4**  
juta

Bilangan tenaga buruh siswazah Malaysia, 2019

**83.5%**

Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah Malaysia, 2019

**79.6%**

Siswazah bekerja berada dalam sektor **Perkhidmatan**, 2019




**RM 5,105**

**Purata gaji & upah bulanan** Siswazah di Malaysia, 2019

sumbangan 79.6 peratus (3.4 juta orang). Selain itu, sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing menyumbang 12.7 peratus (538.6 ribu orang) dan 5.3 peratus (226.1 ribu orang). Siswazah bekerja dalam sektor Pertanian merangkumi 1.4 peratus (57.6 ribu orang) manakala sektor Perlombongan & Pengkuarian meliputi 1.0 peratus (43.2 ribu orang). (Paparan 3.10)

**Paparan 3.10** Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2019 ('000)



**Statistik gaji dan upah siswazah, Malaysia**

Secara keseluruhannya, penengah gaji & upah bulanan siswazah pada tahun 2019 adalah RM4,371 manakala purata adalah RM5,105. Gaji & upah bulanan yang diterima oleh graduan meningkat seiring dengan umur siswazah. Siswazah berumur 45 tahun dan lebih menerima penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi masing-masing sebanyak RM7,214 dan RM8,203. Sebaliknya, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah bulanan paling rendah masing-masing RM2,112 dan RM2,378 (Paparan 3.11).

**Paparan 3.11** Statistik gaji & upah bulanan siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2019



Siswazah lelaki menerima penengah dan purata gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan lelaki adalah RM4,738 manakala perempuan menerima RM3,949. Bagi purata pula, gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM5,725 berbanding siswazah perempuan RM4,531 (Paparan 3.12).

**Paparan 3.12** Statistik gaji & upah bulanan siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2019



Siswazah bekerja dalam sektor Perlombongan & pengkuarian memperoleh penengah gaji & upah tertinggi sebanyak RM7,226, diikuti oleh sektor Perkhidmatan (RM4,513) dan sektor Pembinaan (RM4,025). Purata gaji & upah tertinggi diterima oleh siswazah yang bekerja di sektor Perlombongan & pengkuarian sebanyak RM9,011. Sektor Perkhidmatan berada pada kedudukan kedua dengan siswazah yang bekerja menerima RM5,147 diikuti oleh sektor Pembinaan dengan RM5,014. (Paparan 3.13)

**RM 7,226**  
Sektor Perlombongan dan pengkuarian  
Penengah gaji & upah bulanan tertinggi, 2019

**RM 9,011**  
Sektor Perlombongan dan pengkuarian  
Purata gaji & upah bulanan tertinggi, 2019

**Paparan 3.13** Statistik gaji & upah bulanan siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2019 (RM )



**STATISTIK SISWAZAH DI PERAK**

**Statistik utama siswazah**

Pada tahun 2019, bilangan siswazah di Perak adalah seramai 330.3 ribu orang, meningkat 12.0 peratus daripada 294.9 ribu orang pada tahun 2018. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 258.1 ribu orang, meningkat 10.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2018: 234.0 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 78.1 peratus, turun 1.2 mata peratus berbanding 79.3 peratus pada tahun 2018 seperti Carta 3.14.

Seramai 244.9 ribu orang siswazah bekerja di Perak pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan 10.6 peratus (2018: 221.5 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah

**330.3**  
ribu


Bilangan  
siswazah  
**Perak** pada  
tahun 2019



**258.1**  
ribu

Bilangan tenaga  
buruh siswazah  
yang **bekerja**,  
2019

**Carta 3.14** Statistik utama siswazah, Perak, 2018-2019




13.2 ribu orang (2018: 12.5 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Perak pada tahun 2019 ialah 5.1 peratus (2018: 5.3%).

Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 21.9 peratus daripada jumlah siswazah di Perak iaitu seramai 72.2 ribu orang pada tahun 2019, meningkat 18.6 peratus daripada 60.9 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di Perak menunjukkan komposisi siswazah di Perak didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 53.6 peratus (176.9 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 46.4 peratus (153.4 ribu orang) pada tahun 2019. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 82.7 peratus manakala siswazah perempuan adalah 74.2 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki lebih rendah iaitu 3.9 peratus berbanding perempuan 6.2 peratus (Carta 3.15).

**Carta 3.15** Statistik utama siswazah mengikut jantina, Perak, 2019 ('000)



Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 131.3 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2019, meningkat 8.2 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan peningkatan 12.6 peratus kepada 126.8 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Perak adalah seramai 121.8 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (123.1 ribu orang). Sebaliknya, komposisi penganggur siswazah mendapati penganggur lelaki merangkumi hanya 37.9 peratus atau 5.0 ribu orang, lebih rendah berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 8.2 ribu orang.

Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh meningkat 26.7 peratus kepada 45.6 ribu orang manakala siswazah lelaki turut merekodkan peningkatan 6.8 peratus kepada 26.6 ribu orang.

### Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Perak pada tahun 2019 adalah RM4,411 lebih tinggi dari tahun 2018 iaitu RM4,005. Sementara itu, penengah gaji dan upah bulanan siswazah pula adalah RM3,570 pada tahun 2019 meningkat dari RM3,393 pada tahun sebelumnya (Jadual 3.12).

**Jadual 3.12** Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah, Perak, 2018-2019

Gaji & upah	Jumlah	
	2018	2019
Purata gaji (RM)	4,005	4,411
Penengah gaji (RM)	3,393	3,570

53.6%

Sumbangan siswazah perempuan di Perak, 2019



RM 4,411

Purata gaji & upah bulanan siswazah di Perak pada tahun 2019

# PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGUNAAN ISI RUMAH

## PENDAPATAN ISI RUMAH

### Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Perak telah meningkat kepada RM4,273 pada tahun 2019 berbanding RM4,006 pada tahun 2016 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.2 peratus.

### Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut daerah pentadbiran

Daerah Manjung mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM4,636 pada 2019 (2016: RM4,363) diikuti Kinta RM4,556 (2016: RM4,347), Kerian RM4,512 (2016: RM3,932), Bagan Datuk RM4,503 (2016: n.a<sup>5</sup>) dan Larut Matang RM4,345 (2016: RM3,754). Daerah lain merekodkan pendapatan di bawah paras pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah negeri iaitu RM4,273. Daerah tersebut adalah Perak Tengah RM4,097 (2016: RM3,466), Batang Padang RM4,067 (2016: RM3,897), Muallim RM3,915 (2016: n.a<sup>5</sup>), Kuala Kangsar RM3,875 (2016: RM3,778), Kampar RM3,821 (2016: RM3,743), Hulu Perak RM3,532 (2016: RM3,325) dan Hilir Perak RM3,484 (2016: RM3,478).

Daerah Perak Tengah mencatatkan peningkatan tertinggi kadar pertumbuhan tahunan bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah iaitu 5.6 peratus diikuti Larut Matang kedua tertinggi (4.9%) antara tempoh 2016 hingga 2019.

Nota:

<sup>5</sup> Pada 2016, daerah ini adalah sebahagian daripada daerah lain seperti berikut:

Bagan Datuk sebahagian dari Hilir Perak dan Muallim sebahagian dari Batang Padang

RM  
4,273

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Perak 2019




RM  
4,636

Manjung pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi 2016

2.2%

Purata pertumbuhan tahunan pendapatan kasar isi rumah bulanan penengah, 2016-2019

**Carta 3.16** Pendapatan penengah isi rumah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016 dan 2019



**Ketaksamarataan pendapatan**

Nilai pekali Gini meningkat kepada 0.377 pada tahun 2019 daripada 0.362 pada tahun 2016. Ini menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan isi rumah di Perak semakin melebar.

**Taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan**


Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan pula menunjukkan isi rumah T20 di Perak pada tahun 2019 menerima pendapatan penengah sebanyak RM10,308 diikuti isi rumah M40 (RM5,041) dan isi rumah B40 (RM2,614).

**Kemiskinan**

Pada tahun 2019, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti. Nilai purata PGK Perak ialah RM2,077 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,102 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.5 orang.

Insiden kemiskinan mutlak Perak bertambah baik daripada 8.2<sup>6</sup> peratus pada 2016 kepada 7.3 peratus. Dalam tempoh yang sama, insiden kemiskinan mutlak di luar bandar mencatatkan penurunan kepada 10.6 peratus (2016:14.5%) manakala di bandar mencatatkan peningkatan daripada 6.4<sup>6</sup> peratus kepada 6.5 peratus pada tahun 2019. Sementara itu, kemiskinan tegar direkodkan sebanyak 0.5 peratus pada tahun 2019 (2016: 0.9%). Nilai kemiskinan relatif pada 2019 adalah 11.3 peratus berbanding 14.1 peratus pada tahun 2016.

**Paparan 3.14** Agihan pendapatan dan pendapatan isi rumah penengah mengikut kumpulan isi rumah desil, Perak, 2019



Petunjuk:

- Agihan pendapatan
- Pendapatan isi rumah penengah

<sup>6</sup>Disemak semula berdasarkan metodologi PGK 2019

## PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

### Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Perak meningkat daripada RM3,233 pada tahun 2016 kepada RM3,564 pada tahun 2019 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 3.2 peratus.

Empat kumpulan utama perbelanjaan oleh isi rumah di Perak kekal tidak berubah pada 2019 berbanding 2016 iaitu keutamaan kepada perbelanjaan untuk perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (20.7%), makanan & minuman bukan alkohol (19.6%), restoran & hotel (14.1%) dan pengangkutan (13.3%) yang menyumbang 67.7 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah.

RM  
**3,564**


Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Perak, 2019



**67.7%**

Perbelanjaan utama 2019 : perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain, makanan & minuman bukan alkohol, restoran & hotel dan pengangkutan

**Carta 3.17** Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Perak, 2016 dan 2019



Kumpulan utama perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain mencatatkan peningkatan 0.5 mata peratus, diikuti restoran & hotel 0.1 mata peratus. Sementara itu, perbelanjaan ke atas makanan & minuman bukan alkohol serta pengangkutan masing-masing menurun 0.6 dan 0.1 mata peratus berbanding 2016. Kumpulan perbelanjaan lain yang juga terdiri daripada barangan dan perkhidmatan keperluan asas seperti kesihatan dan komunikasi turut meningkat dari segi komposisi perbelanjaan manakala pendidikan kekal pada 1.1 peratus daripada jumlah perbelanjaan isi rumah.

### Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran pula merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Kinta dan terendah di daerah Kampar. Secara perbandingan, empat daerah pentadbiran yang mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri adalah Kinta (RM3,881), Kerian (RM3,751), Manjung (RM3,742) dan Larut & Matang (RM3,692).

RM  
3,881


**Kinta** merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tertinggi, 2019



4  
negeri

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri

**Carta 3.18** Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2019



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



# 4 STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

## ○ STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

- Statistik utama pelancongan domestik
- Pelawat domestik
- Perjalanan pelancongan domestik
- Perbelanjaan pelancongan domestik

## ○ STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PERAK

- Kedatangan pelawat
- Negeri asal pelancong
- Destinasi tumpuan utama pelawat domestik





# STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK



## STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

### Statistik utama pelancongan domestik

Pada tahun 2019, seramai 239.1 juta pelawat<sup>1</sup> domestik dicatatkan dengan pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (7.7%). Jadual 4.1 menunjukkan sejumlah 332.4 juta perjalanan pelancongan berbanding 302.4 juta perjalanan pelancongan pada tahun 2018.

Perbelanjaan pelancongan domestik kekal mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 11.5 peratus pada tahun 2019 (2018: 11.4%). Sejumlah RM103.2 bilion telah dibelanjakan bagi pelancongan domestik pada tahun 2019 berbanding RM92.6 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan yang direkodkan adalah RM310 dengan peningkatan sebanyak 1.4 peratus pada tahun 2019. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada tahun 2019 adalah 2.52 hari.

**Jadual 4.1** Statistik utama pelancongan domestik, 2018-2019

Statistik utama	2018	2019	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat (juta)	221.3	239.1	8.1
Bilangan perjalanan (juta)	302.4	332.4	9.9
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	92.6	103.2	11.5
Purata perjalanan	1.37	1.39	1.7
Purata bilangan hari menginap (hari)	2.44	2.52	3.1
Purata perbelanjaan (RM)	306	310	1.4

<sup>1</sup> Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.

239.1  
juta

Jumlah pelawat domestik, 2019



Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan **tertinggi** pada tahun 2019

RM  
103.2  
bilion

Perbelanjaan pelawat domestik, 2019

**8.3%**

**Peningkatan**  
bilangan  
pelancong pada  
tahun 2019

**65.8%**

**Sumbangan**  
perjalanan harian  
pada tahun 2019

## Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2019 adalah seramai 154.4 juta orang dengan peningkatan sebanyak 8.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong meningkat daripada 78.2 juta orang pada tahun 2018 kepada 84.7 juta orang (Jadual 4.2).


**Jadual 4.2** Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2018-2019

Jenis pelawat	2018	2019	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	143.0	154.4	8.0
Pelancong	78.2	84.7	8.3
Jumlah	221.3	239.1	8.1

## Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2019, peratus sumbangan perjalanan harian dan bermalam masing-masing adalah 65.8 peratus dan 34.2 peratus. Peratus sumbangan perjalanan bermalam meningkat sebanyak 0.6 mata peratus berbanding yang dicatatkan pada tahun 2018 iaitu 33.6 peratus (Paparan 4.1).


**Paparan 4.1** Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2018-2019



## Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik pada tahun 2019 dipacu oleh pertumbuhan perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Jumlah perbelanjaan pelancong merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 12.3 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9.9 peratus iaitu meningkat kepada RM35.3 bilion seperti yang ditunjukkan di Paparan 4.2.

**Paparan 4.2** Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2018-2019



**11.5%**  
Peningkatan perbelanjaan pelancongan domestik tahun 2019

**21.1 juta**  
Ketibaan pelawat domestik di **Perak** pada tahun 2019

**2.90 juta**  
Pelancong dari **Selangor** yang mengunjungi negeri Perak

**STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PERAK**

**Kedatangan pelawat**

Perak menerima seramai 21.1 juta pelawat domestik pada tahun 2019 dengan pertumbuhan sebanyak 20.0 peratus. Sementara itu, bilangan kedatangan pelancong ke Perak pada tahun 2019 adalah sebanyak 10.12 juta orang. Jumlah pelancong mencatatkan pertumbuhan sebanyak 33.8 peratus berbanding tahun 2018 (Jadual 4.3).


**Jadual 4.3** Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Perak, 2018-2019

Jenis pelawat	2018	2019	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	7.56	10.12	33.8
Pelawat domestik	17.55	21.07	20.0

**Negeri asal pelancong**

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi negeri Perak pada tahun 2019. Berdasarkan survei, pelancong berasal dari negeri Selangor adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 2.90 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Perak (2.49 juta pelancong), W.P. Kuala Lumpur (1.47 juta pelancong), Pulau Pinang (0.71 juta pelancong) dan Negeri Sembilan (0.68 juta pelancong).

**Carta 4.1** Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Perak, 2019



**Lumut**

Diisytiharkan sebagai **Bandar Tentera Laut, Pelancongan, dan Maritim** pada tahun 2009



**Zoo Taiping**

Zoo **pertama** di Malaysia yang menganjurkan Night Safari

### Destinasi tumpuan utama pelawat domestik

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perak pada tahun 2019, iaitu Pulau Pangkor, Tambun, Teluk Batik, Taiping dan Taman Rekreasi Gunung Lang.

**Paparan 4.3** Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perak, 2019





# 5 **STATISTIK AKAUN KERAJAAN**

## ○ **STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

- Hasil kerajaan persekutuan
- Perbelanjaan kerajaan persekutuan

## ○ **STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI**

- Hasil kerajaan negeri
- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri
- Surplus/defisit kerajaan negeri

## ○ **PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

## ○ **STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI PERAK**

- Hasil kerajaan negeri Perak
- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak
- Surplus/defisit kerajaan negeri Perak
- Pihak berkuasa tempatan Perak





# STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

## STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

### Hasil kerajaan persekutuan

Hasil kerajaan persekutuan pada tahun 2018 mencatatkan pertumbuhan 5.7 peratus kepada RM232.9 bilion berbanding RM220.4 bilion pada tahun 2017 (Jadual 5.1).

**Jadual 5.1** Hasil kerajaan persekutuan, 2017-2018

Hasil	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2017	2018	
Hasil cukai	177.7	174.1	-2.0
Hasil bukan cukai	42.7	58.8	37.6
<b>Jumlah hasil</b>	<b>220.4</b>	<b>232.9</b>	<b>5.7</b>

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia

Berdasarkan Laporan Ekonomi 2018 yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, peningkatan hasil disumbangkan oleh kutipan hasil bukan cukai (termasuk terimaan bukan hasil) yang bertumbuh sebanyak 37.6 peratus. Hasil cukai yang mewakili 74.8 peratus daripada jumlah hasil kekal sebagai penyumbang utama hasil kerajaan persekutuan.

### Perbelanjaan kerajaan persekutuan

Pada tahun 2018, perbelanjaan mengurus kerajaan persekutuan bertumbuh sebanyak 6.1 peratus iaitu meningkat kepada RM231.0 bilion daripada RM217.7 bilion pada tahun sebelumnya (Jadual 5.2). Sementara itu, perbelanjaan pembangunan pula mencatatkan pertumbuhan 23.2 peratus, meningkat kepada RM55.3 bilion berbanding RM44.9 bilion pada tahun 2017.

**Jadual 5.2** Perbelanjaan kerajaan persekutuan, 2017-2018

Perbelanjaan (RM bilion)	2017	2018	Pertumbuhan (%)
Perbelanjaan mengurus	217.7	231.0	6.1
Perbelanjaan pembangunan	44.9	55.3	23.2

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia

5.7%

Pertumbuhan hasil kerajaan persekutuan pada tahun 2018



23.2%

Pertumbuhan perbelanjaan pembangunan kerajaan persekutuan pada tahun 2018

## STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

### Hasil kerajaan negeri

Hasil dalam konteks kerajaan negeri terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang meliputi beberapa sumber seperti hasil tanah, hasil hutan, hasil daripada lesen, duti hiburan dan bayaran lain. Hasil ini akan digunakan untuk kesejahteraan rakyat termasuk membiayai kos penyelenggaraan bandar atau kawasan seperti kos mengangkut sampah, membersihkan longkang, memperindah landskap, membayar bil lampu jalan dan sebagainya.


Pada tahun 2018, kerajaan negeri Sarawak mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM7.2 bilion (2017: RM6.9 bilion) dengan peningkatan 4.9 peratus (Carta 5.1). Ia disumbangkan terutamanya oleh hasil bukan cukai dengan sumbangan sebanyak 75.1 peratus dan bertumbuh 6.2 peratus pada tahun 2018.

Negeri Sabah pula merekodkan kutipan hasil kedua tertinggi berjumlah RM4.2 bilion berbanding RM3.9 bilion pada tahun 2017. Kenaikan ini juga didorong oleh hasil bukan cukai yang meningkat sebanyak 19.7 peratus.

Sementara itu, beberapa negeri dilihat merekodkan penurunan dalam kutipan hasil bagi tahun 2018. Antaranya adalah kerajaan negeri Selangor yang mencatatkan pengurangan sebanyak 28.9 peratus iaitu daripada RM2.8 bilion kepada RM2.0 bilion pada tahun 2018. Selain itu, kerajaan negeri Terengganu, Johor, Perak dan Kedah mencatatkan penurunan kutipan hasil pada tahun 2018.



**Carta 5.1** Kutipan hasil kerajaan negeri, 2017-2018



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

**Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri**

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Pada tahun 2018, kerajaan negeri Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi berjumlah RM7.1 bilion berbanding RM5.8 bilion pada tahun sebelumnya dengan peratus perubahan sebanyak 22.0 peratus (Carta 5.2). Perbelanjaan mengurus bagi kerajaan negeri Sarawak didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan lain.

Sementara itu, perbelanjaan mengurus bagi kerajaan negeri Sabah pula mencatatkan peningkatan daripada RM3.8 bilion kepada RM4.1 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.3 bilion atau 6.9 peratus. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh perbelanjaan lain yang mencatatkan perubahan sebanyak 22.9 peratus.

Walau bagaimanapun, lima negeri mencatatkan penurunan dalam perbelanjaan mengurus iaitu kerajaan negeri Selangor (RM2.6 bilion), Terengganu (RM1.9 bilion), Johor (RM1.5 bilion), Perak (RM1.1 bilion) dan Kedah (RM0.6 bilion) pada tahun 2018.


**RM 7.1 bilion**

**Sarawak** mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi



**5 negeri** mencatatkan penurunan dalam perbelanjaan mengurus

**Carta 5.2 Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2017-2018**



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

**7**  
negeri

mencatatkan **surplus** pada tahun 2018



RM  
**942.9**  
juta

jumlah penurunan surplus bagi kerajaan negeri **Sarawak** pada tahun 2018


### Surplus/defisit kerajaan negeri

Penyata Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Secara keseluruhannya, kerajaan negeri Sarawak mencatatkan surplus sebanyak RM110.1 juta (2017: RM1,053.1 juta). Walau bagaimanapun, surplus ini telah menunjukkan penurunan sebanyak 89.5 peratus berbanding tahun 2017. Penurunan surplus ini adalah disebabkan peningkatan dalam caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun bagi membiayai peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan.

Selain itu, kerajaan negeri Sabah juga merekodkan surplus semasa berjumlah RM62.6 juta berbanding RM56.7 juta pada tahun 2017 dengan peningkatan 10.4 peratus.

Sementara itu, terdapat enam negeri mencatatkan defisit pada tahun 2018 iaitu kerajaan negeri Melaka, Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Selangor seperti di Carta 5.3.

**Carta 5.3** Surplus/defisit mengikut negeri, 2017-2018 - RM juta



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

## PIHAK BERKUASA TEMPATAN

PBT diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang merupakan medium atau perantara di antara kerajaan negeri dan rakyat. Peranannya adalah menyediakan perkhidmatan serta memastikan setiap polisi terlaksana secara adil untuk semua peringkat masyarakat. Terdapat tiga kategori PBT di Malaysia iaitu dewan/majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah. Sebanyak 154 PBT (termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan agensi diberi kuasa PBT), iaitu 14 dewan/majlis bandaraya (DB/MB), 40 majlis perbandaran (MP) dan 95 majlis daerah (MD) dengan fungsi, tugas atau bidang kuasa yang berbeza antara satu sama lain. Terdapat lima badan lain yang diberi kuasa oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan fungsi PBT seperti PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Lembaga Pembangunan Tioman dan PBT Pengerang.

### Prestasi kewangan PBT

Prestasi kewangan PBT diukur berdasarkan pendapatan yang diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran. Kutipan cukai taksiran ini lazimnya akan dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya. Berikut adalah PBT yang memperoleh pendapatan tertinggi mengikut tiga kategori PBT iaitu dewan/majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah:

#### a. Dewan/majlis bandaraya

Daripada keseluruhan 14 dewan/majlis bandaraya, 10 dewan/majlis bandaraya telah mencatatkan prestasi kewangan tertinggi yang melibatkan pihak berkuasa tempatan daripada W.P. Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Secara umumnya, terdapat enam dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2018. Namun, empat majlis bandaraya memperlihatkan prestasi yang lebih rendah terdiri daripada Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah seperti di Carta 5.4.

Melihat daripada aspek pendapatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merekodkan pendapatan tertinggi sebanyak RM3.6 bilion dengan pertumbuhan positif dua angka 13.8 peratus pada tahun 2018. Selain itu, Majlis Bandaraya Shah Alam dan

**154**  
PBT

**14** Dewan/majlis bandaraya  
**40** Majlis perbandaran  
**95** Majlis daerah  
**5** Agensi diberi kuasa PBT



**RM**  
**3.6**  
bilion

Pendapatan  
**DBKL**  
pada tahun 2018




11.5%

Pertumbuhan positif MB Kuching Selatan pada tahun 2018

13.8%

Pertumbuhan DBKL pada tahun 2018

**Carta 5.4 Prestasi kewangan 10 dewan/majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2017-2018**



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia  
 \* Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Majlis Bandaraya Petaling Jaya masing-masing memperoleh pendapatan sebanyak RM434.6 juta dan RM365.9 juta. Di Johor pula, Majlis Bandaraya Johor Bahru memperoleh pendapatan sebanyak RM404.4 juta, manakala Majlis Bandaraya Iskandar Puteri merekodkan pendapatan sebanyak RM274.1 juta.


Pada masa yang sama, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang memperoleh pendapatan sebanyak RM234.5 juta dan RM379.3 juta pada tahun 2018. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah merekodkan pendapatan sebanyak RM197.2 juta manakala Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan masing-masing memperoleh pendapatan sebanyak RM142.0 juta dan RM117.9 juta.

**b. Majlis perbandaran**

Daripada keseluruhan 40 majlis perbandaran, 10 majlis perbandaran dengan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan negeri Pulau Pinang, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Pahang (Carta 5.5).

Pada tahun 2018, Majlis Perbandaran Seberang Perai memperoleh pendapatan tertinggi iaitu RM292.5 juta (2017: RM262.9 juta). Pada masa yang sama, terdapat enam majlis perbandaran di Selangor berada dalam kelompok penyumbang tertinggi di kalangan majlis perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (RM291.6 juta), Majlis Perbandaran Klang (RM255.8 juta), Majlis Perbandaran Selangor (RM224.2 juta), Majlis Perbandaran Kajang (RM203.6 juta), Majlis Perbandaran Sepang (RM185.2 juta) dan Majlis Perbandaran

**Carta 5.5 Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2017-2018**



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia  
 \* Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

**11.3%**  
 Pertumbuhan  
**Majlis Perbandaran Seberang Perai**  
 pada tahun 2018

**4**  
**Majlis daerah di Selangor**  
 rekodkan prestasi kewangan yang lebih baik

Ampang Jaya (RM144.2 juta). Sementara itu, Majlis Perbandaran Kuantan pula mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM123.9 juta pada tahun 2018 (2017: RM121.4 juta).

Melihat prestasi kewangan di selatan, Majlis Perbandaran Pasir Gudang merekodkan perolehan sebanyak RM180.7 juta (2017: RM156.0 juta), manakala di Negeri Sembilan pula, Majlis Perbandaran Seremban merekodkan perolehan sebanyak RM126.0 juta (2017: RM128.6 juta).

**c. Majlis daerah**

Daripada 95 majlis daerah, 10 majlis daerah menunjukkan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan di negeri Selangor, Kelantan, Johor, Terengganu, Sabah dan Perak.

Secara keseluruhannya, semua majlis daerah merekodkan prestasi kewangan yang lebih baik kecuali Majlis Daerah Penampang dan Majlis Daerah Kota Tinggi. Di Selangor terdapat empat majlis daerah merekodkan prestasi kewangan yang baik, iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor dengan pendapatan sebanyak RM108.3 juta pada tahun 2018 (2017: RM83.5 juta) seperti pada Carta 5.6. Ini diikuti oleh Majlis Daerah Kuala Langat (RM80.8 juta), Majlis Daerah Kuala Selangor (RM64.1 juta) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (RM27.9 juta).

Sementara itu, Majlis Daerah Pontian juga merekodkan prestasi kewangan yang positif pada tahun 2018 dengan pendapatan berjumlah RM39.4 juta. Namun, Majlis Daerah Kota Tinggi




**239.8%**

**Pertumbuhan  
MD Tumpat  
pada tahun  
2018**

**29.8%**

**Pertumbuhan  
MD  
Hulu Selangor  
pada tahun  
2018**

**Carta 5.6 Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2017-2018**



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia  
\* Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

merekodkan pertumbuhan negatif dengan mencatatkan prestasi kewangan sebanyak RM23.4 juta pada tahun 2018 berbanding RM37.2 juta pada tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, Majlis Daerah Tumpat memperlihatkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 239.8 peratus dengan perolehan pendapatan RM39.4 juta pada tahun 2018 (2017: RM11.6 juta). Majlis Daerah Penampang dan Majlis Daerah Kampar mencatatkan perolehan pendapatan masing-masing sebanyak RM25.4 juta dan RM24.6 juta pada tahun 2018. Di Terengganu, Majlis Daerah Marang merekodkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu 119.3 peratus dengan merekodkan perolehan sebanyak RM29.4 juta pada tahun 2018 berbanding RM13.4 juta pada tahun sebelumnya.

# STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI PERAK

## Hasil kerajaan negeri Perak


Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2018, kutipan hasil kerajaan negeri Perak adalah sebanyak RM1,069.2 juta berbanding RM1,070.3 juta pada tahun 2017. Penyumbang terbesar hasil kerajaan negeri Perak adalah hasil cukai dan hasil bukan cukai dengan merekodkan sumbangan sebanyak 80.1 peratus seperti pada Carta 5.7.

**RM 1,069.2 juta**  
Hasil kerajaan negeri **Perak** pada tahun 2018



**40.7%**  
Jumlah sumbangan **hasil cukai** pada tahun 2018


**Carta 5.7 Hasil kerajaan negeri Perak, 2018**



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Kutipan hasil kerajaan negeri menunjukkan peningkatan sepanjang bagi tahun 2015 hingga 2017 seperti di Carta 5.8. Tahun 2017 merekodkan kutipan hasil tertinggi dan bertumbuh 5.8 peratus. Namun, pertumbuhan pada tahun 2018 menyusut kepada 0.1 peratus.

**Carta 5.8 Siri masa hasil kerajaan negeri Perak, 2015-2018**



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

RM  
**298.3**  
juta

**Cukai tanah**  
merupakan  
hasil cukai  
tertinggi,  
2018



**-0.7%**

Penurunan  
perbelanjaan  
**Perak** pada  
tahun 2018

Hasil kerajaan negeri Perak disumbangkan oleh lima sumber utama dengan sumbangan tertinggi melalui cukai tanah yang mencatat perolehan RM298.3 juta dan diikuti perolehan daripada jualan barang-barang sebanyak RM243.1 juta. Tiga lagi sumber hasil yang menyumbang kepada pendapatan kerajaan negeri Perak adalah terimaan daripada agensi kerajaan yang lain, royalti dan keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan (Jadual 5.3).

**Jadual 5.3** Perbandingan penyumbang utama hasil kerajaan negeri Perak, 2017-2018

Penyumbang utama hasil	RM juta	
	2017	2018
Cukai tanah	305.7	298.3
Perolehan daripada jualan barang-barang	203.3	243.1
Terimaan daripada agensi kerajaan yang lain	145.3	195.5
Royalti	138.9	99.8
Keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan	59.6	58.7
<b>Jumlah</b>	<b>852.9</b>	<b>895.2</b>


Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

### Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 berjumlah RM1,140.9 juta berbanding RM1,172.1 juta. Sejumlah RM1,059.2 juta atau 92.8 peratus telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan.

Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak telah menurun sejumlah RM7.4 juta iaitu daripada RM1,066.7 juta pada tahun 2017 kepada RM1,059.2 juta pada tahun 2018 (Carta 5.9).

**Carta 5.9** Siri masa perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak, 2015-2018



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Secara keseluruhannya, semua butiran perbelanjaan di Perak mencatatkan peningkatan kecuali perbelanjaan pemberian & kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan lain. Kedua-dua perbelanjaan ini mencatatkan pengurangan sebanyak RM24.8 juta pada tahun 2018. Namun, perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta aset merekodkan peningkatan masing-masing sebanyak RM11.0 juta, RM5.8 juta dan RM0.6 juta seperti pada Jadual 5.4.

**Jadual 5.4** Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak, 2017-2018

Butiran perbelanjaan	RM juta		Perubahan	
	2017	2018	RM juta	%
Emolumen	330.4	341.4	11.0	3.3
Perkhidmatan dan bekalan	234.7	240.5	5.8	2.5
Aset	11.9	12.4	0.6	4.7
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	488.1	463.5	-24.6	-5.0
Perbelanjaan lain	1.6	1.4	-0.2	-14.4
<b>Jumlah</b>	<b>1,066.7</b>	<b>1,059.2</b>	<b>-7.42</b>	<b>-0.7</b>

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

### Surplus/defisit kerajaan negeri Perak

Kerajaan negeri Perak mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan surplus semasa berjumlah RM9.9 juta berbanding surplus bernilai RM3.7 juta pada tahun sebelumnya dengan penurunan sebanyak RM6.3 juta seperti pada Jadual 5.5.

**Jadual 5.5** Surplus/defisit kerajaan negeri Perak, 2017-2018

Butiran	RM juta		Perubahan	
	2017	2018	RM juta	%
Hasil	1,070.3	1,069.2	-1.2	-0.1
Perbelanjaan mengurus	1,066.7	1,059.2	-7.4	-0.7
<b>Surplus/defisit</b>	<b>3.7</b>	<b>9.9</b>	<b>6.3</b>	<b>170.3</b>

Sumber : Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

3.3%

**Peningkatan perbelanjaan emolumen negeri Perak pada tahun 2018**



RM 9.9 juta

**Surplus kerajaan negeri Perak pada tahun 2018**


# PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI PERAK



**ULU PERAK**  
mempunyai tiga PBT  
iaitu **MD Gerik**,  
**MD Pengkalan Hulu** dan  
**MD Lenggong**



**MB IPOH**  
merekodkan  
pendapatan **tertinggi**  
pada tahun 2018 iaitu  
**RM234.5 juta**



Petunjuk:



Jumlah penduduk 2019 ('000)



Pihak berkuasa tempatan



Pendapatan PBT 2018

Nota:

- Data di peringkat daerah pentadbiran merujuk kepada unjuran penduduk (semakan semula) berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2010.
- Data Penduduk telah dibundarkan kepada ribu terhampir.
- \* Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

## Pihak berkuasa tempatan Perak

Pada tahun 2018, Majlis Bandaraya Ipoh mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM234.5 juta. Dari aspek perbelanjaan, sejumlah RM209.3 juta telah direkodkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh pada tahun 2018. Jumlah pendapatan melebihi perbelanjaan meletakkan kedudukan kewangan majlis ini pada kadar surplus bernilai RM25.2 juta.

Dalam kumpulan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Manjung merekodkan perolehan pendapatan tertinggi pada tahun 2018 iaitu sebanyak RM81.4 juta. Pada masa yang sama, Majlis Perbandaran Manjung juga mencatatkan surplus tertinggi berjumlah RM20.4 juta berikutan peningkatan pendapatan cukai taksiran dan sumbangan daripada agensi kerajaan dan swasta serta penurunan perbelanjaan bagi alat-alat ganti. Selain itu, Majlis Perbandaran Taiping dan Majlis Perbandaran Teluk Intan mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan masing-masing mencatatkan surplus RM8.5 juta dan RM4.7 juta manakala Majlis Perbandaran Kuala Kangsar juga merekodkan surplus berjumlah RM2.3 juta pada tahun 2018.

Dalam kumpulan majlis daerah, Majlis Daerah Kampar merekodkan pendapatan tertinggi berbanding sembilan majlis daerah yang lain di Perak dengan jumlah pendapatan sebanyak RM24.6 juta pada tahun 2018. Terdapat tujuh buah majlis daerah merekodkan surplus manakala tiga lagi majlis daerah mencatatkan kedudukan kewangan defisit iaitu Majlis Daerah Batu Gajah (RM0.4 juta), Majlis Daerah Perak Tengah (RM0.1 juta) dan Majlis Daerah Lenggong (RM0.2 juta).

Sebahagian daripada pendapatan bagi PBT di Perak diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran ke atas penduduk. Cukai taksiran merupakan cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan menjadi penyumbang utama kepada hasil pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya. Sehingga akhir tahun 2018, PBT di Perak telah mengutip cukai taksiran berjumlah RM266.9 juta berbanding tahun sebelumnya (2017: RM254.8 juta). Hasil cukai taksiran ini meningkat sebanyak 4.7 peratus.

Pada tahun 2018, kesemua PBT Perak menunjukkan peningkatan jumlah cukai taksiran kecuali Majlis Daerah Tapah mengalami penurunan marginal sebanyak RM10.0 ribu iaitu daripada

RM  
**234.5**  
juta

Jumlah  
pendapatan  
MB Ipoh



RM  
**20.4**  
juta

Surplus bagi  
MP Manjung  
pada tahun 2018

**Jadual 5.6** Kedudukan kewangan PBT Perak, 2017-2018 - RM juta

Pihak berkuasa tempatan	2017			2018		
	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit
Majlis Bandaraya Ipoh*	243.9	198.2	45.6	234.5	209.3	25.2
Majlis Perbandaran Manjung	80.9	64.0	16.8	81.4	61.0	20.4
Majlis Perbandaran Taiping*	51.0	48.6	2.5	58.9	50.4	8.5
Majlis Perbandaran Teluk Intan	26.7	27.8	-1.1	33.4	28.6	4.7
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar*	26.2	22.8	3.5	28.1	25.8	2.3
Majlis Daerah Kampar	20.0	21.4	-1.5	24.6	19.8	4.8
Majlis Daerah Tanjong Malim	15.4	16.7	-1.3	22.3	16.4	5.9
Majlis Daerah Batu Gajah	18.8	20.0	-1.2	20.8	21.2	-0.4
Majlis Daerah Kerian	22.5	17.8	4.7	20.0	18.1	2.0
Majlis Daerah Tapah	14.0	12.8	1.2	13.3	13.2	0.2
Majlis Daerah Perak Tengah	12.1	13.1	-1.1	13.0	13.1	-0.1
Majlis Daerah Gerik	7.2	7.3	-0.1	7.7	7.4	0.3
Majlis Daerah Selama	5.2	5.0	0.1	5.8	5.1	0.7
Majlis Daerah Pengkalan Hulu	4.4	4.8	-0.4	5.2	4.5	0.7
Majlis Daerah Lenggong	5.2	5.0	0.2	4.7	4.9	-0.2

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

\* Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

RM5.19 juta pada tahun 2017 kepada RM5.18 juta pada tahun 2018 seperti pada Carta 5.10.

Penyumbang utama peningkatan jumlah cukai taksiran dicatatkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh yang menyumbang sebanyak 50.3 peratus kepada hasil cukai taksiran di Perak. Majlis ini memperoleh hasil cukai taksiran sebanyak RM134.3 juta pada tahun 2018 (2017: RM130.0 juta).

Bagi kumpulan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Manjung merekodkan peningkatan dalam perolehan hasil kutipan cukai taksiran sebanyak 6.2 peratus iaitu daripada RM36.6 juta pada tahun 2017 kepada RM38.8 juta pada tahun 2018. Tiga majlis perbandaran lain turut mencatatkan peningkatan iaitu Majlis Perbandaran Taiping (2.7%), Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (2.2%) dan Majlis Perbandaran Teluk Intan (3.0%).

Bagi kumpulan majlis daerah pula, perolehan cukai taksiran tertinggi direkodkan oleh Majlis Daerah Kampar berjumlah RM10.9 juta berbanding RM10.5 juta pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Majlis Daerah dan Batu Gajah dan Majlis Daerah Tanjong Malim masing-masing merekodkan hasil cukai taksiran sebanyak RM10.4 juta dan RM8.8 juta.

**3.3%**


Peningkatan hasil cukai taksiran **MB Ipoh**



**2.7%**

Peningkatan hasil cukai taksiran **MP Taiping**

**Carta 5.10 Hasil cukai taksiran PBT Perak, 2017-2018**



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



# 6 NOTA TEKNIKAL

- AKAUN NEGARA
- INDEKS HARGA PENGGUNA
- PENDUDUK
- TENAGA BURUH
- GAJI & UPAH
- STATISTIK SISWAZAH
- PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH
- PELANCONGAN DOMESTIK





---

# AKAUN NEGARA

---

## KONSEP

### 1. PENGENALAN

## DEFINISI

Penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Negeri di Malaysia merangkumi 13 buah negeri, W.P. Kuala Lumpur (termasuk W.P. Putrajaya) dan W.P. Labuan. Penerbitan ini menyediakan anggaran tahunan pada harga malar 2015 bagi tahun 2015 hingga 2019 mengikut kaedah pengeluaran. Konsep dan kaedah yang digariskan adalah berasaskan 2008 SNA yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

### 2. KONSEP KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu, kaedah pengeluaran (penjumlahan nilai ditambah), perbelanjaan (penjumlahan perbelanjaan akhir) dan pendapatan (penjumlahan pendapatan yang diagihkan oleh unit pengeluar residen). Walau bagaimanapun, penerbitan ini hanya menumpu kepada kaedah pengeluaran sahaja.

Pada asasnya KDNK ialah konsep nilai ditambah. Ia adalah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluar residen ditambah dengan cukai dan ditolak subsidi atas produk yang tidak termasuk dalam pengiraan output.

#### 2.1 Pendekatan pengeluaran

KDNK berasaskan pendekatan pengeluaran (output) boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran (penggunaan perantaraan) sebelum ditolak penggunaan modal tetap.

Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah kerana ia bersamaan dengan penjumlahan nilai ditambah iaitu jumlah perbezaan di antara nilai output kasar unit pengeluaran residen (yang diukur dalam harga pengeluar) dengan nilai penggunaan perantaraan (yang diukur dalam nilai pembeli) dan ditambah dengan duti import. Perbezaan di antara output kasar dengan penggunaan perantaraan adalah nilai ditambah. Kaedah ini akan dapat menunjukkan sumbangan setiap aktiviti ekonomi terhadap keseluruhan KDNK.

Unit pengeluaran dianggap sebagai residen yang mana individu atau isi rumah yang tinggal atau menetap di sesebuah negeri bagi tempoh tidak kurang dari satu tahun, manakala bagi pertubuhan pula ialah apabila ia mengekalkan pusat

---

# AKAUN NEGARA

---

## KONSEP

## DEFINISI

kepentingan ekonominya di wilayah ekonomi negeri tersebut sepanjang tempoh rujukan berkenaan. Wilayah ekonomi adalah terdiri daripada mana-mana kawasan geografi yang ditadbir oleh kerajaan negeri, di mana orang, barang, perkhidmatan, dan modal adalah bergerak secara bebas. KDNK pada harga pasaran/pembeli mewakili keputusan akhir daripada aktiviti pengeluaran oleh unit pengeluar residen.

Sesuatu unit institusi dianggap residen bagi sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya perkaitan yang kuat antara unit institusi tersebut di wilayah ekonomi tertentu, dengan kata lain pusat kepentingan ekonomi utama (2008 SNA).

### 2.2 Pusat kepentingan ekonomi utama

Pusat kepentingan ekonomi utama merangkumi kawalan efektif sesebuah kerajaan negeri terhadap aktiviti ekonomi yang dilakukan khususnya ke atas hak pemilikan. Wilayah ekonomi adalah termasuk tanah, ruang udara, pengairan, hak ke atas perikanan, minyak atau mineral. Biasanya, kawalan efektif kerajaan negeri boleh dilihat melalui pemberian lesen, kawalan operasi dan sebagainya.

Sesuatu unit institusi mempunyai pusat kepentingan ekonomi yang dominan dalam sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya lokasi, tempat kediaman, tempat pengeluaran atau lain-lain premis. Setiap unit tersebut terlibat dalam aktiviti ekonomi dan transaksi berskala besar bagi satu tempoh masa yang panjang.

Berdasarkan 2008 SNA, terdapat tiga jenis unit institusi iaitu yang mempunyai pusat kepentingan ekonomi dan kebanyakan aktiviti adalah di dalam lingkungan satu wilayah; unit pelbagai wilayah dengan pusat kepentingannya di beberapa wilayah tetapi bukan seluruh negara; dan unit yang beroperasi pada peringkat nasional, iaitu pusat kepentingannya tidak boleh dikaitkan dengan kedudukan geografi (negeri Supra).

### 2.3 Negeri Supra

Negeri Supra pada peringkat negeri adalah bersamaan dengan organisasi luar wilayah pada peringkat nasional. Di Malaysia, negeri Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri.

---

# AKAUN NEGARA

---

## KONSEP

### 2.4 KDNK pada harga malar

## DEFINISI

KDNK pada harga malar adalah nilai KDNK tanpa kesan harga berdasarkan tingkat harga terpilih pada tahun rujukan/asas. Sebagai satu kaedah mengukur pengeluaran, KDNK mengukur jumlah nilai pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh residen sesebuah negara dalam tempoh tertentu sebelum ditolak peruntukan untuk penggunaan modal tetap.

Pengukuran nilai barangan dan perkhidmatan dalam bentuk wang (Ringgit Malaysia) bergantung kepada perubahan harga dan kuantiti. Pengasingan kesan harga daripada penganggaran nilai adalah penting bagi membolehkan perbandingan sebenar iaitu perubahan tingkat/kuantiti barang dan perkhidmatan yang berlaku dalam aktiviti ekonomi dapat diukur.

Kaedah deflasi terbahagi kepada deflasi tunggal dan deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan siri harga malar. Kaedah deflasi tunggal mengeluarkan pengaruh harga daripada output atau input yang telah dianggarkan manakala kaedah deflasi berganda pula mengeluarkan pengaruh harga daripada kedua-dua output dan input. Oleh yang demikian, nilai ditambah adalah perbezaan daripada hasil tolak output dan input. Kaedah deflasi berganda digunakan secara meluas dalam KDNK bagi kaedah pengeluaran.

### 3. SKOP DAN LIPUTAN

Penyusunan KDNK mengikut negeri mengguna pakai *MSIC 2008* sebagai asas penyusunan. Ini adalah sejajar dengan liputan banci dan penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. *MSIC 2008* adalah berasaskan *ISIC Rev. 4*. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penyusunan ini, aktiviti ekonomi telah diagregatkan mengikut kesediaan data.

### 4. SEMAKAN DAN PENYELARASAN

KDNK Negeri bagi tahun 2017 telah dimuktamadkan berdasarkan data terkini antaranya penyiasatan tahunan dan penyata kewangan syarikat.

Bagi tahun 2018, semakan adalah berdasarkan data terkini banci/penyiasatan tahunan/dwi tahunan dan akaun syarikat/perusahaan individu.

---

## AKAUN NEGARA

---

### KONSEP

### DEFINISI

Penyusunan bagi tahun 2019 adalah berdasarkan maklumat terkini seperti penyiasatan suku tahunan dan data sekunder daripada pelbagai agensi.

#### 5. EKSPORT DAN IMPORT

Pintu keluar dan masuk.

Pintu keluar dan masuk merujuk kepada laluan untuk keluar atau masuk dari negara ini sama ada melalui laut, udara atau tanah (termasuk saluran paip dan kabel).

Nilai eksport atau import mengikut negeri berdasarkan pintu keluar dan masuk tidak menggambarkan eksport atau import oleh negeri berkenaan sebaliknya hanya melalui pintu keluar dan masuk di negeri tersebut sahaja. Sebagai contoh, sesuatu barangan mungkin dikeluarkan oleh syarikat di negeri A dan dieksport melalui pintu keluar di negeri B. Berdasarkan pintu keluar dan masuk, nilai eksport tersebut akan dilaporkan oleh negeri B.

Nilai eksport atau import mengikut pintu keluar dan masuk tidak dilaporkan bagi negeri yang mempunyai kurang daripada tiga pintu keluar dan masuk.

---

# INDEKS HARGA PENGGUNA

---

## KONSEP

### 1. INDEKS HARGA PENGGUNA

## DEFINISI

IHP mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi "bakul" tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. "Bakul" ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh di ukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Barangan dan perkhidmatan yang diliputi dalam "bakul" ini adalah luas, dikelaskan berpandu kepada United Nations "Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)" dalam dua belas kumpulan berikut:

- Makanan dan minuman bukan beralkohol
- Minuman beralkohol dan tembakau
- Pakaian dan kasut
- Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain
- Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah
- Kesihatan
- Pengangkutan
- Komunikasi
- Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan
- Pendidikan
- Restoran dan hotel
- Pelbagai barangan dan perkhidmatan

# PENDUDUK

## KONSEP

## DEFINISI

### 1. PENDUDUK

#### 1.1 Pertumbuhan penduduk

Pertumbuhan penduduk adalah perubahan penduduk sejajar dengan perubahan masa dan boleh dikira sebagai perubahan bilangan individu dalam penduduk menggunakan "per unit masa" sebagai pengukuran.

Formula:

$$\text{Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan} = \frac{1}{n} \ln \frac{P_{t+n}}{P_t} \times 100$$

di mana

- $P_t$  = bilangan penduduk pada tahun  $t$
- $P_{t+n}$  = bilangan penduduk pada tahun  $t+n$
- $n$  = bilangan tahun; dan
- $\ln$  = logaritma asli

#### 1.2 Kepadatan penduduk

Kepadatan penduduk sekilometer persegi telah dikira sebagai nisbah bilangan penduduk sesuatu kawasan geografi kepada keluasan dalam kilometer persegi bagi kawasan yang sama.

#### 1.3 Agama

Merujuk kepada pengenalan atau perkaitan seseorang individu kepada satu set atau sistem kepercayaan dan amalan kepercayaan tersebut.

#### 1.4 Etnik

Pengelasan etnik adalah seperti berikut:

Malaysia dan Semenanjung Malaysia	Sabah dan W. P. Labuan	Sarawak
Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia
Bumiputera Melayu	Bumiputera Melayu	Bumiputera Melayu
Bumiputera Lain	Kadazan/ Dusun Bajau Murut Bumiputera Lain	Iban Bidayuh Melanau Bumiputera Lain
Cina	Cina	Cina
India	India	India
Lain-lain	Lain-lain	Lain-lain
Bukan Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara Malaysia

---

# PENDUDUK

---

## KONSEP

## DEFINISI

1.5 Anggaran penduduk antara banci

Anggaran penduduk antara banci adalah anggaran penduduk bagi tarikh rujukan antara dua banci dan merupakan data siri masa anggaran penduduk yang muktamad. Data ini diselaraskan semula bagi setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan menggunakan set data kelahiran dan kematian muktamad. Kaedah yang digunakan adalah kaedah ketakatan ke hadapan dan ketakatan berbalik.

1.6 Anggaran penduduk semasa

Anggaran penduduk semasa merujuk kepada saiz penduduk semasa di sesuatu kawasan. Anggaran ini dikira setiap tahun dan kaedah yang digunakan adalah kaedah komponen kohort iaitu pengiraannya berdasarkan perubahan komponen penduduk iaitu kelahiran, kematian serta migrasi dalaman dan antarabangsa bagi tahun semasa. Anggaran ini memberi gambaran tentang pertumbuhan dan perubahan penduduk dari segi struktur dan komposisinya.

1.7 Unjuran penduduk

Unjuran penduduk adalah anggaran penduduk yang diunjurkan untuk masa depan. Unjuran ini dikira setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan. Kaedah komponen kohort yang terdiri daripada kelahiran, kematian dan migrasi bersih digunakan dalam membuat unjuran ini. Unjuran penduduk memberi gambaran tentang kemungkinan perubahan penduduk berdasarkan andaian kelahiran, kematian, migrasi dalaman dan antarabangsa masa depan.

1.8 Nisbah jantina

Merujuk kepada bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

1.9 Umur penengah

Umur penengah ialah umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur ini, manakala separuh lagi melebihi umur tersebut.

---

# PENDUDUK

---

## KONSEP

1.10 Jumlah nisbah tanggungan

## DEFINISI

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Jumlah nisbah tanggungan} = \frac{(\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun} + \text{bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih}) \text{ dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

1.11 Nisbah tanggungan umur muda

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Nisbah tanggungan umur muda} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

1.12 Nisbah tanggungan umur tua

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Nisbah tanggungan umur tua} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

---

# PENDUDUK

---

## KONSEP

## DEFINISI

### 2. PERANGKAAAN PENTING

#### 2.1 Kelahiran hidup

Merujuk kepada kelahiran yang bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika.

Formula:

$$\text{Kadar kelahiran kasar} = \frac{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun, } t}{\text{Penduduk pertengahan tahun dalam tahun, } t} \times 1,000$$

#### 2.2 Kadar kesuburan jumlah

Merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar kesuburan umur tertentu bagi sesuatu tahun.

[Kadar ini diperoleh dengan menjumlahkan kadar kesuburan umur tertentu perempuan yang berumur 15-49 tahun (mengikut kumpulan umur lima tahun) dan didarabkan dengan 5].

Formula:

$$\text{Kadar kesuburan} = 5 \sum_i \left( \text{kadar kesuburan umur tertentu} \right)$$

di mana:  $i = (15-19), (20-24), \dots, (45-49)$

#### 2.3 Kematian bayi

Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun.

Formula:

